

Laporan ini belum dikemakini
Senarai Ahli dilampirkan
Kandungan dilampirkan

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 9 November 1999

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

[Soalan No. 1 –Y.B. Tuan Jacob Dungau Sagan (Baram) tidak hadir]

2. **Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]** minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah bilangan pelajar Melayu yang masih meneruskan pelajaran di luar negara atas alasan tiada kursus yang sesuai atau tiada kekosongan dan apakah langkah-langkah kerajaan dalam membantu mereka yang menghadapi masalah kewangan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk membantu pekerja di luar negara yang menghadapi masalah kewangan bagi membolehkan mereka meneruskan pengajian. Antaranya menyediakan peruntukan tambahan bagi program pengajian di luar negara dan menyediakan pinjaman luar jangka bagi pelajar-pelajar persendirian yang menghadapi masalah kewangan. Di samping itu juga, pihak universiti di luar negara juga menawarkan biasiswa kepada pelajar-pelajar.

Pada masa ini, Kementerian Pendidikan tidak mempunyai maklumat mengenai bilangan sebenar pelajar di luar negara yang tidak pulang ke tanah air dan meneruskan pengajian di IPT tempatan semasa negara dilanda kegawatan ekonomi.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai bilangan pelajar yang meneruskan kursus atau pengajian mereka di luar negara, setakat manakah kerajaan menggalakkan IPTS yang berada di negara kita, bolehkah Yang

Berhormat Timbalan Menteri menerangkan sedikit-sebanyak tentang kedudukan sekarang sama ada mereka masih ramai di luar negara ataupun banyak sudah pulang ke negara kita?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, akibat kegawatan ekonomi, bilangan pelajar yang terus keluar ke universiti-universiti luar negara untuk meneruskan pengajian mereka adalah kurang, bukan sahaja kurang dari segi tajaan kerajaan, juga kurang dari segi calon-calon persendirian. Pada awal tahun 1990-an, bilangan pelajar yang keluar untuk meneruskan pengajian mereka adalah lebih kurang seramai 10,000 atau 15,000 orang. Ini adalah jumlah dari kedua-dua pihak iaitu calon-calon kerajaan dan calon-calon persendirian. Manakala sekarang ini kita agak, tiap-tiap tahun hanya 2,000-3,000 pelajar yang mampu keluar.

Mereka yang sudah mula pengajian mereka, bilangan yang pulang ke negara kurang sedikit kerana apabila mereka pulang, itu akan menjejaskan pengajian mereka. Namun demikian, kebanyakan mereka sudah dapat bantuan sama ada dari universiti-universiti di luar negara atau melalui program-program bantuan kerajaan. Kerajaan juga telah memperluaskan program-program IPTS dan juga mewujudkan beberapa universiti swasta dan juga telah memperluaskan program-program di universiti kerajaan. Semua itu pada masa sekarang mampu untuk menawarkan peluang yang cukup pada pelajar-pelajar tanpa memerlukan mereka ke luar negara .

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah alasan yang tertentu bahawa bila kerajaan memberi bantuan secara *loan* atau *scholarship* bukan semua pelajar yang sedang belajar di universiti atau di IPTS layak mendapatnya walaupun ibu bapa mereka berpendapatan sangat rendah dan apakah alasan-alasan kerajaan bahawa mereka ini tidak boleh diberi bantuan yang sedia dan jika ada satu sistem yang rasional, apakah ianya?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, mengikut garis panduan kementerian, semua pelajar yang memenuhi syarat-syarat yang kita tentukan iaitu dari segi pendapatan keluarga dan sebagainya, kita akan beri. Tidak ada mereka yang dikecualikan. Ini adalah garis panduan kerajaan. Kementerian Pendidikan akan bekerjasama dengan universiti-universiti supaya tidak ada langsung pelajar-pelajar dari keluarga yang miskin yang sudah masuk ke universiti-universiti tempatan akan terjejas

dari segi pengajian mereka. Ini adalah janji Kerajaan Barisan Nasional, bukan janji pembangkang dan kita akan menunaikan janji kita.

Tuan M. Kulasegaran: Tetapi janji tidak dikotakan.

[Soalan No. 3 –Y.B. Datuk Lau Ngan Siew (Sandakan) tidak hadir]

4. **Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]** minta Menteri Pendidikan menyatakan dana bantuan dari Tabung Pendidikan Tinggi Nasional pada tahun 1999 telah dihad pengeluarannya pada 9 dan 10 Jun tahun tersebut, tetapi kemasukan ke universiti dan maktab berlaku berterusan dari bulan Jun hingga bulan September. Apakah kelonggaran yang dirancang.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, tempoh pengeluaran wang pendahuluan diri sebanyak RM1,000 dan RM1,500 bagi pelajar yang ditawarkan tempat di IPTA dihadkan pada 9 dan 10 Jun 1999 adalah bagi memastikan pengurusan pengagihan wang ini dapat dilakukan dengan cekap. Namun demikian, bagi beberapa negeri, tempoh ini telah dilanjutkan bagi memberi peluang kepada pelajar yang tinggal jauh dari pusat pengeluaran mendapatkan wang pendahuluan diri mereka.

Bagi pelajar-pelajar lulusan STPM atau setaraf dengannya yang telah pun berada di IPTA, wang pendahuluan diri ini disalurkan melalui universiti masing-masing.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sarawak ialah sebuah negeri yang tidak terlibat, yang mana duit lebih daripada 9 dan 10 Jun 1999 dikembalikan semula kepada Tabung. Saya sudah periksa dan agensi yang mengeluarkan wang itu memberitahu kepada saya, jadi persoalan tambahan saya ialah murid-murid yang telah gagal memasuki universiti ataupun IPTS oleh kerana tidak ada bantuan daripada kerajaan kerana menerima tawaran selepas bulan Julai, Ogos dan September, kerana tawaran ini berterusan sampai bulan Oktober tahun lepas setelah gagal memasuki universiti ataupun IPTS. Apakah jaminan kerajaan supaya mereka ini mendapat tempat semula di IPTS ataupun di universiti, telah memberi tawaran dan keutamaan diberi bantuan oleh Tabung ini daripada kerajaan.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Tabung pinjaman ini ialah untuk memberi bantuan kepada semua pelajar dengan jayanya memasuki universiti kerajaan atau IPTA dan universiti-universiti swasta (IPTS). Untuk pelajar-pelajar yang gagal masuk kita tidak boleh beri bantuan. Tetapi apabila mereka berjaya mendapat

tawaran, bila-bila sahaja mereka boleh buat permohonan dari universiti berkenaan dan kementerian akan mempertimbangkan. Dari segi memberi bantuan kepada mereka, tidak ada masalahnya.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu, mengapa kerajaan hendak menghapuskan skim biasiswa dan sama ada kerajaan atas desakan orang ramai hendak menghidupkan balik skim ini?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah salah faham ahli pembangkang. Kerajaan tidak berhasrat menghapuskan skim biasiswa, tetapi kita hanya hadkan skim biasiswa kepada pelajar-pelajar yang benar-benar cemerlang sahaja. Kita hendak memperluaskan skim pinjaman itu supaya lebih ramai pelajar boleh dapat manfaat. Ini adalah cadangan Kerajaan Barisan Nasional yang kita agak wajar untuk lebih ramai pelajar yang boleh dapat hasil daripada skim itu. Janganlah ahli-ahli pembangkang sengaja tidak faham tentang rancangan kerajaan ini dan salah tafsir, salah sangka atau sangkaan jahat.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, skim biasiswa tidak serupa. Dia kata pinjaman.

5. **Tuan Haji Hashim bin Jasin [Arau]** minta Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan, apakah tindakan yang telah diambil bagi melindungi orang ramai yang tertipu oleh penjualan panadol dan ubat penahan sakit tiruan dan ubat-ubat lain yang banyak terdapat di pasaran.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan prihatin tentang kesan penggunaan ubat-ubat tiruan di pasaran kerana ianya bukan sahaja merugikan pengguna malah membahayakan kesihatan mereka. Sehubungan dengan itu, dalam memberi perlindungan sewajarnya kepada pengguna, pihak kementerian sentiasa bertindak tegas untuk membanteras kegiatan pengedaran ubat-ubat tiruan di pasaran. Di antara langkah-langkah yang diambil ialah:

- (i) menjalankan pemeriksaan secara bersepadu yang melibatkan Kementerian Kesihatan, Polis Diraja Malaysia, pihak berkuasa

tempatan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Peperiksaan-pemeriksaan ini adalah juga meliputi kawasan-kawasan luar bandar;

- (ii) mengarahkan pihak pengeluaran ubat-ubatan membuat pengesanan dengan mendapatkan contoh-contoh ubat daripada pelbagai *outlet* untuk analisis kimia dan melaporkan kepada kementerian sekiranya ada ubat-ubat tiruan dikesan;
- (iii) mempertingkatkan kesedaran dan kefahaman orang ramai mengenai bahaya dan kesan menggunakan barang-barang tiruan melalui program dan aktiviti pendidikan seperti seminar, ceramah, dialog, penerangan dan penerbitan. Dalam hubungan ini, pengguna dinasihatkan membeli ubat-ubat daripada *outlet* yang sah sahaja, dengan izin, *authorize dealer*;
- (iv) menyediakan kemudahan bagi membolehkan pengguna membuat aduan sekiranya ada apa-apa maklumat mengenai ubat-ubat tiruan. Setiap diambil tindakan sewajarnya; dan
- (v) selain daripada tindakan kementerian, syarikat-syarikat yang mengeluarkan ubat-ubatan tulen juga berwaspada mengenai ubat-ubat tiruan yang ada di pasaran oleh kerana ianya menjejaskan penjualan ubat-ubatan mereka. Oleh itu, mereka juga memberi maklumat berkaitan dengan pembuatan dan penjualan ubat tiruan. Pada masa yang sama mereka juga mempunyai hak untuk mengambil tindakan sivil di mahkamah terhadap pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah kerajaan jika didapati bahawa pembuat ubat-ubat tiruan dan penjual ubat-ubat yang sedar bahawa ubat yang dijual itu adalah ubat tiruan. Jika sabut dakwaan ke atas mereka, pembuat dan penjual, apakah tindakan yang patut diambil oleh kementerian untuk memberhentikan. Kerana saya rasa tidak cukup dengan hanya memberi kesedaran kepada pengguna dan juga membuat pemeriksaan kalau tidak dikenakan tindakan yang

lebih tegas iaitu dengan mengharamkan ataupun menutup terus tempat-tempat membuat ubat dan juga penjual ubat itu sendiri?

Dato' S. Subramaniam; Tuan Yang di-Pertua, pendidikan adalah salah satu langkah. Langkah-langkah lain saya telah menyebutkan tadi dalam jawapan. Kita boleh merampas barang-barang tiruan apabila kita melakukan pemeriksaan. Kerajaan juga boleh menuduh mereka yang salah di mahkamah dan mereka boleh dikenakan hukuman di mahkamah bagi perseorangan yang terlibat. Dalam kesalahan ini, denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya boleh dikenakan. Bagi syarikat juga, denda tidak melebihi RM250,000 boleh dikenakan dan juga bagi kesalahan kedua dan berikutnya, hukuman yang boleh dikenakan adalah bagi orang perseorangan denda tidak melebihi RM200,000 dan penjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya. Bagi syarikat, denda tidak melebihi RM500 ribu boleh dikenakan. Ini semua adalah di bawah Akta Perihal Dagangan 1972.

Selain daripada itu, pihak Kementerian Kesihatan pula mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang didapati salah di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 (Pendaftaran dan Pelesenan, Aktiviti Mengilang, Menjual dan Membekalkan atau Mengimport Ubat-ubatan).

Adalah tidak benar bahawa kementerian tidak mengambil tindakan terhadap mereka yang terlibat. Daripada tahun 1990 hingga 1999 sebanyak 350 kes telah diambil tindakan terhadap mereka yang bersalah dan nilai kompaun, denda adalah sebanyak RM3.7 juta pada masa tempoh ini.

Tuan Lim Hock Seng; Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memang seperti apa yang kita dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada undang-undang yang hendak mencegah dan boleh juga mendakwa orang-orang yang terlibat. Dalam dua-tiga tahun yang lepas, kami sering membaca dalam surat khabar bahawa pasukan penguatkuasaan telah merampas dan membuat serbuan ke atas beberapa pusat membuat ubat palsu di Pulau Pinang. Tetapi sehingga ini tiada keputusannya, sama ada kes-kes ini tidak ada cukup bukti atau mereka dilepas begitu sahaja.

Dato' S. Subramaniam; Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat mahu mengetahui tentang kes yang tepat itu boleh beri maklumat lebih awal. Tetapi saya telah mengatakan bahawa setiap pemeriksaan atau serbuan yang kita lakukan, kita rampas

sekarang dan menuduh mereka yang bersalah dan terpulanglah kepada mahkamah untuk menjatuhkan hukuman. Tetapi kalau ada kes yang tertentu, Ahli Yang Berhormat perlu mengemukakan kepada saya maklumatnya untuk dijawab dengan lebih tepat.

6. **Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, bagaimanakah tahap pembangunan IKS dan pemindahan teknologi masa kini di Sarawak serta jumlah gunatenaga mahir dan profesional yang berjaya diwujudkan dalam tempoh lima tahun terakhir ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut bancian industri kecil dan sederhana negara yang terakhir, negeri Sarawak mempunyai 300 buah syarikat IKS. Kebanyakan syarikat IKS ini adalah terlibat dalam industri makanan sebanyak 29%, produk fabrikasi keluli sebanyak 18%, produk berasaskan kayu 18% dan pembuatan kertas 13%.

Dalam tempoh lima tahun terakhir ini, sebanyak 15,579 peluang pekerjaan telah diwujudkan oleh IKS Sarawak. Kerajaan sentiasa membantu pembangunan IKS terutamanya dalam meningkatkan tahap teknologi melalui pelbagai program dan insentif yang disediakan seperti program Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian (ITAF). Sehingga bulan September 1999, sebanyak tujuh permohonan dari negeri Sarawak telah diluluskan untuk membantu IKS dalam bidang peningkatan pembuatan proses, produk dan reka cipta. Sementara itu, sebanyak 11 permohonan telah diluluskan untuk membantu IKS dalam bidang peningkatan kualiti, produktiviti dan persijilan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh lima tahun terakhir, MITI telah meluluskan sebanyak 205 projek perkilangan untuk ditempatkan di negeri Sarawak dengan pelaburan berjumlah RM8.63 bilion. Pelaburan ini akan memberi peluang perpindahan teknologi kepada IKS dari segi peningkatan kemahiran teknikal dan pembekalan perkhidmatan, barangan perantaraan dan komponen kepada syarikat-syarikat besar. Kerajaan akan terus melaksanakan program meningkatkan tahap pembangunan IKS serta keupayaan mereka mempelajari teknologi yang dipindahkan melalui:

- (a) skim ITAF yang sedia ada;
- (b) pemberian geran untuk membiayai kos latihan kemahiran teknikal IKS; dan

- (c) memastikan perjanjian teknikal yang ditandatangani melibatkan perpindahan teknologi kepada syarikat tempatan khususnya IKS.

Semenjak lima tahun yang lepas, sebanyak lapan perjanjian teknikal telah ditandatangani oleh syarikat-syarikat di negeri Sarawak.

Tuan Chiew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah halangan-halangan yang menyebabkan teknologi tidak dapat dipindahkan segera di negeri Sarawak?

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya tidak ada halangan-halangan tertentu yang menyebabkan teknologi tidak dapat dipindahkan ke negeri Sarawak. Hanya dari segi *reception* ataupun pelaburan syarikat-syarikat *indigenous*, syarikat-syarikat yang berasal dari negeri Sarawak, kalau sekiranya mereka ini mempunyai daya usaha untuk mengimport teknologi dari luar negeri dan mendapat sumber teknologi ini, kerajaan akan terus membantu mereka di bawah skim-skim tertentu. Tidak ada halangan, malah kita menggalakkan perpindahan teknologi yang terkini ke luar negara ke mana-mana negeri di dalam negeri kita.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak MITI yang banyak berusaha membantu pengusaha IKS, bukan sahaja di negeri Sarawak bahkan di seluruh negara.

Jadi, selain daripada usaha untuk membantu IKS dari segi perpindahan teknologi dan guna tenaga mahir, satu cara lain ialah menubuhkan insentif dan juga tabung-tabung pemulihan IKS untuk membantu golongan pengusaha IKS. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memaklumkan dalam Dewan yang mulia ini setakat mana Tabung IKS dan Tabung Pemulihan IKS dapat membantu golongan IKS, khususnya dalam negara kita menghadapi kegawatan ekonomi dan kalau ada rancangan-rancangan yang terbaru untuk membantu pengusaha-pengusaha IKS dalam satu, dua tahun ini?

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat bagi Kluang berkehendakkan angka-angka yang menyebutkan setakat mana jumlah kewangan yang telah diberikan daripada Tabung IKS, kepada pengilang-pengilang ataupun mereka yang terlibat dalam IKS, saya mohon maaf oleh kerana saya tiada angka-angka tersebut. Tetapi saya ingin memberitahu bahawa

Tabung IKS ini memang dilangani dengan begitu laris sekali oleh pihak IKS, khususnya dari segi menangani masalah perpindahan teknologi. Kita ada beberapa ITAF ataupun *Industrial Technology Acquisition Program* iaitu ITAF, I sampai ITAF IV, yang boleh memberikan perpindahan teknologi dengan beberapa cara.

Jadi, tabung-tabung ini termasuk juga Tabung Pemulihan IKS dan ITAF boleh digunakan, sama ada kerajaan akan meningkatkan atau memperbanyakkan lagi Tabung – yang sebenarnya kita ada banyak Tabung. *Last count*, boleh jadi kita ada berpuluh Tabung untuk membantu pihak *industrialist* di dalam menangani masalah mereka. Kita hanya hendak menyelaraskan Tabung ini supaya ianya dapat dikawal dengan begitu baik untuk menyalurkan bantuan kepada pihak-pihak yang tertentu.

Setakat ini, MITI tidak mempunyai program untuk mengadakan satu lagi Tabung dengan tujuan untuk membantu industri kecil dan sederhana. Boleh jadi, kita hanya meningkatkan jumlah tabungan yang ada sekarang ini untuk diperluaskan untuk membantu IKS yang lebih lagi.

7. **Tuan Haji Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said [Kuala Nerus]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, apakah pendirian kerajaan tentang Timor Timur dan sehingga kini, berapa ramaikah tentera Malaysia terlibat di Timor Timur.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama dengan soalan Yang Berhormat bagi Kuala Pilah pada hari ini dan Yang Berhormat bagi Bagan Datoh pada 15 November 1999, memandangkan soalan mereka adalah sama dan berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia menyokong keputusan Kerajaan Indonesia untuk mengadakan referandum ke atas Timor Timur. Kita juga menyokong persetujuan yang telah dicapai hasil dari perbincangan secara tiga penjurong di antara Indonesia, Portugal dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi memeterai dan menandatangani satu perjanjian pada 5 Mei 1999, serta keputusan referandum yang telah diadakan di Timor Timur pada 30 Ogos 1999.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, keputusan referandum ini telah pun disahkan oleh Majlis Permesyuaratan Indonesia pada 19 Oktober 1999.

Pendirian Malaysia terhadap isu Timor Timur telah mengambil kira perkembangan semasa dan pandangan Kerajaan Indonesia terhadap isu tersebut. Oleh yang demikian, tuduhan yang mengatakan negara kita lewat bertindak bagi menangani isu ini adalah tidak benar sama sekali.

Malaysia sebagai Ahli Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah memainkan peranan penting dalam menangani masalah di Timor Timur. Wakil Tetap kita di PBB adalah salah seorang daripada anggota Majlis Keselamatan PBB yang telah membuat lawatan bersama misi khas MKPBB ke Indonesia pada 8 hingga 10 September 1999. Jadi, ekoran daripada lawatan tersebut, satu laporan telah dikemukakan kepada Majlis Keselamatan dan satu pasukan pelbagai negara telah ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama, Malaysia juga terlibat dalam misi *United Nations Mission on East Timor (UNIMET)* dengan menghantar 20 orang anggota Angkatan Tentera Malaysia dan 26 orang Polis Diraja Malaysia yang berkhidmat sebagai polis awam dan pemerhati tentera. Malaysia juga telah menghantar seramai 30 orang pegawai anggota angkatan tentera Malaysia yang kini berkhidmat bersama *International Force for East Timor (INTERFET)* pada 20 September 1999, sebaik sahaja pasukan tersebut ditubuhkan oleh PBB.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Majlis Keselamatan PBB telah pun meluluskan pada 25 Oktober 1999, satu resolusi bagi menubuhkan sebuah pentadbiran transisional di Timor Timur, *United Nations Transitional Administration in East Timor (UNTAET)* akan mempunyai satu komponen pasukan pengaman PBB yang akan menggantikan peranan INTERFET. Malaysia akan mengambil bahagian dalam operasi pasukan tersebut. Malaysia berpendapat bahawa pasukan pengaman PBB ini harus mengambil alih daripada INTERFET secepat mungkin dan memandangkan bahawa Timor Timur adalah di rantau ini. Peranan harus diberi kepada negara ASEAN. Malaysia bersedia untuk menjadi pemerintah Pasukan Pengaman PBB di Timor Timur sekiranya jawatan tersebut ditawarkan kepada Malaysia.

Dari segi bantuan kemanusiaan, Malaysia juga telah menyalurkan sebanyak US\$150 ribu kepada Timor Timur dalam bentuk ubat-ubatan dan makanan. Bantuan ini telah pun diserahkan kepada Kerajaan Indonesia pada 26 Oktober 1999.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia berpendapat bahawa walaupun Majlis Keselamatan PBB telah pun memberi mandat kepada Australia untuk mengetuai Pasukan Pengaman Pelbagai Negara di Timor Timur, tindak-tanduk Australia dalam menangani masalah Timor Timur perlulah mengambil kira sensitiviti negara-negara di rantau Asia Tenggara.

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Malaysia diura-urakan untuk menjadi Pemerintah Pasukan Pengaman PBB di Timor Timur. Apakah tindakan kementerian ataupun kerajaan, apabila pemimpin tempatan Timor Timur iaitu Mr. Horta, apabila beliau mengutuk dan merendahkan kebolehan Malaysia untuk menjadi Pemerintah Pasukan Pengaman ini?

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, mengenai kenyataan pemimpin Timor Timur itu kita tidak perlu mengambil apa-apa tindakan tetapi yang penting kepada kita ialah mengambil keputusan Majlis Keselamatan PBB sebagai satu panduan untuk mana-mana keputusan dalam menyelesaikan masalah di Timor Timur.

Keduanya, ingin saya menyatakan di sini penglibatan negara kita khususnya anggota Angkatan Tentera Malaysia dalam mana-mana *peace keeping force* yang telah diadakan di Bosnia, di Somalia dan di mana-mana tempat kita mengambil bahagian, kita telah menunjukkan sikap profesional dan telah menunjukkan bahawa kita memang sentiasa boleh memikul tanggungjawab yang telah diputuskan atas pasukan keselamatan kita.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut bahawa Timor Timur perlulah ambil perkiraan sensitiviti negara-negara rantau ini. Saya bersetuju tetapi bukannya perlu bahawa negara kita ambil perkiraan sensitiviti-sensitiviti rakyat dan kerajaan baharu di Timor Timur yang akan diwujudkan, oleh kerana rekod kita dalam pandangan mereka ada memberi kepada Kerajaan Indonesia – dalam 20 tahun berlaku *genocide* di mana 200 ribu rakyat Timor Timur terkorban dan atas masalah ini, bukannya kontroversi yang berlaku apabila Malaysia menunjukkan minat untuk mengetuai *United Nations Transitional Authority for East Timor (UNTAET)*? Komponen pasukan pengaman tidak baik untuk negara dan bukannya lebih elok bahawa kita terus memainkan satu peranan dalam pembinaan Timor Timur dengan kontijen yang ada, sama ada mengetuai *peace keeping force* itu. Adakah

Malaysia rela untuk terus membuat sumbangan, kalau tidak silap 1,700 orang anggota tentera dari Malaysia, sama ada kita mengetuai atau tidak mengetuai komponen pengaman, mengetuai *United Nations Transitional Authority for East Timor (UNTAET)*?

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menjelaskan di sini bahawa dalam Dewan yang sama, saya menyatakan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat, kita telah menyokong tindakan 20 tahun yang lalu, itu tidak benar. Sebenarnya, kita sekarang katakan bahawa kita berpandukan kepada keputusan Majlis Keselamatan PBB dalam menyelesaikan masalah Timor Timur ini. Untuk penglibatan kita, kita tidak meminta sebagai pemimpin atau mengetuai itu tetapi kalau ditawarkan kita memang sedia untuk menerima tanggungjawab sebagai Ahli Persatuan Majlis Bangsa-Bangsa Bersatu dan juga kita menyatakan di sini bahawa walaupun kita tidak ditawarkan sebagai ketua tetapi yang penting ialah kita akan terus melibatkan diri, di mana ditawarkan untuk mengambil bahagian dalam *peace keeping force* dan juga dalam *United Nations Transitional Authority for East Timor* itu.

Kita sentiasa mengambil berat bahawa kepentingan penyelesaian masalah di Timor Timur di rantau ini yang kita katakan ialah perlu untuk kita sentiasa memberikan kesedaran kepada masyarakat antarabangsa bahawa isu ini memanglah mengambil kira sensitiviti-sensitiviti di rantau ini dan penyelesaian masalah ini memang diambil berat oleh negara-negara di rantau ini.

8. **Dr. G. Leelavathi [Kapar]** minta Menteri Kesihatan menyatakan, apakah tindakan yang telah serta akan diambil oleh pihaknya bagi memastikan tahap kesihatan para penduduk di kawasan yang dicemari sisa toksid dalam keadaan yang baik dan tidakkah pihaknya bercadang untuk menempatkan semula mereka ini di lokasi baru umpamanya dengan memperuntukkan perumahan kos rendah.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan kawalan pencemaran alam sekitar oleh sisa toksik di kawasan yang berkenaan sedang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri dengan bantuan Jabatan Alam Sekitar (JAS). Tindakan yang akan diambil oleh Kementerian Kesihatan bagi menangani masalah kesihatan para penduduk di kawasan berkenaan adalah bergantung kepada keputusan analisa sampel

buangan sisa toksid yang telah diambil untuk dianalisa oleh Jabatan Kimia. Tindakan yang sewajarnya akan diambil apabila keputusan diketahui nanti.

Walau bagaimanapun, tindakan yang telah diambil oleh agensi lain bagi menangani ancaman pencemaran alam sekitar ini diharap akan dapat mengurangkan ancaman kesihatan kepada penduduk di persekitarannya. Jabatan Alam Sekitar Selangor telah memanggil syarikat Alam Sekitar Malaysia Sdn. Bhd. (ASMA) ke tempat kejadian bagi membuat penilaian tentang keperluan untuk menjalankan pengawasan kualiti tanah dan air bawah tanah di tapak berkenaan dan juga mencadangkan kaedah pembersihan yang perlu dijalankan.

Dari pengecaman kasar pegawai-pegawai yang menyiasat di tempat kejadian, buangan yang dibuang adalah sisa-sisa cat, minyak terpakai, enapcemar resin, *thinner*, *fan solvent* dan beberapa lagi. Sampel buangan tersebut dan sampel tanah telah diambil untuk dianalisa oleh Jabatan Kimia.

Pihak JKR telah membuat parit sebagai halangan di jalan masuk ke tapak pelupusan sampah haram tersebut dan bercadang untuk memagar kawasan berkenaan. Pihak Pejabat Tanah dan Daerah akan merobohkan pondok-pondok yang didirikan secara haram, pihak polis akan mengawasi kawasan ini dari dicerobohi.

Jabatan Alam Sekitar akan mengambil tindakan mahkamah ke atas pihak industri yang didapati melakukan pelupusan haram buangan terjadual. Jabatan Alam Sekitar juga bercadang mengambil tindakan undang-undang ke atas operator yang mengendalikan tapak pelupusan tersebut. Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama pihak JKR dan Pejabat Tanah serta daerah Klang akan mengambil tindakan pembersihan tapak tersebut dan mencegah kejadian berulang. Berkenaan dengan pendapatan semula penduduk dengan rumah kos rendah, ini Yang Berhormat perlulah merujuk kepada Kerajaan Negeri kerana ianya di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat terangkan bilangan tempat yang dicemari oleh sisa toksik, bukan sahaja di kawasan Kapar sahajalah. Saya nampak jawapan itu hanya untuk kawasan Kapar sahaja. Tetapi saya nampak di banyak tempat, termasuk di Pulau Pinang, *potassium cyanide* di Pantai Remis dan sebagainya, di banyak tempat di seluruh negara. Bukan hanya di kawasan Kapar sahaja dan juga Yang Berhormat pun ada sebut mengenai tapak pelupusan sampah.

Adakah Yang Berhormat sedar bahawa pihak kementerian kurang mengambil perhatian mengenai penduduk di sekitar tapak pelupusan sampah seperti di Jinjang Utara, Kuala Lumpur? Saya tidak nampak kementerian mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah pencemaran dan penjejasan kesihatan ke atas para penduduk di sekitar tapak pelupusan sampah-sarap yang selama ini lebih daripada dua dekad, 20 tahun.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang ada beberapa lagi tapak pembuangan yang haram yang telah dikenal pasti. Jumlahnya saya kena beritahu kemudian tetapi kalau Yang Berhormat tahu, eloklah laporkan kepada kita dan kita boleh ambil tindakan. Jangan dalam Dewan sahaja Yang Berhormat hendak sebut, luar Dewan tidak buat kerja.
[Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, tidak jawab. Saya memang buat kerja, tidak jawab!

Seorang Ahli: Tidak tahu jawab.

[Soalan No. 9 –Y.B. Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau] tidak hadir]

10. **Tuan Tiong Thai King [Lanang]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan, bilakah projek bekalan air bagi semua rumah panjang di negeri Sarawak khasnya kawasan Parlimen Lanang akan dibuat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, adalah dijangka semua penduduk rumah panjang di Sarawak akan dapat menikmati bekalan air dirawat atau tidak dirawat pada akhir Rancangan Malaysia Kesembilan. Sehingga akhir tahun 1998 liputan bekalan air luar bandar negeri Sarawak adalah 64%. Bagi kawasan Parlimen Lanang, lebih kurang 80% daripada rumah-rumah panjang telah pun mendapat bekalan air.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masih banyak kampung di luar bandar yang belum mendapat bekalan air, walaupun 64% telah dapat. Kawasan saya masih banyak juga. Jadi, apakah rancangan kementerian untuk mempercepat penyelidikan mencari tadahan air dan pelaksanaan supaya kampung-kampung ini boleh mendapat kemudahan air bersih di masa hadapan?

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Memang kementerian sedar bahawa masalah pembekalan air di negeri Sarawak adalah satu masalah yang begitu rumit sekali khasnya di kawasan tepi pantai di mana sumber-sumber air adalah susah untuk didapati. Oleh yang demikian, untuk tahun hadapan, kementerian telah mewujudkan satu Kepala Perbelanjaan yang dinamakan Bekalan Air Alternatif untuk kementerian yang diperuntukkan sebanyak RM9 juta. Ini adalah untuk seluruh negara. Matlamatnya adalah untuk mencari cara alternatif, misalnya cara *tube well* ataupun telaga ataupun cara-cara yang dapat digunakan untuk menentukan kawasan-kawasan tepi pantai ini dapat dibekalkan dengan air.

11. **Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah tindakan dan perancangan yang lebih tegas dan efisien ke arah pembangunan belia di negara ini memandangkan kepada ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di majlis perasmian MAPEN II bahawa umur penengah (*median*) penduduk negara ini ialah 23 tahun.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan telah merancang dan melaksanakan pelbagai Program Induk sebagai Agenda Perdana Pembangunan Belia di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah berdasarkan kepada Pelan Dasar Pembangunan Belia Negara. Agenda Perdana Pembangunan Belia ini adalah mampu untuk meneruskan agenda negara selaras dengan cita-cita negara Malaysia yang maju menjelang alaf baru akan datang.

Agenda Perdana Pembangunan Belia yang dilaksanakan secara berterusan untuk memantapkan kerjaya dan potensi belia dalam pembangunan antaranya :-

- (i) Program Pembangunan Usahawan Belia yang dilaksanakan bertujuan ke arah belia berniaga, belia usahawan, belia celik niaga, belia berdikari, belia dan komputer, belia bermaklumat dan sebagainya;
- (ii) Program Pembangunan Latihan dan Kemahiran Belia dilaksanakan bertujuan untuk menyediakan latihan-latihan kemahiran yang sesuai dengan keperluan semasa belia yang berumur di antara 15 hingga 25 tahun. Program-program Latihan Kemahiran jangka pendek dan

jangka panjang di Institut-Institut Kemahiran Belia Negara dan Institut-Institut Kemahiran Swasta, Latihan Sambil Kerja, Skim Perantisan dan sebagainya. Ianya diadakan secara menyeluruh di negara bagi menyediakan belia-belia berkemahiran bagi menghadapi Malaysia sebagai negara maju; dan

- (iii) Program Pembangunan Kepimpinan dan Sahsiah Belia yang bertujuan ke arah melahirkan belia-belia yang berkepimpinan, berketerampilan, bermotivasi tinggi, patriotik, berdaya saing, mempunyai rasa tanggungjawab, bermasyarakat dan sebagainya. Pelaksanaan program-program kepimpinan di Institut Kepimpinan Belia Negara, Program Pembangunan Kepimpinan dan Pertubuhan Belia, Kaunseling dan Motivasi, Program Motivasi Perdana, Program Khidmat Sosial Negara dan Keantarabangsaan dan sebagainya adalah merupakan program-program ke arah melahir dan memantapkan kepimpinan dan sahsiah belia bagi alaf baru ini. Program-program ini dilaksanakan dengan perkongsian bijak (*smart partnership*) yang menyeluruh dan bersepadu di antara kerajaan dengan pertubuhan-pertubuhan Belia, NGO, agensi-agensi kerajaan lain, swasta dan institut-institut tempatan.

Tuan Haji Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah di atas Agenda Pembangunan Perdana Belia seperti mana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi dan saya tertarik dengan agenda yang ketiga iaitu mengenai memajukan pertubuhan belia dan juga *smart partnership* dengan pertubuhan belia tetapi saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sebagaimana yang kita sedia maklum, pertubuhan belia ini tertakluk kepada dua kementerian; di bawah Keselamatan Dalam Negeri iaitu di bawah Pendaftar Pertubuhan yang akan menentukan sama ada satu-satu pertubuhan belia itu sah ataupun tidak, jadi ROS yang akan menentukan. Sedangkan Kementerian Belia dan Sukan pula hanya dapat memberi bantuan dan juga menggerakkan pertubuhan belia yang mana kadang-kadang pertubuhan belia pun dia tidak tahu, sama ada pertubuhan belia itu sah ataupun tidak.

Jadi, oleh kerana ada pertindihan (*overlapping*) ini di antara dua kementerian, ROS yang menentukan dari segi undang-undang pengesahan satu-satu pertubuhan belia dan Kementerian Belia dan Sukan pula hanya memikirkan untuk menggerakkan pertubuhan belia, tidak adakah kementerian bercadang untuk meletakkan semua pertubuhan belia ini hanya di bawah Kementerian Belia dan Sukan, biar Kementerian Belia dan Sukan yang menentukan mengenai sah ataupun tidak satu-satu pertubuhan belia, bukannya di bawah Pendaftar Pertubuhan. Jadi, adakah kementerian bercadang supaya pertubuhan belia ini diletakkan di bawah Kementerian Belia dan Sukan sahaja, jangan diletakkan di bawah Pendaftar Pertubuhan?

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini pihak kementerian tidak mempunyai cadangan untuk mengambil alih tentang pentadbiran dan salasilah tentang pentadbiran persatuan-persatuan atau pertubuhan-pertubuhan belia. Walau bagaimanapun, jikalau ada cadangan atau pergerakan daripada pertubuhan-pertubuhan belia ini supaya Kementerian Belia dan Sukan mengambil alih pendaftaran dan sebagainya, saya rasa bahawa Menteri Belia dan Sukan akan mengambil iktibar dan mungkin akan mengambil langkah-langkah yang sesuai tetapi buat masa ini dalam pengalaman Kementerian Belia dan Sukan kita tidak mempunyai masalah, oleh kerana pendaftaran itu dijalankan di bawah ROS tetapi kegiatan-kegiatan pertubuhan belia itu dimantau dan mendapat galakan dan sokongan daripada Kementerian Belia dan Sukan. Saya rasa buat masa ini satu *smart partnership* tetapi kalau dikira bahawa ada keperluan untuk Kementerian Belia dan Sukan mengambil alih, saya rasa, dengan izin, *no problem*.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, alaf baru tidak beberapa lama lagi. Walau bagaimanapun, kita dapati Wawasan 2020 ada 20 tahun lagi kita akan sampai dan umur penengah belia-belie sekarang ialah 23 tahun, ketika itu belia-belie yang berumur 23 tahun akan berusia 43 tahun – masih lagi dalam, dengan izin, *employment age group* dan kita dapati hari ini ada belia-belie yang mendapat pendidikan sampai Tingkatan Lima sahaja. Mengikut pendekatan yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa pada masa akan datang, kita akan tertumpu kepada pembangunan industri yang berasaskan kepada k-ekonomi (*knowledge economy*). Jadi, bersabit dengan usahawan ini, apakah program yang khusus yang dirancang oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan bahawa belia-belie kita sekarang akan terdedah dengan

pendekatan ke-ekonomi supaya belia-belie akan datang kita akan menjadi *intangible asset* kepada negara.

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, kita semua maklumat bahawa untuk setiap insan, kemahiran atau pendidikan asasnya mustahak. Maknanya segala pendidikan dan ilmu yang diraih semasa di bangku sekolah dan kemudiannya kepada mereka yang bertuah di kolej-kolej untuk diploma, maka mereka seharusnya telah pun mendapat asas kemahiran dari segi ilmiah. Bagi pihak Kementerian Belia dan Sukan, kita mengambil alih selepas itu dan program-program yang diadakan pada masa kini di IKBN-IKBN yang ada, pihak Kementerian Belia dan Sukan rasa memadai untuk menampung keperluan kemahiran belia-belie yang tidak mampu, misalnya, untuk pergi ke universiti. Walau bagaimanapun, pihak kementerian sentiasa mengkaji tentang keperluan negara dan tiap-tiap tahun apabila kita membuat penilaian dan didapati bahawa kursus-kursus yang dianjurkan oleh IKBN itu telah pun ketinggalan atau tidak ada keperluan lagi, maka kursus-kursus ini akan di *upgrade* kan. Walau bagaimanapun, saya mengambil perhatian dan maklum tentang cadangan Ahli Yang Berhormat dan insya-Allah kita akan menentukan bahawa kursus-kursus yang dianjurkan untuk kita meningkatkan lagi kemahiran di kalangan belia itu sentiasa menemui keperluan negara.

[Soalan No. 12 – Y.B. Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab] tidak hadir]

13. **Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah perbelanjaan yang telah digunakan untuk kesemua lawatan 'perjumpaan bersama rakyat' beliau ke negeri-negeri di seluruh Malaysia.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Ibrahim bin Ali]: Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar perbelanjaan untuk kesemua lawatan di Majlis Perjumpaan Bersama Rakyat adalah ditanggung oleh kerajaan-kerajaan negeri dan badan-badan separuh kerajaan yang terlibat dengan projek-projek tertentu dan angka-angka perbelanjaan ini tidak diberitahu kerana di bawah penguasaan kerajaan negeri berkenaan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah memang tugas dan tanggungjawab beliau untuk menemui rakyat

dan menjelaskan tentang kemajuan dan pembangunan kepada rakyat . Saya ingin mendapat penjelasan adakah pihak Jabatan Perdana Menteri ataupun Kementerian Dalam Negeri atau Jabatan Hasil Dalam Negeri akan mengambil tindakan terhadap parti pembangkang kerana apabila PAS menganjurkan perjumpaan-perjumpaan, depa kutip duit dan duit ini tidak ada penyata kira-kira dan selain daripada turun berjumpa dia, depa berbohong kepada rakyat , depa pekena rakyat . Jadi, adakah Yang Berhormat akan mengambil tindakan menggunakan kuasa supaya jangan rakyat tertipu dengan duit padi dan lain-lain kerana kononnya jihad. Ada yang beri gelang, rantai pun beri, puak ini ambil pergi gadai, lepas itu ambil duit beri sama-sama depa....

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Soalankah atau ceramah! [*Ketawa*]

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju?

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Soalan dan penerangan.

Dato' Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan sedar apa yang berlaku tetapi sukar untuk pihak kerajaan mengambil tindakan kecuali jika ada laporan-laporan yang dibuat kepada pihak polis ataupun Badan Pencegah Rasuah, maka perkara ini boleh diambil tindakan susulan.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, Dato Seri Dr. Mahathir adalah Perdana Menteri Malaysia, juga Perdana Menteri saya. [*Ketawa*] Setiap kali Perdana Menteri membuat lawatan, apakah pihak kerajaan bersetuju supaya dia disambut oleh rakyat , bukan disambut oleh Barisan Nasional, misalnya di airport, sepatutnya yang menyambut beliau itu pegawai-pegawai kerajaan, wakil-wakil rakyat dan bendera adalah bendera Malaysia, bendera negeri dan bendera Persekutuan. Apa yang berlaku sekarang ialah Perdana Menteri pergi melawat sebagai Presiden UMNO. Dia disambut oleh bendera dacing dan sebagainya menyebabkan kasih rakyat kepada Perdana Menteri semakin lama semakin hilang, ia hanya timbul kasih UMNO kepada Presiden. Jadi, apakah kerajaan tidak sedar perkara ini dan tidak mahu ubah supaya Perdana Menteri lawatannya sebagai Perdana Menteri, bukan sebagai Presiden UMNO. Tidak apalah sebelah malamnya hendak berjumpa dengan UMNO, hendak rapat umum, itu soal lain tetapi paling kurang ketibaan Perdana Menteri itu disambut oleh rakyat, bukan oleh jentera Barisan Nasional. Minta pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri .

Dato' Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat sebut Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir adalah Perdana Menteri Yang Berhormat, semua rakyat menyambut Perdana Menteri di mana-mana beliau pergi kecuali Yang Berhormat bagi Kubang Kerian sahaja yang tidak ada. *[Ketawa]* Untuk makluman Yang Berhormat, saya dapati bila Menteri Besar Kelantan membuat lawatan di majlis-majlis tertentu, bukan sahaja bendera PAS dipasang, malah bangunan itu dicat dengan hijau, itu Menteri Besar. Jadi, sebelum Yang Berhormat menegur Kerajaan Pusat.....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Boleh beritahu bangunan mana, bila tarikhnya?

Dato' Haji Ibrahim bin Ali: Banyak, madrasah....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tidak boleh beri!

Dato' Haji Ibrahim bin Ali: Yang Berhormat boleh pergi ke Kelantan, Yang Berhormat pun Ahli Parlimen di Kelantan, tangga madrasah yang Barisan Nasional buat pun orang PAS cat hijau, tangga, dinding, bendera-bendera masuk dalam pejabat, malah di Kota Darul Naim, itu yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional, pun puak-puak Yang Berhormat anggap itu dibina oleh PAS. Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat, "tengok gajah di depan matalah, tidak usah tengok kuman di seberang laut".

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ini Timbalan Menteri, jawablah sebagai Timbalan Menteri. *[Ketawa]* Hendak jawab merapu macam ini, kalah di Pasir Mas nanti! *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Kena pula Lim Kit Siang menjadi Perdana Menteri, cat merah pula!

14. **Dr. Yap Yit Thong [Lumut]** minta Perdana Menteri menyatakan, pecahan pengundi mengikut bilangan, jantina dan kaum seperti dalam daftar pengundi bagi tahun 1999 serta untuk tahun 2000.

Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini SPR tidak menyediakan perangkaan pemilih mengikut bangsa dan jantina. Daftar pemilih disediakan mengikut bahagian-bahagian pilihan raya di seluruh negara. SPR akan menyediakan perangkaan tersebut apabila difikirkan perlu. Pada keseluruhannya pengundi Melayu, bumiputera Melayu dan

bumiputera bukan Melayu adalah yang teramai, diikuti oleh kaum Cina dan juga kaum India pemilih-pemilih kita di seluruh negara.

15. **Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop [Alor Gajah]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah kementerian mempunyai cadangan untuk mengkaji had laju di lebuhraya yang sekarang ini 110 kilometer satu jam, bagi motokar yang mempunyai kuasa kuda yang tinggi yang mana had laju tersebut adalah tidak sesuai dan apakah asas yang diguna pakai oleh pihak berkuasa bagi menetapkan had laju berkenaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Tuan Yong Khoon Seng]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kementerian tidak bercadang untuk mengkaji semula had laju 110 kilometer sejam di lebuhraya pada masa ini walaupun kenderaan jenis semasa mempunyai kuasa kuda yang tinggi.

Asas utama kepada penetapan had laju 110 kilometer sejam ini adalah aspek keselamatan sama ada kepada pemandu itu sendiri mahupun kepada para pemandu yang lain atau pengguna jalan raya yang lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya, aspek keselamatan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- (i) lebuhraya telah direka bentuk mengikut kelajuan reka bentuk (design speed) 120 kilometer sejam. Oleh itu kelajuan sebenar yang difikirkan selamat kepada pemandu semasa berada di lebuhraya hendaklah kurang daripada kelajuan reka bentuk tersebut; dan
- (ii) pengawalan kenderaan semasa memandu adalah dikhuatiri sekiranya berlaku hal-hal kecemasan di atas lebuhraya, kenderaan yang berada dalam kelajuan yang tinggi akan menjadi sukar untuk dikawal ataupun diberhentikan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah mengenai had laju kenderaan di jalan raya di Malaysia. Di bawah peruntukan 69(1) Undang-undang Pengangkutan Jalan telah menetapkan menteri boleh menetapkan had laju kenderaan di jalan raya di negara ini. Jadi, apabila undang-undang ini diluluskan dahulu, menteri telah menetapkan kelajuan had laju ialah 110 kilometer sejam untuk *expressway* dan 90 kilometer sejam untuk jalan-jalan lain. Di dalam undang-undang ini juga memperuntukkan dalam Perenggan 1(2) menetapkan yang pihak kerajaan tempatan

boleh menentukan had laju berasingan tetapi apabila perenggan 1 telah diguna oleh pihak menteri, Perenggan 2 menjadi *redundant*, Tuan Yang di-Pertua. Jadi adakah tindakan kementerian supaya undang-undang ini dipinda semula supaya pihak kerajaan tempatan boleh menggunakan kebijaksanaan mereka menetapkan had laju jalan-jalan di seluruh negara?

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bercadang untuk memindahkan peraturan itu kerana had maksimum yang telah ditetapkan untuk semua jalan raya di lebuhraya selaju 110 kilometer sejam dan di jalan yang lain tidak melebihi 90 kilometer sejam. Pihak berkuasa tempatan boleh menentukan had lajunya kurang daripada 90 kilometer sejam atau 110 kilometer sejam, peraturan itu boleh dibuat di lebuhraya melalui Jawatankuasa Keselamatan Jalan Raya.

Tuan Haji Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, hari ini kita ada maksimum had laju 110 kilometer sejam apabila di *highway*, jadi adakah kementerian bercadang untuk menentukan minimum had laju kerana kita dapati yang selalu berlaku *accident* ini, kita hadkan kelajuan 110 kilometer sejam, dia lari kadang-kadang 20 kilometer atau 30 kilometer sejam, jadi ada di negeri-negeri yang menentukan apabila melalui *highway* minimum misalnya 50 kilometer sejam, kalau dia tidak boleh lari 50 kilometer sejam, dia tidak boleh lalu di *highway*. Jadi, ada negara mungkin Belanda, saya sudah lupa, jadi adakah kementerian bercadang untuk menentukan had minimum untuk mengelakkan kesesakan ataupun *accident* kepada mereka yang tidak sepatutnya boleh melalui di *highway* ini.

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, walaupun dikatakan had lajunya 110 kilometer sejam, di merata-rata tempat juga had lajunya telah pun diubah ada juga yang di bawah 80 kilometer sejam di mana banyak selekoh ataupun bahaya untuk kelajuan, tetapi had kelajuan minimum itu tidak dapat ditentukan, kalau kita ada had kelajuan minimum juga ada tempat yang tidak dapat lebih dari 40 kilometer sejam, kalau kita katakan minimum 40 kilometer sejam dan had kelajuan kenderaan tidak boleh kurang dari itu, ada juga timbul masalah.

Tetapi ada juga tempat di mana dikurangkan supaya ianya tidak laju seperti 110 kilometer sejam, bukan di seluruh lebuh raya, ada banyak tempat kurang daripada 110 kilometer sejam dan pada fikiran saya tidak perlu kita ada minimum had kelajuan.

16. **Dr. L. Krishnan [Teluk Kemang]** minta Menteri Pertahanan menyatakan bilangan anggota pasukan pendamai bagi membantu Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (Malcon Timor Timur) yang akan berkhidmat di Timor-Timur) dan berapa lamakah mereka akan ditempatkan di sana, serta adakah kerajaan akan menambahkan bilangan anggota tersebut.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]:
Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Malaysia telah pun menghantar seramai 30 anggota angkatan tentera Malaysia pada 20 September 1999 yang bertugas di bawah misi *International Forces for East Timor* (INTERFET) yang diketuai oleh Australia. Mereka dijangka akan berada di sana selama tiga bulan dan akan diterapkan dalam pasukan pengaman PBB Malcon Timor Timur apabila INTERFET dibubarkan.

Seterusnya, INTERFET akan digantikan dengan misi pengaman UNCTED seperti yang diumumkan tadi oleh rakan sejawatan saya sebentar tadi dan dijangka bermula mungkin pada pertengahan bulan November atau pada penghujung tahun ini. Malaysia bersedia menyumbang anggota tentera kita dalam misi pengaman tersebut, jumlahnya akan ditentukan kemudian. Mereka pula akan bertugas selama enam bulan setiap giliran sehinggalah misi pengaman tersebut tamat. Kerajaan akan menimbangkan keperluan tambahan bilangan angkatan tentera kita sekiranya diminta oleh pihak PBB.

Dr. L. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Malaysia telah menghantarkan pasukan pendamai untuk membantu Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bila dipohon berkhidmat di beberapa negara lain pada masa dahulu. Saya ingin tahu sama ada pihak UN telah menjelaskan semua perbelanjaan negara kita ini bila penyertaan kita dibuat di beberapa negara dan jika belum diselesaikan perbelanjaan ini, saya ingin tahu berapakah harus dibayar kepada negara kita ini.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, biasanya pihak UN tidak membayar sepenuhnya tuntutan kita setelah kita menyertai mana-mana misi pengaman seluruh dunia, malah hingga kini masih ada lagi yang terhutang kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 3, 9, 11, 12, 17 hingga 22 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2000

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2000

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2000 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

“Bahawa Dewan ini mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dua puluh empat bilion enam ratus tujuh puluh empat juta dua ratus sembilan puluh dua ribu ringgit (RM24,674,292,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2000, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 2000 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 14 Tahun 1999 adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut hendaklah disahkan.” [4 November 1999]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita mempunyai empat hari lagi untuk membahaskan berkenaan Rang Undang-undang Perbekalan ini, yang demikian saya mintalah supaya Ahli-ahli Yang Berhormat menghadkan ucapan masing-masing kepada setengah jam. Yang Berhormat dari Seremban, sila sambung ucapan, setengah jam Yang Berhormat.

11.05 pagi

Dato' Hon Choon Kim [Seremban]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih membenarkan saya menyambungkan perbahasan saya. Saya ingin ucapkan Selamat Hari Deepavali kepada rakan-rakan keturunan India kerana saya lihat tahun ini Deepavali juga diraikan dengan penuh riang dan gembira dan inilah yang kita mahu lihat setiap kali perayaan kaum masing-masing dapat diraikan dengan semangat muhibah.

Tuan Yang di-Pertua, menyambung ucapan saya pada hari Khamis, lebih malang saya sebut surat khabar PAS *Harakah*. Surat khabar *Harakah* ini memang timbul banyak masalah dengan tujuan untuk merosakkan perhubungan baik di antara kaum yang terdapat di Malaysia ini. Rakan saya Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong Karang menyebut *Harakah* juga menyebut bahawa Ahli Parlimen UMNO biadab kerana hina Hadi. Pada 11 Oktober *Harakah* di muka depan juga sebut, "*Presiden MCA Jangan Melampau.*" I quote: "*PAS memberikan amaran kepada Presiden MCA, Dato' Seri Ling Liong Sik, agar jangan melampau dan biadab dalam pendekatannya untuk menangani hati kaumnya sehingga menghina umat Islam di negara ini.*"

Presiden MCA minta memberikan bukti. Kalau ada bukti menunjukkan bahawa Presiden MCA memang menghina umat Islam, ia akan minta maaf, tetapi kalau tidak ada bukti Yang Berhormat Presiden MCA minta *Harakah* minta maaf. Sampai sekarang ini satu berita pun tak ada.

Jadi, ini menunjukkan bahawa surat khabar PAS *Harakah* ini memang berniat jahat untuk merosakkan perhubungan baik di antara kaum di negara kita ini. Saya minta *Harakah* jangan main-main api. Jangan mainkan api, akhirnya PAS akan dapat risiko, akan dapat balasan yang tidak baik. Jadi, jangan main-main api khususnya dalam sebuah negara yang mempunyai berbilang bangsa dan agama.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya minta Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri memberi perhatian dalam hal ini, kalau surat khabar dibiarkan macam ini, sudah tentu rakyat akan keliru terhadap benda-benda yang disebutkan dalam surat khabar *Harakah* ini. Saya mintalah mengambil langkah yang sewajarnya untuk memberhentikan segala-gala ini.

Tuan Yang di-Pertua, orang Cina tidak akan menyokong PAS kerana PAS telah buat banyak kenyataan yang tidak menghormati orang Cina. Menteri Besar Kelantan sebut masalah orang Cina adalah judi, minum kuat, mabuk dan minta orang Cina masuk Islam. Saya tidak pertikaikan umat Islam, sebenarnya semua agama juga mengajar pengikut masing-masing buat baik, tidak ada agama dalam dunia minta pengikutnya minum kuat sampai mabuk dan judi kuat, memang tak ada. Jangan anggap, saya pun tidak tahu pendirian DAPlah, boleh tahan PAS cakap macam ini. Saya tidak boleh terima, saya tak minum kuat, saya tak judi, jadi berhentikanlah kata-kata ini.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2000 adalah belanjawan rakyat. Kita nampak dan ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan telah berjaya untuk memulihkan pertumbuhan ekonomi. Tahun ini kita capai 4.3%, ini adalah satu pertanda yang cukup baik. Di antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan salah satu pada hemat saya cukup berkesan ialah mengamalkan dasar '*low interest rate*', kadar faedah yang rendah dan juga kerajaan menubuhkan Danaharta, Danamodal untuk menyelamatkan peniaga, kalau tidak dengan kaedah-kaedah ini, maka banyak syarikat akan jadi muflis dan ramai rakyat Malaysia akan kehilangan pekerjaan.

Saya ucapkan tahniah dan teruskanlah langkah-langkah ini dan juga kekalkan kawalan tukaran asing, langkah-langkah ini cukup berkesan untuk membantu ekonomi kita pulih. Dengan ini baru-baru ini dua persatuan besar yang saya sebut tempoh hari, ada satu gabungan dewan-dewan perniagaan dan perindustrian Cina dan juga satu lagi gabungan pertubuhan Cina, apabila bertemu dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kedua-dua persatuan telah menyatakan sokongan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kerana langkah-langkah yang diambil oleh beliau telah berjaya untuk memulihkan ekonomi kita dan menyelamatkan rakyat Malaysia ini.

Jadi, mereka menyatakan sokongan, tetapi apabila DAP nampak sokongan kenyataan ini, DAP kata, dia rasa hairan. Saya hairan mengapa DAP kata hairan,

sepatutnya kalau kerajaan baik, katalah sokong, walaupun baik hendak putar belit cakap tak baik. Jadi, ini bukan seorang yang rasional. Kalau seorang yang rasional, sudah nampak apa yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya rasa semua akan memberi sokongan kerana beliau memang telah menyelamatkan negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kerajaan untuk memulihkan ekonomi, kita juga lihat ada kumpulan yang sengaja tidak mahu melihat ekonomi kita akan diperbaiki dan mereka sengaja atau melaung-laungkan reformasi kononnya negara kita ini tidak ada keadilan, maka menyuruh penyokongnya berdemonstrasi di Bandaraya Kuala Lumpur dan ini memang satu perkara yang tidak wajar dilakukan.

Mereka melaung-laungkan reformasi dan ada DAP juga ikut serta dan gunakan sebutan reformasi dalam tulisan Cina [*Bertutur dalam bahasa Cina*] '*lek formosi*', dengan izin, ertinya 'api kuat jangan dipadamkan'. Ini maksudnya, api kuat jangan dipadamkan. Saya nasihatkan DAP jangan main api seperti nasihat saya kepada PAS. Api kuat mesti dipadam, jangan dibiarkan api yang kuat tidak dipadam dan akhirnya rakyat akan susah.

Oleh kerana itu, satu kumpulan rakyat Cina yang mencintai negara terdiri dari para graduan dari universiti tempatan dan juga unversiti asing telah mewujudkan satu barisan, barisan untuk menyokong Kerajaan Barisan Nasional. Mereka rasa tidak perlu kita buat macam ini, cara ini bukan untuk membantu rakyat, cara ini bukan untuk membantu negara kita, sebaliknya reformasi dan langkah-langkah yang diambil oleh kumpulan ini sudah tentu akan merosakkan negara kita. Jadi, saya rasa berhentikan reformasi dan '*lek formosi*' yang dilaung-laungkan oleh DAP dan juga daripada parti KeADILan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ir. Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada soal pendidikan. Saya ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana mengambil langkah untuk membangunkan sektor pendidikan. Setiap kali kita membentangkan belanjawan, kita sudah tentu akan lihat sebahagian besar peruntukan akan disalurkan untuk membangunkan sektor pendidikan. Kali ini satu konsep baru iaitu kolej komuniti. Saya ucapkan tahniah kerana kolej

komuniti ini telah lama diwujudkan di negara-negara lain seperti USA, Kanada dan sebagainya, sebab kolej komuniti ini akan menggabungkan tenaga kerajaan dan juga syarikat-syarikat tempatan atau masyarakat tempatan untuk mewujudkan sebuah kolej untuk menambah keilmuan, pengetahuan supaya sesuai dengan keadaan. Kalau kawasan itu, Parlimen Seremban misalnya banyak kilang maka kursus-kursus yang akan diadakan dalam kolej komuniti ini akan berasaskan kepada keperluan berasaskan kepada kawasan masing-masing.

Jadi, cara seperti ini cukup baik, jadi saya ucapkan tahniah dan berharap kerajaan akan cepat melaksanakan projek ini supaya setiap kawasan Parlimen, saya cadang kita buat kawasan Barisan Nasional dahulu, buat kolej itu supaya rakyat yang menyokong kerajaan dapat nikmat daripada kolej komuniti ini.

Saya juga ucapkan tahniah kepada kerajaan baru-baru ini meluluskan akan membuat lima buah sekolah Cina yang baharu dan juga membenarkan beberapa sekolah Cina yang bilangan muridnya tidak begitu ramai di luar bandar, supaya dipindahkan ke bandar-bandar di mana bilangan murid bertambah begitu pesat. Ini satu langkah yang baik, ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan tidak mengabaikan pembangunan sekolah Cina, seperti yang dilaung-laungkan dan selalu disebutkan oleh parti-parti pembangkang.

Jadi, ini telah menunjukkan, sebenarnya setiap kali dan beberapa kali pemimpin kerajaan telah meyakinkan bahawa kerajaan tidak ada niat menutup sekolah Cina, malah akan membantu supaya sekolah Cina dan sekolah Tamil akan terus berkembang pada masa yang akan datang.

Jadi, dengan langkah-langkah ini, saya berharap masyarakat Cina tidak akan menyoal atau menambah keyakinan terhadap kerajaan, tidak terikut-ikut kata-kata dari parti pembangkang khususnya kepada DAP.

Baru-baru ini, saya juga melihat cukai tanah bagi sekolah bantuan modal akan dihapuskan, ini satu cara yang baik. Sebenarnya di Negeri Sembilan, Kerajaan Negeri Sembilan telah lama mengamalkan, sudah sepuluh tahun lebih kurang semasa saya jadi Exco Negeri Sembilan dahulu, keputusan pun telah dibuat untuk menghapuskan cukai tanah di mana tapaknya digunakan untuk persekolahan, itu kita sudah buat.

Jadi, saya ucapkan tahniah kepada semua kerajaan negeri, harap Kelantan juga akan buat serupa itu juga, Kerajaan Negeri Kelantan juga akan mengikut cara di negeri-negeri telah lakukan.

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Bagan bangun.

Dato' Hon Choon Kim: Okay.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, mengenai cukai tanah untuk sekolah-sekolah bantuan separuh, adakah Yang Berhormat juga akan mendesak kerajaan supaya sekolah-sekolah menengah bebas - ada 60 buah sekolah menengah bebas dan kolej tinggi swasta juga dibebaskan dari cukai tanah?

Dato' Hon Choon Kim: Saya pun tahu Yang Berhormat mesti tanya ini. *[Ketawa]* Sebenarnya Kerajaan Negeri Sembilan telah buat lama, memberi tanah kepada sekolah persendirian, banyak bantuan kepada sekolah ini jadi apa hairan, ini tidak menjadi masalah. Oleh kerana itu jangan sebut hal ini untuk mengelirukan orang Cina, jadi cukuplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tumpat bangun. *[Disampuk]*

Dato' Hon Choon Kim: PAS hendak tanya, tentang *Harakah*, kalau *Harakah* boleh....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat sedar bahawasanya premium dan cukai tanah di negeri Kelantan ini lebih murah daripada negeri-negeri lain di Malaysia. Kalau sedar, apakah tindakan yang akan dibuat oleh Yang Berhormat di masa-masa akan datang. Apakah menasihati Kerajaan Negeri Kelantan ataupun menerima nasihat daripada Kerajaan Negeri Kelantan?

Dato' Hon Choon Kim: Kita tidak mahu ikut Kerajaan Kelantan sebab negeri Kelantan mempunyai bilangan orang termiskin yang terbanyak, kalau ikut, habis. Saya tidak mahu ikut, kalau dapat saya akan beri nasihat kepada Kerajaan Negeri Sembilan jangan ikut apa yang diamalkan oleh Kelantan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Bagan bangun lagi.

Dato' Hon Choon Kim: Cukuplah, saya tidak ada masa nanti.

Tuan Lim Hock Seng: Ada setengah jam.

Dato' Hon Choon Kim: Eh! Tidak ada. Ada 10 minit lagi.

Tuan Lim Hock Seng: Ada setengah jam

Dato' Hon Choon Kim: Okey! Duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, kalau tidak beri jalan, teruskan.

Dato' Hon Choon Kim: Jadi langkah-langkah ini telah menunjukkan bahawa kritik-kritik daripada parti pembangkang adalah tidak berasas. Jadi saya juga hendak sebut tentang kekurangan-kekurangan guru di sekolah Cina. Untuk menangani masalah ini, saya menyokong supaya kerajaan menghidup balik kursus dalam cuti ini. Ini satu program yang cukup baik untuk melatih lebih ramai guru supaya 3,000 jawatan yang masih kosong itu dapat kita atasi. Oleh kerana itu saya merayu kepada kerajaan supaya cepat-cepat menghidupkan program kursus dalam cuti supaya akan memberikan peluang kepada guru sementara dapat latihan untuk mengisi jawatan kosong.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya sebut ialah tentang pekebun kecil getah. Saya ucapkan tahniah dan syabas kepada kerajaan kerana telah mengambil cukup banyak langkah untuk membantu pekebun kecil ini. Pada beberapa tahun yang sudah, RISDA, di mana kawan saya menjadi pengerusi dari Kuala Pilah, menghadapi cukup banyak masalah kerana tidak ada cukup peruntukan untuk memberikan bantuan kewangan untuk tanaman semula. Mereka setiap kali saya jumpa minta dia tolong, dia cakap, "Tidak boleh tolong sebab wang tidak ada".

Jadi dengan Belanjawan 2000 ini, masalah ini akan kita selesaikan. Kerajaan akan memberikan RM 201 juta kepada Yang Berhormat Kuala Pilah dan saya berharap Yang Berhormat bagi Kuala Pilah akan bantu rakan-rakan Yang Berhormat, di mana kita menghadapi masalah dan saya juga bercadang, kali ini bantuan ini akan terus diberikan kepada pekebun-pekebun kecil, jangan melalui satu syarikat khas untuk mengendalikan kerja-kerja tanaman semula. Saya pun dapat banyak *complaint* daripada rakyat di kawasan saya bahawa dengan satu syarat, kalau dapat bantuan ini mesti diberikan kepada sebuah syarikat untuk mengendalikan kerja-kerja. Saya minta Yang Berhormat siasatlah,

sama ada benar atau tidak, kalau benar, elok kita hapuskan cara ini dan bantuan ini akan terus diberikan kepada pekebun-pekebun kecil.

Tuan Yang di-Pertua, harga getah pun sudah naik, saya ucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan yang telah memperuntukkan RM80 juta untuk menstabilkan harga getah. Memang susah, kehidupan penoreh getah memang susah, dulunya 70 sen satu kilo untuk skrap, tidak cukup untuk membeli satu cawan kopi, memang benar tetapi dengan bantuan kerajaan nampaknya harga telah stabil dan telah naik sampai RM1 lebih, RM1.05 dan sebagainya. Ini satu petanda yang baiklah.

Jadi saya juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan yang telah mencadangkan untuk memperuntukkan sebanyak RM120 juta sebagai Tabung Yayasan Ekonomi Pekebun Kecil, ini cukup baik, supaya akan memberikan pinjaman kepada pekebun-pekebun kecil ini supaya mereka boleh melaksanakan atau kerja sampingan atau tanaman kontan dan sebagainya. Dengan cara ini pendapatan mereka akan bertambah dan kehidupan keluarganya akan bertambah baik, ini satu cara yang cukup baik. Saya berharap semua pekebun-pekebun kecil akan menyokong kerajaan, jangan soal harga getah lagi, jangan soal tidak cukup bantuan kewangan untuk tanam semula, dengan cara ini saya rasa akan selesailah. Saya selalu sebut penoreh getah, sebab kampung saya seluruh kampung penoreh getah. Jadi saya tahu kesulitan seorang penoreh getah ini, kalau harga turun memang susah, harga naik kadang kala, harga barangan pun naik, jadi kali ini baiklah, harga barangan tidak naik dan harga getah telah naik.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin sebut mengenai kakitangan kerajaan. Kerajaan telah bersetuju untuk menambah gaji kakitangan kerajaan sebanyak 10% dan akan juga memberi RM1000 sebagai bonus, ini satu perkara yang cukup baik. Saya juga berharap kakitangan kerajaan akan juga menambah mutu perkhidmatannya. Sebenarnya perkhidmatan awam dan kerajaan, pemimpin-pemimpin dalam kabinet dan juga timbalan menteri dan sebagainya adalah satu pasukan untuk mentadbir negara kita ini. Takkan kakitangan tidak sokong kerajaan sebab semua dasar kerajaan, projek-projek kerajaan, sebelum dilaksanakan biasanya pandangan pegawai-pegawai kerajaan, ulasan pegawai kerajaan adalah diminta sebelum satu keputusan dibuat. Ini memang cara kita buat, sebelum projek itu dilaksanakan, *technical department* akan diminta memberi ulasan.

Setuju atau tidak? Kalau setuju, kerajaan setuju. Takkan selepas setuju kerajaan laksanakan, oh membazir projek ini. Jadi ini bukan satu cara.

Oleh kerana itu saya juga mencadang kepada kerajaan supaya hidupkan semula konsep *Malaysia Incorporated*. Konsep ini sudah lama kita amalkan tetapi sekarang saya rasa kita sudah lupa konsep *Malaysia Incorporated*, supaya kerajaan hidupkan semula konsep ini. Memberitahu semua kakitangan kerajaan negara kita ini, kakitangan mempunyai syer yang sama penting, sama-sama kita tahan, tahan parti lawan, tahan KeADILan, tahan PAS, tahan DAP. Ini barulah *Malaysia Incorporated*, barulah menjadi kerajaan yang kuat, barulah boleh tambah gaji pada masa-masa yang akan datang. Jadi saya rasa inilah yang perlu kita laksanakan dan gaji untuk kakitangan atau pekerja am ini, golongan yang rendah ini, gaji perlu dinaikkan.

Seorang pekerja am gajinya lebih kurang RM400, tidak cukup jaga keluarga, diri sendiri pun tidak boleh jaga. Jadi kita menghadapi banyak masalah hendak cari orang hendak isi jawatan pun susah, jadi saya cadang kepada kerajaan – ini kali kedua saya cadangkan ini – supaya gaji untuk golongan ini dapat dinaikan kepada satu tahap yang lebih memuaskan, yang dapat menarik orang yang berminat mengambil jawatan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak sebut sedikit tentang perumahan. Perumahan merupakan satu kemudahan asas kepada rakyat Malaysia dan kerajaan telah mengambil banyak langkah untuk membina secukupnya bilangan perumahan untuk rakyat dan kali ini sebanyak lebih kurang RM500 juta akan diperuntukkan untuk membina lebih banyak rumah rakyat. Saya mengucapkan syabas dan tahniah. Salah satu projek yang cukup baik ialah Perumahan Rakyat Bersepadu. Projek ini akan dibina oleh kerajaan dan selepas itu akan disewakan kepada rakyat yang berpendapatan rendah.

Di bandar Seremban satu projek telah dibina dan sudah siap dan penghuninya pun telah masuk. Saya berharap dan bercadang meminta kerajaan supaya membina satu buah projek Perumahan Rakyat Bersepadu ini di bandar Seremban. Dahulu semasa saya EXCO pun sudah mencadangkan dua tempat, cuma satu telah dilaksanakan, lagi satu belum dibuat lagi. Jadi saya mintalah kalau dilaksanakan satu lagi saya rasa banyak masalah akan kita selesaikan. Saya juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan kerana telah melaksanakan *Kempen Pemilikan Rumah*. Setakat ini rumah bernilai sebanyak RM9 bilion yang masih belum dijual. [Disampuk] Kalau kita dapat

mengadakan Kempen Pemilikan Rumah maka rumah ini akan dibeli oleh rakyat yang memerlukan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya hendak sebut tentang *paperless government*. Kerajaan sudah lama sebut hendak kurangkan, hendak laksanakan *paperless government* tetapi malangnya saya nampak kertas bertambah banyak lagi, bukan kurang, bertambah lagi. Misalnya untuk memohon masuk universiti, kena tunggu, kena ambil borang dari *post office*, sampai borang habis, sampai murid pukul 6 pukul 7 tunggu sebelum *post office* dibuka, untuk dapatkan borang. Saya mencadangkan, buat kajian sama ada borang-borang ini dapat kita hapuskan sama sekali atau cara lain. Dengan cara ini memang kita akan kurangkan kertas, jadi inilah satu cadangan.

Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Bukit Mertajam bangun.

Dr. Tan Chong Keng: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat Seremban sedar bahawa Pejabat Pos itu sebenarnya membuat untung *commission* atas pengedaran borang-borang masuk universiti dan juga borang-borang yang lain sejenis itu. Bukankah lebih *effective* kalau borang-borang itu disalurkan melalui sekolah-sekolah menengah yang sudah sedia ada, tidak payah bayar *commission*. Betulkah cadangan itu?

Dato' Hon Choon Kim: Cadangan memang baik. Sebenarnya *Post Office* bukan tujuan untuk membuat untung untuk menjual borang ini, pada hemat saya sebab saya bukan Menteri atau Timbalan Menteri, pada hemat saya pos ini bukan seolah-oleh dapat peruntukan untuk menjual borang tetapi yang penting ialah kita mesti mengurangkan rakyat menggunakan *paper*, borang, apa salahnya gunakan Internet, apa salahnya *on-line* dengan sekolah-sekolah supaya murid-murid dari sekolah ini boleh terus membuat permohonan melalui Internet, komputer dan sebagainya, jadi ini akan jimat masa dan juga lebih berkesan lagi, jadi ini adalah satu cara. Last sekali

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat sila gulung. Walaupun Batang Lular bangun tetapi nampaknya masa tidak mengizinkan Yang Berhormat

Dato' Hon Choon Kim: Jadi saya ucapkan berbanyak terima kasih. Cuma apa yang tidak disebut dalam Belanjawan 2000 ialah penggalakkan kepada *foreign investment*, memang tidak sebut. Jadi saya minta penjelasan daripada kerajaan apa caranya untuk menarik lebih banyak pelabur asing datang ke negara kita ini. Saya menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

[Beberapa orang Ahli bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Machang.

11.36 pagi

Dato' Haji Sukri bin Mohamed [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Belanjawan Negara bagi tahun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan yang telah dibentangkan pada 29 Oktober yang lepas adalah Belanjawan yang mampu untuk menggerakkan ekonomi negara dan sudah tentulah pihak pembangkang menamakannya sebagai 'Belanjawan Pilihan Raya' dan nampak daripada komen-komen yang dikeluarkan oleh parti-parti pembangkang, Belanjawan tersebut disifatkan sebagai 'Belanjawan Pilihan Raya' dan tidak ada satu pun yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Pertama, nampaknya boleh diterima oleh mereka.

Walau apapun pandangan mereka, Belanjawan ini adalah merupakan suatu Belanjawan yang mesra rakyat, yang saya kira ianya mampu sekali gus untuk memberi kepentingan dan keuntungan kepada semua golongan rakyat daripada yang berpendapatan tinggi sehinggalah kepada golongan petani dan nelayan. Pihak pembangkang terus menuduh bahawa beberapa idea yang dibentangkan pada 29 Oktober yang lepas adalah diciplak daripada idea mereka. Misalnya soal penghapusan lesen radio dan televisyen, pihak pembangkang menuduh kononnya kerajaan memasukkannya pada saat-saat akhir dan ini adalah diciplak daripada idea mereka.

Sebenarnya kalau kita kaji, pihak pembangkang sudah hilang pertimbangan dan tidak mampu untuk memberikan idea-idea yang bernas dan pada masa yang sama sudah tidak sedar bahawa pembangkang dalam negara ini sedang memerintah sebuah negeri iaitu negeri Kelantan Darul Naim. Mereka nampaknya mengkritik Belanjawan ini dengan begitu hebat tetapi pada masa yang sama melupakan hakikat bahawa mereka

sekarang ini sedang memerintah sebuah negeri yang diberi nama negeri Kelantan Darul Naim. Kalau kita melihat kepada sejarah pemerintahan mereka selama sembilan setengah tahun di negeri Kelantan, sebenarnya berbagai janji telah ditaburkan sejak sembilan setengah tahun yang lepas tetapi janji-janji ini tetap tinggal kosong tidak pernah dilaksanakan. Malah mereka sentiasa berdolak-dalih dengan mengubah pendirian mereka daripada masa ke semasa untuk mempertahankan kelemahan-kelemahan mereka yang sudah nampak dengan jelas di mata dan pandangan rakyat.

Saya hendak mengajak Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Dewan ini untuk menarik perhatian kepada manifesto yang telah dilancarkan oleh PAS dalam Pilihan Raya 1990 sempena dengan Pilihan Raya Umum Negara yang dikeluarkan oleh Pejabat PAS khususnya untuk pelaksanaan program-program di negeri Kelantan, jika sekiranya memerintah negeri Kelantan.

Melihat kepada manifesto tersebut Tuan Yang di-Pertua, ianya cukup *comprehensive*, cukup menarik dan mampu untuk meraih sokongan daripada rakyat. Tetapi malangnya semua perkara daripada perkara politik sehinggalah kepada soal-soal penaja dan peniaga kecil dan soal-soal program belia, tinggal janji kosong tidak pernah dilaksanakan. Misalnya dalam soal politik, salah satu janji yang dibuat dalam Manifesto Pilihan Raya 1990 ialah untuk melaksanakan dasar dan peraturan Islam dalam semua urusan pemerintahan termasuk perundangan kerana kononnya pada masa itu mereka menuduh Perlembagaan Negeri Kelantan dan enakmen-enakmen negeri yang ada adalah merupakan enakmen *toghut*, kafir dan tidak boleh dipakai. Tetapi yang menjadi masalahnya apabila mereka menang dalam tahun 1990 bersama dengan bekas Parti Melayu Semangat 46 masa itu, pemimpin-pemimpin PAS daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan semua Wakil Rakyat mengangkat sumpah untuk mempertahankan perlembagaan ini. Bukan sahaja dia tidak pinda tetapi mengangkat sumpah berikrar, berjanji untuk mempertahankan perlembagaan yang dia tuduh sebagai perlembagaan *toghut* dan perlembagaan kafir tersebut.

Kemudian beralih kepada soal pindaan perlembagaan negeri, mereka juga berjanji bahawa beberapa enakmen undang-undang Islam di negeri Kelantan akan dipinda untuk menjadikannya lebih *Islamic* konon, di negeri Kelantan ada tujuh enakmen yang menjalankan pentadbiran undang-undang Islam di negeri Kelantan. Sampai hari ini satu

pun tidak dipinda malah yang dipakai sekarang ialah enakmen sebelum tahun 1990 yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional. Mereka juga berjanji kepada masyarakat bukan Islam bahawa jika mereka berkuasa di Kelantan, mereka akan meminda Perlembagaan Negeri Kelantan untuk memperuntukkan beberapa jawatan Ahli Dewan Undangan Negeri yang dilantik mewakili kaum-kaum tertentu termasuk orang-orang Cina dan orang-orang Siam. Sembilan setengah tahun sudah berlalu, rakyat bukan Islam di negeri Kelantan menunggu dengan penuh harapan tetapi janji ini tetap tinggal janji kosong.

Kemudian dalam soal pemulihan Mahkamah Syariah, mereka berjanji untuk mewujudkan satu sistem Mahkamah Syariah, sampai sembilan setengah tahun sekarang yang dipakai ialah sistem Mahkamah Syariah yang telah wujud sebelum tahun 1990. Mereka juga berjanji untuk mewujudkan pentadbiran mahkamah Islam yang cekap selari dengan ajaran Islam. Ini juga tidak ditunaikan.

Seterusnya mereka berjanji bahawa jika mereka diberi kuasa untuk mewujudkan Jawatankuasa Hisbah iaitu untuk menyemak penyelewengan yang dilakukan oleh orang-orang politik dan kakitangan kerajaan, jentera kerajaan di negeri Kelantan. Mereka mencadangkan Jawatankuasa Hisbah ini kerana mengikut mereka bahawa Badan Pencegah Rasuah adalah suatu badan yang tidak boleh diharap kerana ianya adalah merupakan agensi Kerajaan Pusat dan mengikut telunjuk Kerajaan Pusat. Mereka berjanji untuk mewujudkan Jawatankuasa Hisbah ini. Malangnya dalam tahun 1993, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan sendiri mengubah dasar ini dengan mengatakan bahawa badan hisbah tidak perlu lagi wujud kerana sudah ada Badan Pencegah Rasuah. Inilah sikap dolak-dalih yang ditunjukkan oleh mereka dalam soal mentadbirkan negeri Kelantan.

Kemudian saya menyentuh lagi Tuan Yang di-Pertua, dalam soal untuk mengatasi beban kemiskinan rakyat Kelantan. Mereka telah berjanji dalam tahun 1990 iaitu jika dengan izin Tuhan mereka berkuasa, jawatan kuasa ataupun bidang pertanian akan diperhebatkan, pemulihan tanah terbiar akan dilakukan, kerajaan akan berusaha untuk mendapatkan pemodal untuk keperluan petani yang bertanggungjawab menyeliannya, mewujudkan penasihat pertanian bagi menyelia setiap unit pertanian, mengembangkan lagi kegiatan pertanian melalui syarikat-syarikat kerjasama, penglibatan pemimpin secara langsung dalam program promosi projek-projek pertanian akan memberi dorongan

kepada petani-petani-petani, memperkemas lagi projek pertanian secara berkelompok dengan konsep pawahan kerajaan bersama petani, memperluaskan usaha memajukan sektor utama pertanian seperti getah, kelapa sawit, padi dan sebagainya. Mewujudkan satu sistem pemasaran alternatif yang cekap dibanding dengan sistem orang tengah. Manis sungguh janji mereka ini, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi malangnya setelah sembilan setengah tahun, satu pun tidak dilaksanakan Tuan Yang di-Pertua. Itu dalam bidang pertanian.

Saya beralih pula dalam usaha-usaha lain, mereka juga berjanji iaitu dalam soal industri pelancongan untuk mempromosikan kraftangan dan perusahaan desa, terus menghidupkan budaya tradisi tempatan sesuai dengan nilai-nilai Islam. Ini juga tidak dilaksanakan, Tuan Yang di-Pertua.

Kemudian dalam soal memajukan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK). Mereka berjanji untuk membebaskan PKINK daripada sebarang campur tangan politik daripada mana-mana pihak dan mengelak perlantikan orang politik untuk menduduki anak-anak syarikat PKINK. Tetapi sekarang ini hampir semua pengerusi syarikat PKINK dipengerusikan oleh orang-orang politik termasuk Pengurus Besar sendiri adalah orang kanan, orang kuat kepada Timbalan Menteri Besar Kelantan dan terdapat pemimpin-pemimpin PAS di Kelantan yang membawa adik-beradik untuk memegang jawatan penting dalam Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan.

Kemudian mereka berjanji lagi, Tuan Yang di-Pertua kepada golongan penjaja dan peniaga kecil, mereka berjanji untuk mewujudkan satu tabung modal berasaskan sistem pinjaman Islam, mewujudkan satu unit latihan jaya diri di dalam perniagaan. Ini pun tinggal janji kosong Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya PAS mesti mengukur diri sendiri, mesti melihat ke dalam sama ada setelah mereka berkuasa di Kelantan selama sembilan setengah tahun, mereka telah berjaya melaksanakan ini dan jika setelah memerintah tidak mampu untuk melaksanakan ini sepatutnya mereka jangan mengkritik orang lain, perbetulkan diri terlebih dahulu.

Tuan Haji Noh bin Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Tanjong Karang bangun.

Tuan Haji Noh bin Omar: Terima kasih, saya ada terbaca satu majalah *Tamadun* wawancara bersama Presiden PAS. Presiden PAS ada mengatakan bahawa salah satu kejayaan mereka memerintah Kelantan ialah dengan mengadakan tender secara terbuka untuk konsesi balak. Jadi dia kata waktu Barisan dahulu, tender konsesi balak ini dia beri '*direct nego.*' . Jadi PAS telah membuat dengan tender terbuka. Jadi, adakah ini benar dan merupakan kejayaan kepada PAS? Itulah satu kejayaan yang disebut, lainnya tidak adalah.

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Ini satu lagi pembohongan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ada bukti, saya bukan bercakap berasaskan kepada sentimen marah. Inilah juga satu janji mereka bahawa mereka akan mengubah dasar tender balak di negeri Kelantan akan dibuat secara terbuka. Tetapi sekarang konco-konco orang kuat PAS termasuk Yayasan Pondok Kelantan, Tuan Yang di-Pertua, yang insya-Allah akan saya dedahkan kemudian nanti. Terdapat penyelewengan jelas melibatkan wang berjuta-juta ringgit di mana beberapa orang pemimpin PAS mendapat nikmat daripada hasil pembalakan yang kononnya dibuat secara terbuka, sekarang ini diberi konco-konco politik mereka. Insya-Allah sampai masa kita akan dedahkan ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak sampai masa lagi Yang Berhormat bagi Tanjong Karang.

Sebenarnya kalau saya hendak baca manifesto ini Tuan Yang di-Pertua, ada lebih kurang 140 janji PAS di negeri Kelantan. Berlambangkan bulan, di bawahnya ialah Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada janggut sedikit, Tuan Yang di-Pertua. 140 lebih janji, satu pun tidak dilaksanakan, Tuan Yang di-Pertua, yang ada ialah harapan kepada rakyat negeri Kelantan dan kita nampak kerana mereka ingin mempertahankan kuasa di negeri Kelantan Darul Naim inilah, maka sekarang pemimpin-pemimpin PAS sudah hilang pedoman, sudah lari daripada perjuangan asal, sudah hilang pedoman, sudah hilang pertimbangan kerana mabuk kepada kuasa.

Misalnya Tuan Yang di-Pertua, dua hari lepas, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan sudah membuat kenyataan secara terbuka yang cukup mengelirukan orang ramai dan kepada saya selaku orang Melayu, saya tidak akan memberi maaf kepada Menteri Besar negeri Kelantan. Katanya bahawa jika dengan izin Barisan Alternatif berkuasa, PAS sanggup menerima DAP, menerima pemimpin Tionghwa bukan Islam untuk menjadi Perdana Menteri negara ini. Tetapi malangnya kenyataan ini

disanggah oleh presiden PAS pula pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua. Presiden PAS tidak bersetuju. Saya tidak tahu Yang Berhormat bagi Marang selaku Timbalan Presiden bersetuju atau tidak. Nasib baik dia tidak ada dalam Dewan kalau tidak saya hendak beri dia peluang nyatakan pendiriannya. Tetapi dia lari, selepas pulul 11.00 dia lari, Tuan Yang di-Pertua.

Inilah menunjukkan bahawa bagaimana hendak memerintah sebuah negara kalau dalam sebuah parti sendiri pun pendapat sudah bercanggah. Seorang pemimpin di Kelantan bercakap lain, seorang di Kedah bercakap lain, yang di Marang bercakap lain. Itu belum dipertimbang di dalam Gagasan Barisan Alternatif. Kita belum tanya apa pendirian berhubung dengan tindakan DAP misalnya. Masih dalam satu parti sudah bercanggah pendapat.

Sebenarnya dalam negara ini Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai peraturan. Kita mempunyai peraturan, kita mempunyai Akta Hasutan, kita mempunyai peraturan Dewan supaya tidak membincangkan perkara-perkara yang sensitif..

Tuan Haji Noh bin Omar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Tanjong Karang bangun lagi, Yang Berhormat.

Tuan Haji Noh bin Omar: Terima kasih, saya hendak mendapat komen daripada Yang Berhormat mengenai percanggahan pendapat di antara pemimpin-pemimpin PAS, ini Arau ada. Dalam majalah *Massa*, tadi Yang Berhormat cakap tadi mengenai kelayakan menjadi Perdana Menteri tetapi hari ini, dalam majalah *Massa* Yang Berhormat bagi Marang mengatakan kalau hendak gugurkan, saya baca sedikitlah, walau apa pun matlamat untuk tubuh negara Islam itu masih ada lagi dan termaktub dalam Perlembagaan PAS hendak ubah perlembagaan berhajatkan satu muktabar, satu mesyuarat agung. Dia kata, hendak ubah kena ada mesyuarat agung. Tetapi yang Presiden PAS pula dia cakap lain, dalam ruangan yang sama. Presiden PAS mengatakan dalam Perlembagaan PAS, dia kata dia tidak sebut pun mengenai penubuhan negara Islam. Jadi apa komen Yang Berhormat? Timbalan Presiden cakap lain, presiden cakap lain. Menandakan kedua-dua Presiden ini tidak faham Perlembagaan PAS ini.

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Terima Kasih. Ini saya ada Perlembagaan, Tuan Yang di-Pertua. Ini Perlembagaan PAS. Bab yang kedua, dasar dan seruan, tidak

ada pun yang hendak menubuhkan negara Islam. Yang Berhormat, ini Perlembagaan PAS, tidak ada dasar tetapi Presiden PAS bercakap hendak menubuhkan negara Islam.

Tuan Haji Noh bin Omar: [*Bangun*]

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Nik Aziz kata lain pula. Timbalan Presiden kata lain pula. Marang bercakap lain pula. Bila berdepan dengan DAP cakap lain, bila bertemu dengan rakyat orang Melayu, cakap lain. Cakap tidak serupa bikin. Inilah yang saya katakan hipokrit kelas pertama. Nyatakan perkara benar kepada rakyat, jangan cuba menipu. Bila pergi ke kawasan Melayu cakap, tak, kita hendak tipu DAP, DAP ikut kita. Sebenarnya PAS sudah masuk di dalam jerangkap samar DAP sekarang. PAS sudah terjebak dengan peranan yang dimainkan oleh DAP. Sila, Yang Berhormat.

Tuan Haji Noh bin Omar: Saya hendak bantu Yang Berhormat. Yang Berhormat baca itu yang fotostat, nanti mereka kata Yang Berhormat tidak betul. Ini saya beri yang original PAS.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat Tanjung Karang, hendak soal tadi?

Tuan Haji Noh bin Omar: Tidak, saya hanya hendak bantu beri perlembagaan yang original.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Oh, hendak bantu sahaja.

Tuan Haji Noh bin Omar: ...supaya PAS jangan kata kita tidak boleh.....

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Terima Kasih Yang Berhormat bagi Tanjong Karang. Memanglah kalau...

Tuan Haji Noh bin Omar: Fasal 5(1), Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Kalau *Utusan Malaysia* buat laporan, dia kata tidak, Nik Aziz tidak bercakap demikian sebab itu *Utusan Malaysia*. Dia hanya percayakan *Harakah* sahaja sebab *Harakah* bagi dia adalah hadis saheh Bukhari Muslim, kalau kita bercakap mengenai konsep hadis dalam Islam. Yang lain mereka semua tidak percaya dan semua bohong. Sampai sekarang pun dia masih tidak percaya, Nik Aziz tidak berkata demikian. Kalau Nik Aziz tidak berucap demikian, saya cabar pemimpin PAS, saya cabar Yang Berhormat bagi Tumpat, saya cabar Yang Berhormat bagi Arau. Sila buat laporan Polis dan saman *Utusan Malaysia* kalaulah kenyataan Nik

Aziz itu tidak betul. Jangan cakap kata *Utusan Malaysia* dan akhbar-akhbar membawa berita-berita fitnah. Kalau Yang Amat Berhormat Menteri Besar tidak bercakap mengatakan yang dia sanggup menerima bukan Islam dan orang Tionghua menjadi Perdana Menteri, saya cabar buat laporan polis dan saman di mahkamah. Kalau tidak, jangan bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Wangsa Maju bangun.

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Sila.

Dato' Dr. Haji Kamal bin Salleh: Penjelasan. Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa PAS bercakap tidak serupa bikin. PAS menguasai Kelantan. Mengapakah Kerajaan Kelantan, Kerajaan PAS tidak melaksanakan undang-undang Hudud di Kelantan sendiri walhal itu adalah tanggungjawab dia.

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Ini pun satu bab lagi, Tuan Yang di-Pertua. Kalau hendak bercakap bab Hudud ini, satu jam memakan masa. Saya tahu sebab saya di dalam Jawatankuasa Pelaksanaan Hukum Hudud di peringkat awal di negeri Kelantan. Saya duduk di dalam Jawatankuasa, saya tahu niat mereka tidak ikhlas. Sebagai contoh hendak menunjukkan niat tidak ikhlas, Tuan Yang di-Pertua, dia buat Enakmen Jenayah Syariah (No.2) Negeri Kelantan yang dipanggil sebagai Hudud. Sebenarnya nama dia adalah Enakmen Jenayah Syariah (No. 2) Negeri Kelantan. Undang-undang dia buat, mahkamah tidak ada. Dia buat peruntukan dalam enakmen itu dia kata, Mahkamah Kadi yang ada di Kelantan sekarang tidak boleh melaksanakan hukuman di bawah enakmen tersebut, yang boleh ialah mahkamah Khas dengan Mahkamah Rayuan Khas. Untuk mewujudkan dua mahkamah ini, dia kena pinda Akta Mahkamah Syariah Negeri Kelantan barulah ada kesalahan, ada mahkamah, ada Akta Keterangan baru boleh bicara. Yang menjadi anehnya, undang-undang ada, mahkamah tidak ada. Kalau tangkap orang berkhawat seperti dulu Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, hendak bicara di mana? Takkan hendak bicara di Pulau Melaka atas jambatan? Tak munasabah, ini menunjukkan mereka tidak ikhlas. Undang-undang ada, mahkamah tidak ada, macam mana hendak melaksanakan undang-undang?

Sebenarnya kalau hendak bercakap bab Hudud ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil masa lebih kurang satu jam tetapi jelas saya hendak menunjukkan bahawa

mereka tidak ikhlas malah Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan sendiri yang masih hidup sekarang apabila saya membangkitkan pada masa itu, dia berkata kepada saya, "Datuk, kita bukan hendak buat macam itu", kalau tidak buat macam itu hendak buat macam mana? Dia kata kita lulus dalam Dewan Negeri, kita angkat kepada raja, kita berbisik kepada raja jangan sains, bila rakyat tanya, mana Hudud, raja tidak sains.

Ini Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan, Ustaz Halim masih hidup lagi. Itu ucapan dia kepada saya maknanya dia hendak cari modal politik bukan kerana Allah s.w.t. Banyak peruntukan-peruntukan lain di dalam seksyen 68 misalannya. Ia bercanggah terus dengan syariat Allah S.W.T. sebab itu sampai sekarang dia tidak berani gazet. Sepatutnya apa yang dibuat, mesti gazet tetapi sampai sekarang dia tidak berani gazet kerana Hudud ini Hudud lafaz. Sebaliknya dia menuduh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tolak Hudud. Tetapi saya meminta kepada mereka dulu supaya bawa di dalam Parlimen ini. Kalau kita hendak tuduh orang UMNO menolak Hudud mengapa tidak bawa rang undang-undang persendirian di bawah perkara 76(2) Perlembagaan Negara.

Minta izin daripada Dewan ini untuk Kerajaan Kelantan melaksanakan hukum Hudud di Kelantan. Lalu salah seorang pemimpin PAS negeri Kelantan membuat kenyataan, keluar dalam *Harakah*. Bila saya desak saya kata jangan tuduh UMNO tolak Hudud kerana kita sendiri tidak laksana, kalau kita hendak tengok sama ada orang tolak Hudud atau tidak, bawa rang undang-undang ke Parlimen ini dan kita minta belah bahagi, kita tanya tiap-tiap ahli Parlimen khususnya yang beragama Islam tolak Hudud atau tidak. Bila saya desak demikian, maka keluar kenyataan dalam *Harakah* tahun 1997, 28 Februari, Tuan Yang di-Pertua, dekat-dekat hendak berpecah. Apa yang dinyatakan -

"Hudud akan dibawa ke Parlimen. Kota Bharu - Ahli Parlimen PAS dari Kelantan dijangka membawa Enakmen Jenayah Syariah 2 ke Parlimen tidak lama selepas kertas mengenainya disiapkan oleh Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam Pendidikan dan Dakwah Negeri, Ustaz Mohamad Daud berkata demikian."

Ini, Tuan Yang di-Pertua, sampai sekarang saya menunggu mana pemimpin PAS, mana Yang Berhormat bagi Tumpat rang undang-undang persendirian itu, mana yang Berhormat daripada Arau, cuba tanya Timbalan Presiden, di mana? Tanya dia kenapa dia tidak bawa ke Parlimen sekarang? Ini kenyataan dalam *Harakah*, bukan saya baca dalam *Utusan Malaysia*, bila saya desak, dia keluar kenyataan sampai sekarang saya menunggu. Tidak ada di bawa ke sini.

Ini hendak menunjukkan dengan jelas bahawa mereka hendak bermain politik

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Ya, Tumpat bangun.

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Ya, kalau kira sepatutnya Yang Berhormat Timbalan Presiden ada di sini. Tetapi tidak mengapalah, *to be fair* saya beri peluang.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih. Adakah Yang Berhormat tidak mengikutinya bawasanya dua tahun yang lepas Yang Berhormat Timbalan Presiden PAS di dalam Parlimen ini telahpun membuka satu usul di dalam Dewan ini bagi masalah Rang Undang-undang Jenayah Syariah....

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Cukuplah, cukup...

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:Negeri Kelantan mengenai apa yang dinamakan Hudud itu. Dan saya rasa cukup kesal kenyataan Yang Berhormat sejak tadi yang mengatakan Yang Berhormat Ustaz Halim, Timbalan Menteri Besar Kelantan telah mengeluarkan satu kenyataan dan saya cabarlah Yang Berhormat untuk buat kenyataan di luar persidangan ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)
mempengerusikan Mesyuarat]

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Begini Yang Berhormat.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:Yang Berhormat bertanggungjawab ...

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Cukup.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Dan saya rasa kalau saya hendak bincang masalah rang undang-undang Hudud dengan Yang Berhormat pun, saya rasa Yang Berhormat tidak begitu faham macam mana sangat, saya rasa begitu.

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Baik.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Dan soalan saya seterusnya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada soalan lagikah? Padatkan soalan itu.

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Cukup.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Adakah Yang Berhormat tidak faham, bagaimanakah persediaan untuk kita bentangkan rang undang-undang Hudud di dalam Parlimen ini untuk membolehkan Kerajaan Negeri Kelantan melaksanakan rang undang-undang tersebut....

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Faham soalan itu, faham.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya rasa kalau.....

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Tengok, Tuan Yang di-Pertua, angkuh dan sombongnya dia, Tuan Yang di-Pertua, bila saya bercakap mengenai Hudud, dia kata saya tidak layak bercakap mengenainya. Yang Berhormat tidak layak bercakap mengenai Islam kalau macam itu. Yang Berhormat kelulusan dari mana? Cuba beritahu apa kelulusan Yang Berhormat. Bercakap lebih Islam dari orang Islam. Yang Berhormat Mohamed Sabu kelulusan mana? Kubang Kerian bukan ITM tetapi bercakap Islam lebih daripada orang Islam. Tengok Yang Berhormat Bachok, kelulusan daripada mana? Cuba tanya dia, yang disanjung-sanjung, Dr. Hassan Ali (PAS) lulusan daripada mana tetapi bercakap Islam lebih Islam daripada orang Islam. Angkuh dan sombong ...

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: [*Bangun*]

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Duduk dulu, Yang Berhormat, duduk dulu, saya hendak bagi yang ini betul-betul! Angkuh dan sombong. Bila Yang Berhormat Datuk Mustapha buat kenyataan dan ulasan mengenai ucapan Nik Aziz, Nik Aziz sendiri yang kononnya bergelar ulamak, angkuh dan sombong mengatakan Datuk Mustapha tidak layak. Kalau Datuk Mustapha tidak layak, Yang Berhormat tidak layak untuk bercakap mengenai Islam sebab Yang Berhormat bukan kelulusan orang yang betul-betul mahir dalam Islam.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tidak sah duduk ceramah atas pentas yang memperjuangkan Islam kerana dia tidak ada kelulusan Islam. Ini orang lain kita nampak tetapi kelemahan diri sendiri tidak nampak, angkuh dan sombong. Dia saja yang Islam,

orang lain tidak Islam. Inilah sifat angkuh yang ditunjukkan oleh pemimpin-pemimpin PAS ini. Baik, berhubung dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri Besar. Yang Amat Berhormat tidak tahu, Yang Berhormat tidak ada di dalam Jawatankuasa. Kalau Yang Berhormat hendak cabar saya, beritahu Timbalan Menteri Besar Kelantan supaya dia cabar saya, Insya-Allah saya akan buat kenyataan di luar. Tolong beritahu Timbalan Menteri Besar Kelantan kalau saya bercakap ini tidak benar, balik, beritahu dia supaya cabar saya, insya-Allah saya akan ulang perkataan ini di luar Dewan ini.

Yang Berhormat tidak tahu apa, Yang Berhormat duduk tidak ada kelas pun di dalam PAS, inipun dengar khabar kerusi sudah hendak melayang, hendak beri pada orang lain, Tuan Yang di-Pertua. Tidak bertanding dengar-dengar khabar kerusi Parlimen Tumpat pasal ada orang lain yang lebih jaguh kerana baru masuk PAS.

Yang Berhormat tidak ada masa itu. Saya ada dalam Jawatankuasa, Yang Berhormat tiada pada masa itu. Baik, Yang Berhormat bawa tadi ...

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: [*Bangun*]

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Duduk dulu, tidak habis lagi jawapan, Yang Berhormat

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: ...dia ada sekerat jalan....

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Ada lagi, tidak habis lagi....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, dia ada sekerat jalan selepas itu dia turun..

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Duduk dulu, duduk dulu. Dia kata bawa usul, bukan usul, yang dibawanya ialah enakmen persendirian. Kalau tidak tahu cara, jangan cakap. Lepas itu suruh saya beritahu cara. Orang PAS kena tahu cara. Jangan buat kenyataan kalau tidak tahu cara hendak bawa rang undang-undang persendirian, bila tidak tahu cara, tanya orang lain. Kalau tidak tahu memerintah - buang, letak jawatan, beri kuasa pada orang lain kalau tidak pandai hendak buat kerja. Kalau masuk dalam Dewan ini hendak memanaskan kerusi buat apa? Itu mesti pakar, kalau kita hendak membuat kenyataan kita mesti faham kenyataan yang kita buat, implikasinya bagaimana? Sama dengan kenyataan Yang Amat Berhormat dua hari lepas.

Dalam bahasa yang kasar saya mengatakan dia tidak faham apa yang dia cakap, Tuan Yang di-Pertua, Kenyataan itu, implikasinya cukup besar, *you open the flock gate*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dalam sistem pemerintahan negara kita. Bukan dia tidak tahu implikasinya, keputusan pada saya ialah dia tidak faham apa yang dia cakap. Kalau dia faham barangkali dia sudah tidak ingat. Kalau tidak dia tidak akan mengeluarkan kenyataan demikian.

Sebab dalam negara kita ini kita ada Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, kita ada Akta Hasutan, perkara-perkara sensitif kita tidak boleh bincang kerana ini akan membangkitkan perkara-perkara ini tetapi kerana hendakkan kuasa dan hendak mempertahankan Kerajaan Kelantan, hendak mendapatkan undi bukan Melayu, hendak mendapat undi bukan Islam dia sanggup buat kenyataan walaupun pada masa dahulu dia pernah berjanji dengan masyarakat Islam hendak membubarkan Dewan Undangan, Perlembagaan Negeri bagi mewujudkan dua kerusi itu tidak pernah buat sekarang pula janji macam-macam, Tuan Yang di-Pertua. Janji ini sebenarnya kalau ditengok tentulah akan merupakan janji bohong. Lihatlah pada kegagalan Kerajaan PAS Negeri Kelantan.

Sebenarnya kalau kita hendak bercakap masalah kegagalan Kerajaan PAS memerintah negeri Kelantan ini, Tuan Yang di-Pertua, cukup banyak. Sebenarnya Kerajaan Negeri Kelantan tidak mempunyai apa-apa perancangan untuk membantu rakyat negeri Kelantan. Sebab itulah kita tengok statistik menunjukkan Kelantan masih ketinggalan dari segala segi. Kadar kemiskinan di negeri Kelantan adalah tertinggi di Semenanjung. Kadar perceraian juga adalah tertinggi, kadar penyakit sosial seperti penyalahgunaan dadah juga adalah tinggi. Sebaliknya peluang pekerjaan untuk mendapatkan pekerjaan adalah paling rendah. Pertumbuhan ekonomi antara yang terendah. Kemudahan kesihatan dan pengajian tinggi masih terbatas, semua ini adalah penyakit yang diwujudkan oleh pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan sekarang ini.

Hendak nafikan hakikat ini? Dan kita hendak tanya apa yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Kelantan untuk mengubah nasib masa depan orang Melayu di negeri Kelantan. Bercakap saja memerintah negeri tidak cukup. Kalau pandai bercakap sahaja, tengah hari tidur, malam berceramah, maki orang macam-macam. Akhir-akhir ini Tuan Yang di-Pertua, kutuk maki ini cukup hebat. Ada seorang penceramah....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Sedikit sahaja.

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Duduk dulu. Saya hendak sebut supaya pemimpin PAS sedar sedikit. Ini bercakap atas platform Islam, Tuan Yang di-Pertua, seorang pemimpin PAS berucap, dia kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bila mati nanti, neraka sudah menunggu. Dia boleh hukum atas muka bumi. Kuasa Allah Taala dialih letak di tangan dia. Ini sikap angkuh dan sombong seperti ini, Tuan Yang di-Pertua. Datuk Seri Abdullah Ahmad "Babi Dawi" dia tulis, dalam ceramah terbuka Dr. Mahathir "Maha Firaun", macam-macam kata-kata yang cukup kesat yang tidak melambangkan sedikit perjuangan orang yang kononnya hendak memperjuangkan Islam.

Islam tidak mengajar seperti ini. Saya rasa saya tidak hairan kerana Yang Amat Berhormat Menteri Besar selaku Mursyidul Am PAS pun boleh mengajar orang yang mencarut itu boleh. Barangkali hasil dari fatwa inilah pemimpin-pemimpin PAS sekarang hebat mencarut. Macam-macam perkataan sehinggakan kuasa Allah s.w.t. dia pindah letak di tangan dia. Inilah menunjukkan angkuh dan sombong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, minta gulung.

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya akhir-akhir ini ..

Tuan Haji Wan Mohd. Jami bin Wan Mahmood: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak bagi jalan atau tidak?

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Kalau Datuk Yang di-Pertua bagi masa, insya Allah saya beri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tidak ada tambahan masa.

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: ...untuk saya gulung, Tuan Yang di-Pertua. Di akhir-akhir ini kita nampak dengan jelas percanggahan-percanggahan pendapat yang ditunjukkan oleh golongan pembangkang di dalam negara ini.

DAP dengan cara dia, '*Malaysian-Malaysia*' dan *meritocracy*. PAS kononnya hendak membuat negara Islam walaupun tidak terdapat dalam perlembagaan dia. Dalam PAS sendiri sudah bercanggah antara Mursyidul Am dengan Presiden sudah bercanggah pendapat. Jadi kalau Barisan seperti ini, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Barisan

Alternatif ini dengan tinggal dalam satu rumah, tidur kadang-kadang satu bantal tetapi mimpi adalah berlainan. Saya percaya dalam pilihan raya akan datang rakyat akan menolak 'Barisan Alternatif' yang tidak menjamin masa depan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, ada masa lagi, saya hendak beri laluan kepada dia, kalau ada masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Bubar Parlimen.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata sedemikian, saya mohon menyokong.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Dia penakut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Labuan.

12.07 tgh.

Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit [Labuan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Belanjawan 2000 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 29 Oktober yang lalu tidak perlu pujian lagi kerana ianya sudah mendapat sokongan daripada seluruh lapisan masyarakat di negara kita ini, kecuali daripada pembangkang seperti yang kita dengar di dalam Dewan sepanjang minggu lepas dan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, setelah mendengar apa yang dihujah oleh Yang Berhormat bagi Machang yang menceritakan soal politik di Kelantan, saya rasa elok juga kita menumpukan perhatian di Dewan yang mulia ini kepada satu aspek yang cukup penting. Saya kira kalau aspek ini tidak diberikan perhatian, kita berpolitik pun tidak boleh, jauh sekali untuk mentadbir negara ini kalau kita kekurangan bahan makanan seperti beras.

Tuan Yang di-Pertua, dalam zaman menuju ke millennium ini, satu perkara yang amat penting ialah makanan yang akan menjamin kesejahteraan rakyat. Kebiasaannya persoalan seperti security terhadap bahan makanan adalah merupakan aspek yang kurang mendapat perhatian ataupun *the most under recognized aspect* dalam kehidupan kita. Apatah lagi di waktu negara dalam keadaan kemewahan, malah dalam keadaan kegawatan pun aspek ini kurang mendapat perhatian. Kita perlu mengambil iktibar

bahawa kekurangan makanan pasti membabitkan tension di kalangan rakyat dan akibatnya rusuhan, pemberontakan dan manifestasi tidak puas hati terhadap kerajaan tercetus.

Inilah yang berlaku ke atas beberapa negara Asia yang kebanyakannya menuju ke arah kemiskinan dan kekurangan makanan. Sehubungan itu perkara yang penting untuk memastikan kelastrian hidup, sosial dan politik negara kita hendaklah mengutamakan industri makanan yang amat sinonim dengan sektor pertanian. Dalam belanjawan ini, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM1.03 bilion bagi sektor pertanian adalah merupakan satu peruntukan yang bagi pendapat saya belum boleh menjamin bekalan makanan yang mencukupi sekiranya sesuatu berlaku kepada suasana politik dan juga cuaca di negara kita ini dan di dunia amnya.

Tuan Yang di-Pertua, pertanian adalah satu perkara yang wajib dalam sebuah negara. Keseluruhan negara dunia bermula sebagai sebuah negara pertanian kerana secara logiknya pertanian adalah landasan utama untuk manusia mendapatkan sumber makanan. Dalam era cyber ini, kebanyakan negara terlupa bahawa sektor pertanian masih lagi penting untuk dikekalkan dan diberi nafas baru dan negara-negara dunia ketiga seakan berlumba-lumba untuk melompat dari sebuah negara tani kepada negara industri dan teknologi tinggi. Sektor pertanian yang merupakan asas dan tunjang kepada sebuah negara semakin dilupakan dan tertinggal menjadi industri cottage dan galakan rakyat untuk menyertai kemajuan sains dan teknologi menjadikan generasi muda iaitu generasi pelapis terpanggil untuk meninggalkan sektor pertanian yang dianggap kampung dan kolot. Hasilnya banyak tanah-tanah potensi terbiar tidak diusahakan.

Dalam konteks ini saya ingin mendapat penjelasan daripada kerajaan apakah kedudukan tanah-tanah terbiar di negara ini dan apakah kemajuan terhadap usaha kerajaan untuk membangunkan tanah-tanah terbiar yang pernah dilaungkan beberapa tahun di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, migrasi menyebabkan tenaga buruh sektor tani merosot. Kesan daripada fenomena ini, kerajaan mula memikirkan untuk mengimport makanan dari negara luar untuk memenuhi permintaan rakyat yang populasinya semakin bertambah. Hari ini negara kita sudah mempunyai 22.9 juta orang, bayangkanlah sekiranya setiap penduduk di negara kita ini memerlukan 200 kg., 300 kg. atau 400 kg.

beras. Berapa banyakkah keperluan yang perlu kita sediakan untuk memenuhi keperluan ini?

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia hari ini telah mengimport beras, ikan, daging, sayur-sayuran serta buah-buahan tempatan seperti durian, malah kita juga sedang merintis jalan untuk mengimport ayam daripada negara jiran iaitu Thailand. Bukankah segala komoditi ini asalnya dihasilkan oleh negara kita sendiri dan kita pada hari ini tidaklah mampu lagi menanam, menternak dan menjaring untuk kegunaan kita sendiri. Bayangkanlah berapa banyakkah peruntukan untuk memenuhi permintaan domestik sekiranya semua sumber ini diimport dan dalam gawatnya tukaran mata wang kita semakin terhimpit dan isu menanam sendiri sayur-sayuran untuk kegunaan sendiri heboh ketika negara mula dilanda krisis kewangan, ternyata kita cuba balik ke sektor pertanian, namun apa yang lebih membimbangkan ialah kekurangan beras yang ketara sedangkan ianya adalah makanan asasi rakyat di negara kita ini.

Bila kita tanya soal *security* bahan makanan khususnya beras, kerajaan akan menjawab adalah lebih economical mengimport beras daripada mengeluarkan padi tempatan dan bekalan beras di negara ini sudah pun diswastakan dan kerajaan telah menetapkan 72% sebagai tahap sara diri.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia perlu prihatin terhadap apa yang berlaku dalam pasaran beras antarabangsa yang begitu kritikal dan membimbangkan. Undang-undang Perdagangan Antarabangsa yang membabitkan bijirin asasi seperti beras dan gandum memberi kesan kritikal kepada pengekal sumber semula jadi, pengeluaran makanan, komuniti desa dan sektor pertanian, kestabilan harga dan penawaran bijirin asasi serta kebajikan negara membangun dan sedang membangun.

Hari ini pasaran dagangan beras antarabangsa pada tahap yang terlalu kecil atau tipis, tidak stabil dan tidak reliable berbanding pasaran bijirin utama lain dan kebanyakan negara Asia mengejar polisi sara diri, bertujuan untuk memastikan kestabilan harga dan bekalan beras yang merupakan perkara penting sebagai makanan ruji bagi penduduk Asia.

Ciri-ciri istimewa pasaran perdagangan bebas dan polisi beras negara Asia, kontra dengan andaian asas paradigma baru yang mungkin dipanggil peraturan perdagangan yang saksama dan mencukupi. Di bawah peraturan ini dagangan bebas tidak diindahkan

tetapi polisi untuk mengekalkan kadar pertanian pada sara diri yang tinggi yang memastikan kestabilan harga beras dan bekalan yang mencukupi kepada penduduk Asia yang miskin dan sedang membangun. Jika dagangan beras yang dikejar, sektor beras dalam pengeluaran berkos tinggi di Asia seperti Jepun, Korea, Taiwan, Indonesia, Filipina akan hilang dan masalah luaran yang muncul kesan daripada sektor ini akan pupus.

Bekalan bijirin yang banyak dan pergolakan dalam dunia di Abad 21 dipersoalkan kerana beberapa faktor jangka panjang seperti ledakan populasi, ledakan permintaan terhadap bijirin makanan, kesan daripada pertumbuhan dalam pendapatan dan tekanan sumber semula jadi serta teknologi pertanian kekurangan dan harga beras menjelang 2020 perlu dipandang serius kerana ianya memberi kesan mendalam kepada negara dunia yang miskin secara global dan negara Asia yang menjadikan beras sebagai makanan ruji mereka.

Tuan Yang di-Pertua, tekanan ke atas sumber semula jadi dan teknologi berpunca daripada berlaku banyak penekanan ke atas teknologi modern pada masa lampau yang selari dengan paradigma faedah dagangan terbuka yang hanya memikirkan untuk dimaksimumkan secara efisien dalam jangka pendek. Sekuriti terhadap bahan makanan secara logiknya perlu difikirkan untuk jangka panjang. Ini bermakna paradigma jangka pendek tidak sesuai lagi diguna pakai, sebaliknya perlu diurus mengikut paradigma dagangan mencukupi dan saksama di mana bekalan yang cukup untuk jangka terpanjang, terutama untuk sara diri sebuah negara, sekuriti makanan untuk penduduk miskin dan kawalan alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia hari ini sewajarnya gelisah dengan trend yang bakal mencetuskan kekurangan bijirin utama ini. Lebih-lebih lagi pengeluaran beras negara yang jauh daripada mencukupi dan pergantungan terhadap import sebagai sebuah negara kecil tidak wajar Malaysia mengikut trend negara-negara maju seperti Jepun walaupun ianya merupakan sebuah negara maju tetapi dalam konteks pengeluaran beras, mereka adalah 100% cukup sara diri.

Tuan Yang di-Pertua, polisi pertumbuhan ekonomi pasca perang ini yang mengaut faedah dari dagangan bebas memberi kesan drastik terhadap sektor pertanian, perhutanan dan juga perikanan. Kini Jepun menjadi negara pengimport utama bahan-

bahan pertanian di samping muncul sebagai negara yang semakin rendah sara hidup dari segi makanan kecuali beras di kalangan negara-negara berpendapatan tinggi di dunia. Jelas sekali Malaysia tidak setanding dengan Jepun untuk merebut komoditi ini jika wujud persaingan kelak di peringkat antarabangsa. Apa akan terjadi kepada negara sekiranya kita bergantung sebilangan besar untuk keperluan negara kita ini, sekiranya berlaku bencana alam yang hebat di dunia ini terutamanya kepada negara-negara pengeluar di mana negara kita mengimport? Apa akan berlaku sekiranya negara India di mana kita mengimport sekarang ini berhadapan dengan masalah kemarau panjang, masalah banjir serta India juga sebagai negara pengeluar di mana negara kita mengimport beras berhadapan dengan masalah di mana kedudukan *water table* di negara tersebut, dengan izin ataupun paras air bawah tanah semakin hari semakin merosot di antara 1 hingga 5 meter setiap tahun.

Begitu juga ini berlaku di negara China, kedudukan *water table* di negara China sudah mula menurun di antara 1 hingga 1.5 meter setiap tahun dan keadaan banjir di negara tersebut. Ini juga akan menjejaskan pasaran beras peringkat antarabangsa dan apa yang akan berlaku kepada negara jiran kita, misalnya Indonesia merupakan sebuah negara pengeksport beras pada masa lampau. Pada hari ini sudah mula memasuki pasaran beras antarabangsa dan mendapatkan beras untuk membekalkan penduduknya yang lebih daripada 200 juta orang pada hari ini. Beberapa hari ini, kita juga mendengar negara Indonesia sudah memulakan langkah mereka untuk mendapatkan bantuan kredit daripada negara kita ini, di mana Petronas diberikan tanggungjawab untuk memberikan bekalan kredit untuk membeli beras bagi menampung keperluan atau permintaan Indonesia pada hari ini. Ini semua akan menjejaskan kedudukan pasaran beras peringkat antarabangsa yang hanya berjumlah kecil dalam keadaan yang tipis, tidak menentu dan juga tidak reliable ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana pun kegelisahan terhadap kekurangan sumber beras ini perlu, dijangkakan apabila ledakan populasi yang pasti berlaku menjelang tahun 2020 dan tekanan ke atas sumber dan teknologi bekalan makanan akan menjadi semakin mendesak dan kekurangan makanan mungkin semakin buruk dan 800 juta orang bakal kelaparan dan ini menumpu di negara Asia di Abad ke-21 ini. Maka dengan itu bijirin adalah merupakan makanan asasi negara membangun yang membekalkan hingga 80%

pengambilan kalori dan populasi ini bakal kelaparan kesan daripada kenaikan harga beras. Sudah tentu Malaysia tidak terkecuali daripada masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia perlu mengambil iktibar daripada isyarat amaran ini memandangkan keperluan padi negara terlalu jauh untuk memenuhi permintaan domestik dan import beras bagi tahun 1998 sahaja berjumlah RM654,424.84 tan matrik yang dibawa masuk daripada negara Thailand, India, Pakistan, Vietnam, China, Myanmar, Amerika Syarikat dan juga Australia. Malah dagangan beras pasti akan memberi kesan apabila negara-negara pengguna bersaing untuk mendapatkan bekalan ini.

Jepun sebagai sebuah negara kaya pasti menjadi tumpuan negara pengeksport beras justeru akan mendesak kenaikan harga beras peringkat dunia. Hari ini sektor pertanian negara terutama padi mengalami masalah seperti tanah terbiar, tidak ekonomik, migrasi dan pengurangan tenaga buruh, sikap, peraturan dan juga kerenah birokrasi. Masalah ini lebih ketara lagi apabila minat terhadap sektor pertanian semakin pudar berbanding industri dan juga teknologi.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Arau bangun minta jalan, ya.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah memberi penekanan kepada aspek pemakanan negara terutamanya padi.

Dalam ucapan tadi, Yang Berhormat telah menyebut masalah pengeluaran padi banyak berlaku sehingga menyebabkan banyak tanah terbiar yang tidak diusahakan kerana tidak ekonomik. Apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa jika kerajaan berusaha untuk menaikkan harga padi daripada harga sekarang ini boleh membantu untuk kita menambahkan lagi pengeluaran padi dalam negara kita memandangkan bahawa harga padi sudah lama tidak dinaikkan dan sekarang ini petani-petani terutama di kawasan-kawasan tertentu - yang kalau dia mengusahakan tanaman padi mereka akan mengalami kerugian disebabkan kos, racun dan pengelolaan tanaman padi itu meningkat?

Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Terima kasih. Sebenarnya sebelum Yang Berhormat suarakan, kami Wakil Rakyat Ahli Parlimen sudah

merundingkannya dengan pihak-pihak tertentu. Jadi, Yang Berhormat bersabarlah, keputusan kerajaan yang akan dibuat nanti dalam soal harga baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, pasaran dagangan beras dunia adalah terlalu kecil. Ianya dalam jumlah 3-4% sahaja. Ini kerana 90% pengeluaran beras dunia tertumpu di negara Asia dan memandangkan beras penting sebagai makanan rugi penduduknya kebanyakan negara Asia mengekalkan polisi cukup hidup atau sara diri tetapi bagaimana pula dengan keadaan kita di Malaysia ini dan tekanan ini perlu difikir oleh pihak kerajaan dan sesuatu perlu dilakukan bagi meningkatkan keperluan beras di negara ini. Jadi, saya ingin menyarankan supaya pihak kerajaan memikirkan semula tentang dasar sara diri yang berada pada tahap 72% pada ketika ini yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Maka, sehubungan dengan itu, Malaysia perlu menyahut polisi sara diri yang rasanya tidak asing bagi penduduk negara kita ini dan kita hanya perlu mengembalikan nostalgia pertanian yang mungkin dianggap kuno tetapi lebih mesra-alam dan masyarakat. Makanan adalah penting, boleh dianggap nadi kehidupan dan justeru itu menuju serta menggalakkan pertanian padi untuk sara diri saksama dan mencukupi adalah hakikat hidup yang perlu diteruskan dan kita harus memikirkan masa hadapan pertanian adalah asas kepada sumber makanan dan seharusnya juga diberi keutamaan selari dengan keghairahan mengejar dunia teknologi dan untuk terus menjadi negara kita ini sebagai negara maju.

Tuan Abdul Aziz bin Yassin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Abdul Aziz bin Yassin: Tuan Yang di-Pertua, minta sedikit penjelasan. Malaysia boleh keluarkan beras cukup kalau kita buat *planning* yang betul.

Pertama, saya suka mencadangkan tanah adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Pertanian adalah tanggungjawab bersama Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Jadi, saya suka mencadangkan diwujudkan Majlis Pertanian Negara di mana ahli-ahlinya dianggotai oleh menteri-menteri besar dan wakil-wakil daripada Kerajaan Persekutuan. Tetapi apa yang hendak saya jelaskan di sini, kita makan beras, makan nasi dua kali sehari. Patut kita boleh fikirkan makan nasi hanya sehari sekali. Kalau kita makan nasi sehari sekali sebelah siang sahaja, malam kita makan lain daripada nasi kita boleh mengurangkan permintaan beras. Saya ingat pada Allahyarham Tun Razak semasa hidup

dahulu, kita pernah bincang, “mengapa orang Melayu asyik makan nasi sahaja hari-hari”, katanya. Kita masih ingat pada masa Jepun pun. Kita di Johor tidak ada beras. Kita makan nasi sehari sekali agaknya – sebelah malam kita makan keledak, keladi, pisang, ubi, tepung dan sebagainya. Jadi, saya suka mencadangkan kepada kerajaan jadikan dasar makan nasi ini hanya makan nasi sehari sekali sebelah siang sahaja, terima kasih.

Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Saya takut kalau Yang Berhormat cadangkan macam itu, Yang Berhormat kalah pilihan raya pula. Kena ada satu kementerian hendak ubah rejim makanan manusia, dia kena tukar sistem penghadaman manusia dahulu - mungkin untuk orang Malaysia. Agaknya susah untuk makan nasi sehari sekali terutamanya orang Kedahlah yang makan empat kali sehari. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap menerusi Dasar Pertanian Negara Ketiga, pendekatan-pendekatan strategi tidaklah hanya menumpukan kepada perdagangan bukan makanan semata-mata. Saya tidak menafikan bahawa perdagangan hasil pertanian bukan makanan seperti balak, kelapa sawit – antara penyumbang utama perbendaharaan negara. Bagaimanapun, tiada guna sekiranya negara mempunyai wang yang mencukupi tetapi tidak dapat membeli beras akibat tekanan pasaran beras antarabangsa yang semakin mengecil atau rakyat terpaksa membayar harga makanan yang tinggi kesan daripada kenaikan harga beras ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, usaha yang lebih gigih, yang lebih giat, perlu untuk mengekang penggunaan bahan kimia dalam pertanian seperti baja dan racun serangga, inovasi dan juga yang dihasilkan di universiti-universiti tempatan haruslah dikembangkan dan dimajukan seperti penggunaan bio-teknologi, yang mesra alam di samping meningkatkan hasil pertanian, kesihatan pengguna juga harus diberi keutamaan. Maka dengan itu, kita mencadangkan supaya Kementerian Pertanian dapat memainkan peranan yang lebih pesat lagi bagi mengguna-pakai segala penemuan yang dilakukan di institusi penyelidikan di negara kita ini termasuklah MARDI dan juga IPT – khususnya UPM yang banyak menghasilkan penemuan-penemuan yang boleh mendatangkan dan meningkatkan hasil pengeluaran makanan di negara kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin melihat agar Kementerian Pertanian lebih gigih dan lebih progresif serta agresif dalam memajukan sektor pertanian yang

berasaskan makanan pada masa yang akan datang. Dalam kesempatan ini saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, di mana kerajaan telah pun memeruntukkan sebanyak RM10 juta untuk tujuan membangunkan Terumbu Layang-layang atau Pulau Layang-layang dalam Belanjawan 2000 ini.

Saya dalam kesempatan ini ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pertahanan khususnya Tentera Udara Diraja Malaysia yang berpangkalan di Labuan di mana telah berjaya pada minggu lalu mengusir penceroboh daripada Filipina yang menggunakan dua pesawat Tentera Udara Filipina yang sebenarnya telah menceroboh kawasan Terumbu Layang-layang ini beberapa kali sebelum ini. Tetapi akhirnya mereka telah dapat dikesan dan telah dapat diusir daripada kawasan tersebut dan kita mengucapkan tahniah atas kecekapan Tentera Udara Diraja kita yang berjaya melakukan ini semua kerana kita khuatir bahawa pesawat yang digunakan oleh Tentera Udara Filipina juga mungkin menjadi perisik kepada Amerika Syarikat untuk mengintip negara kita ini.

Sememangnya langkah yang dilakukan oleh pihak kerajaan untuk menduduki dua pulau terumbu yang baru iaitu Peninjau dan Siput ini adalah suatu usaha yang patut diberikan pujian kerana bukan sahaja untuk tujuan pertahanan tetapi kawasan tersebut adalah merupakan kawasan yang cukup kaya dengan sumber lautnya dan beribu-ribu jenis hidupan laut didapati di kawasan tersebut. Kita ketahui selama ini pihak Vietnam sentiasa melakukan pencerobohan di kawasan tersebut untuk tujuan mendapatkan siput dan juga kerang di kawasan terumbu ini. Negara Filipina juga, nelayan mereka sentiasa memasuki kawasan ini untuk tujuan mendapatkan ikan dan dengan menggunakan bom - yang mana ini sudah tentu akan merosakkan keadaan terumbu dan juga batu karang di kawasan tersebut. Nelayan Cina pula, datang ke kawasan ini untuk mendapatkan "*si urchen*" – saya tidak tahu dalam bahasanya apa – yang mempunyai nilai pasaran yang tinggi dan dipercayai mempunyai kuasa *aprodecia* kepada orang-orang Cina. Maka mereka telah menceroboh kawasan ini. Kalau ini dibiarkan sudah tentu kawasan ini satu hari nanti akan pupus. Langkah yang dilakukan oleh kerajaan untuk menubuhkan dua pusat penyelidikan di dua pulau ini adalah suatu langkah yang kita sambut baik dan ini perlu kita pertahankan.

Kita juga menyokong saranan yang dibuat oleh Menteri Pertahanan supaya diwujudkan *code of Ethic* bagi kawasan ini. Ini boleh dilakukan tetapi bagi kawasan di mana ianya merupakan kawasan yang bertindih – di mana beberapa negara telah membuat *claims* ini. Tetapi bagi kawasan yang dipunyai oleh kita, tidak sepatutnya membenarkan mana-mana negara pun untuk memasuki kawasan yang kita duduki ini dan kita harus bertindak tegas dalam soal ini dan kita yakin, dan percaya bahawa peruntukan RM10 juta untuk membangunkan Terumbu Layang-layang ini akan dapat menghasilkan hasil ataupun penemuan yang mempunyai nilai-nilai komersial untuk negara kita ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat sila gulung, ya.

Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, saya akan gulung. Akhirnya, sekali lagi saya ingin menyarankan agar pihak Kementerian Pertanian menumpukan perhatian dan memberikan penekanan ke atas aspek pengeluaran negara pada masa yang akan datang dan supaya kita tidak akan meletakkan sekuriti makanan di negara kita ini dalam pasaran antarabangsa. Mungkin kita telah melihat apa yang berlaku di negara-negara di mana berlakunya kekacauan dan juga peperangan, di mana berlakunya bencana alam dan ini sedikit sebanyak akan menjejaskan keupayaan kita untuk mendapatkan bekalan beras di peringkat antarabangsa. Dengan kata-kata demikian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Sepang.

12.35 tgh.

Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang di dalam Dewan yang mulia ini untuk mengambil bahagian untuk membahaskan Belanjawan 2000 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Pertama tempohari.

Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmatNya segala usaha-usaha dan langkah-langkah yang telah diperkenalkan dan dilaksanakan oleh kerajaan dengan sokongan rakyat jelata telah memberi kesan yang positif kepada pemulihan ekonomi negara. Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, Kerajaan Barisan Nasional telah terbukti dengan *track record* dan sejarah yang cukup panjang dalam

membangunkan negara dan membantu rakyat dalam meningkatkan kualiti hidup selama ini.

Oleh itu tidak hairanlah pihak pembangkang merasa kecewa apabila Belanjawan 2000 dibentangkan dengan membuat reaksi dan tuduhan yang melulu dan tidak berasas mengenai inti pati belanjawan ini yang sudah pasti di luar jangkaan mereka. Negara kita sudah merdeka lebih daripada 42 tahun dan rakyat kini sudah matang untuk menilai yang mana kebenaran dan yang mana pembohongan yang meracuni rakyat menerusi hasutan, fitnah, maki hamun, caci mencaci yang tidak munasabah dan meleset sama sekali. Telatah mereka jelas menggambarkan golongan ini terdiri daripada mereka yang terdesak dan reaksi mereka seolah mengakui bahawa mereka tidak mampu mengatasi kehebatan dan kemampuan Kerajaan Barisan Nasional sehingga sanggup menimbulkan isu-isu yang tidak munasabah hanya sekadar untuk memberi justifikasi kewujudan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sejak akhir-akhir ini kita dapati pakatan parti pembangkang terutamanya PAS sudah hilang haluan dan pegangan serta melampaui batas dengan bertindak begitu lantang mengkritik kepimpinan negara tanpa alasan yang konkrit dan rasional. Dalam hal ini Yang Berhormat bagi Marang sendiri telah mengakui tempohari akan pentingnya mentaati Allah, Rasul dan para pemimpin seperti Firman Allah S.W.T dalam surah An-Nisa' ayat yang ke-59 yang bermaksud, Wahai orang-orang yang beriman, taatilah Allah, taatilah Rasul dan para pemimpin di kalangan kamu.

Ayat ini jelas membuktikan bahawa kita diwajibkan untuk mentaati pemimpin selagi mana pemimpin tersebut tidak mengajak kita ke arah kebatilan dan mungkar. Pada saya Tuan Yang di-Pertua yang jelas melanggar perintah Allah di atas adalah PAS yang secara jelas dan terang-terang mengajak rakyat negara ini membuat perkara-perkara yang batil dengan perbuatan menghalalkan mencarut, bersekongkol dengan syaitan, mencaci, mencela serta membenci sesama Islam demi mencapai cita-cita dan kepentingan politik mereka. Yang juga pelik Tuan Yang di-Pertua bukan Yang Berhormat bagi Marang sahaja yang bertindak sedemikian, bahkan semua pemimpin kumpulan ini telah jauh menyimpang dari perjuangan asal dan budaya Islam dan seharusnya mereka ditegur sekeras-kerasnya. Akibat angkara perbuatan golongan inilah maka imej orang yang berserban, berjanggut, berkopiah putih dan berjubah dan yang benar-benar baik turut tercemar dan diragui. Di manakah pendirian ulama-ulama PAS kalau mereka benar-

benar memperjuangkan Islam sehingga sanggup membiarkan kemungkaran secara terang-terangan berlaku di kalangan pemimpin mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kalau perkara-perkara yang sekecil-kecilnya seperti perpaduan ummah sanggup dipergadaikan apatah lagi mendirikan negara Islam. Mereka ini telah menjadi rakus kuasa sehingga tidak hairankan adat budaya dan agama. Inilah penyelewangan besar terhadap Islam dan sikap hipokrit PAS sebenarnya yang sungguh dahsyat dan membahayakan kerana ianya melibatkan akidah umat Islam.

Saya juga ingin menyentuh kerajaan Islam yang ingin ditubuhkan oleh PAS yang sering dilaung-laungkan sebagai agenda utama perjuangan bagi mengkaburi dan menipu para penyokong dan ahli-ahli parti. Kini pembohongan ini menjadi lebih ketara apabila PAS dengan mudah telah menggugurkan penubuhan kerajaan Islam dan manifesto pakatan alternatif atas desakan DAP. Perkara ini jelas menggambarkan Tuan Yang di-Pertua bahawa PAS memang takut dengan rakan mereka DAP sehingga sanggup berkompromi segala perjuangan mereka selama ini. Di manakah maruah parti PAS kalau perihal parti sendiri pun sudah takut dipertahankan.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat ..

Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Apatah lagi berkenaan perkara-perkara yang lebih besar dari itu. Saya kluatir...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat dari Arau bangun. Hendak bagi jalan atau tidak Yang Berhormat?

Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Tidak saya tidak ada masa. Minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Saya kluatir mereka dan parti-parti yang lain dalam pakatan ini sudah dicucuk hidung oleh DAP.

Tuan Yang di-Pertua, hakikat sebenar sebuah kerajaan Islam jelas berada di depan mata kita. Negara-negara Islam di dunia mengakui bahawa Malaysia adalah satu-satunya negara Islam yang berjaya meletakkan maruah agama dijulung dan diiktiraf oleh dunia.

Ini adalah hasil berkat kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri negara kita yang telah berjaya menjadi contoh atau *role model* dengan izin kepada negara Islam yang lain. Inilah dia sebuah kerajaan Islam yang tidak dapat dinilai oleh hati-hati mereka yang berniat jahat lantaran perasaan taksub yang keterlaluan terhadap perjuangan parti yang sempit dan dangkal. PAS selama ini tidak sedar bahawa segala dasar dan pelan pembangunan yang termasuk dalam rancangan Malaysia adalah berlandaskan kepada agama Islam yang menjadi tunjang utama serta asas pegangan yang kukuh baik dari segi pendidikan, sosial, ekonomi dan politik.

Kerajaan tidak pernah mengetepikan kepentingan agama sepanjang 42 tahun memerintah negara ini. Begitu juga dari sudut sosial, pelbagai aktiviti dan program keagamaan telah dilaksanakan dengan jayanya seperti *Forum Perdana* dan *Hal Ehwal Islam* dan sebagainya. Dari segi ekonomi pula, Bank Islam serta urusan perbankan secara Islam telah diperkenalkan secara meluas di bank-bank konvensional.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan syabas kepada kerajaan di atas langkah kerajaan untuk mewujudkan kolej komuniti di setiap kawasan parlimen. Sememangnya penubuhan kolej seperti ini bersesuaian dengan kehendak dan cita rasa rakyat di negara ini yang sentiasa ingin meningkatkan ilmu pengetahuan bagi memperbaiki kualiti hidup mereka. Pengwujudan kolej komuniti ini selain daripada menempatkan pelajar-pelajar lepasan menengah untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang-bidang tertentu, saya ingin mencadangkan juga supaya kolej komuniti ini dapat mewujudkan program-program jangka pendek dan jangka panjang untuk golongan yang bekerja, berniaga serta suri rumah serta kursus pengenalan IT, kursus-kursus pentadbiran dan pengurusan, perakauan dan lain-lain di hujung minggu atau di sebelah malam dengan yuran yang termampu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menghadapi alaf baru yang lebih *sophisticated* dengan izin dan mencabar ini, semua pihak harus memikul tanggungjawab dalam menjayakan usaha kerajaan untuk menerap nilai-nilai murni.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat bagi Rompin bangun. Hendak bagi jalan atau tidak?

Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Media cetak dan media elektronik.....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Sepang...

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Ada masa pulak.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: ...kerana ucapan Yang Berhormat yang bukan saja bernas tetapi berapi juga. Ini api daripada dapur ini. Bahaya api ini.

Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat tentang kolej komuniti. Bagaimana dari segi pembiayaannya. Kita semua yakin apabila ditubuhkan kolej komuniti ini kalau konsep dahulu masyarakat luar bandar terpaksa pergi ke bandar untuk mendapatkan kolej, ini kolej mendekati luar bandar, kolej yang datang kepada luar bandar. Kolej mendekati masyarakat luar bandar yang dahagakan pendidikan. Saya hendak bertanya, adakah sudah semestinya bila ada sambutan itu nanti ramai mereka akan memasuki kolej ini bagaimana pembiayaannya. Saya bimbang nanti mereka akan berduyun-duyun berjumpa dengan wakil rakyat untuk membiayai *tuition fee* mereka.

Saya yakin bila mereka ada kolej komuniti ini dari segi pembiayaan untuk sara hidup mereka tidak perlu lagi kerana mereka boleh tinggal di rumah masing-masing dan hanya *commute* ataupun mereka datang ke kolej daripada rumah masing-masing. Tetapi saya nampak isu yang mungkin berhadapan dengan kita nanti ialah bagaimana untuk membiayai *tuition fee* itu atau yuran kolej atau yuran universiti mereka nanti. Adakah Yang Berhormat setuju. Minta pandangan Yang Berhormat supaya kerajaan ataupun kumpulan-kumpulan swasta sebagai tanggungjawab sosial mereka membiayai *tuition fee* atau yuran-yuran untuk mereka ini memasuki kolej komuniti. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat sedikit tentang perkara ini.

Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Yang Berhormat, seperti yang saya sebutkan tadi untuk mereka yang bekerja dan berniaga saya rasa sememangnya wajar pembiayaan ditanggung oleh mereka yang terlibat tadi. Pada saya pelajar-pelajar lepasan itu dibiayai kerana memandangkan penduduk di luar bandar sememangnya kurang kemampuan dan kita berharap juga pihak swasta juga akan turut terlibat dalam usaha untuk mendidik rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, media cetak dan elektronik juga turut berperanan dalam membentuk akhlak dan kerohanian yang teguh di kalangan masyarakat terutamanya golongan yang muda. Pengeksploitasian kaum wanita terutamanya oleh pihak pengeluar majalah hiburan sepatutnya mementingkan isu-isu moral dan keagamaan lebih daripada keuntungan dalam menggunakan kaum wanita sebagai alat dalam majalah mereka. Penonjolan wanita terutama wanita Islam dengan berpakaian terlalu terdedah sehingga menjolok mata di ruang depan dan dalam majalah adalah satu tarikan dan akan menjadi ikutan anak-anak muda yang akan mengundang kepada masalah sosial yang berlarutan. Oleh yang demikian saya ingin mencadangkan supaya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bertindak tegas dalam hal ini dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan 2000 kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM169.2 juta kepada JAKIM untuk memperkukuhkan penghayatan nilai-nilai Islam di kalangan umat Islam di negara ini. Dalam hal ini, perhatian harus diberikan kepada generasi muda terutamanya murid-murid di sekolah rendah. Hak golongan ini untuk mendapatkan pendidikan agama harus dipandang berat sebagai satu langkah awal ke arah pencegahan gejala sosial kerana tempat-tempat di sekolah agama amat terhad disebabkan oleh kekurangan bilik darjah dan guru. Contohnya di Selangor walaupun terdapat 217 Sekolah Kebangsaan KAFA dan 187 sekolah rendah agama, kedua-dua sekolah ini hanya mampu menampung 165,806 orang sahaja iaitu 80% sahaja daripada jumlah keseluruhan pelajar-pelajar Islam dan 20% lagi tidak mendapat tempat mengikuti program KAFA ataupun sekolah rendah agama.

Kita semua harus mengakui dasar pendidikan negara telah memberikan satu ruang yang luas dan menyeluruh dalam elemen pendidikan Islam bagi membekalkan anak-anak kita di semua peringkat persekolahan dengan ilmu-ilmu Islam bagi melahirkan insan yang bukan sahaja berilmu malah beriman, berakhlak mulia dan beramal soleh. Menerusi asas-asas ilmu Islam yang mantap dan berkesan inilah kita mengharapakan akan lahirnya anggota masyarakat yang bertanggungjawab kepada bangsa, agama dan negara sekali gus dapat membantu menghindari perkara buruk seperti gejala sosial.

Walaupun Kementerian Pendidikan telah menyediakan satu sistem kurikulum yang menyeluruh termasuk pendidikan agama di sekolah-sekolah kebangsaan, namun

masih ramai di kalangan ibu bapa yang mengharapkan sumbangan pendidikan agama rakyat dengan alasan kurikulum yang ditawarkan oleh Kementerian Pendidikan adalah tidak sepenuhnya memadai dan mencukupi. Akibat daripada perkembangan dan keadaan itu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia iaitu JAKIM telah berusaha membantu bagi memantapkan lagi kurikulum Kementerian Pendidikan tersebut melalui program kelas agama dan fardhu ain iaitu KAFA.

Walau bagaimanapun, program tersebut terpaksa diserahkan kepada negeri-negeri dengan menggunakan kemudahan dan prasarana yang baru. Sepatutnya ia dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan dengan memantapkan kurikulum yang sedia ada. Dengan perubahan yang berlaku ini Tuan Yang di-Pertua menyebabkan telah ada tiga sistem pendidikan iaitu sekolah rendah kebangsaan, sekolah agama rendah Jabatan Agama Islam Negeri, program KAFA dan JAKIM. Ini memberi pelbagai natijah dan implikasi yang boleh difikirkan semula dari sudut amalan keberkesanan dan mutu pendidikan yang ditawarkan kepada anak-anak kita.

Pertama saya berpendapat murid-murid telah dibebankan dengan sistem persekolahan yang amat berat dan mencabar. Pada sebelah pagi anak-anak kita terpaksa ke sekolah kebangsaan manakala pada sebelah petang pula terpaksa menghadapi sekolah agama sedangkan tujuan asal penubuhan KAFA adalah untuk membantu sekolah kebangsaan yang sedia ada. Saya berpendapat sekolah-sekolah agama rendah seperti dalam sistem JAIS dan negeri-negeri lain adalah jauh daripada tahap kesempurnaan kerana kekurangan peruntukan dan dana, kekurangan bilik-bilik darjah, peralatan, pengajaran seperti makmal, guru-guru terlatih dan skim perkhidmatan guru yang tidak diluluskan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam.

Kedudukan sekolah-sekolah agama pula, Jabatan Agama Islam Negeri sendiri dengan segala kekurangan dan kelemahan itu bagaimana pun masih mampu bertahan tetapi berada di dalam keadaan yang memerlukan suntikan baru jika mahu pendidikan Islam berkembang dengan lebih pesat, teratur dan sistematik. Jabatan Agama Islam Negeri, bagi saya tidak dapat menyediakan kemudahan sekolah agama memenuhi kehendak ibu bapa iaitu satu sekolah kebangsaan beserta dengan satu sekolah rendah agama.

Ini kerana dari segi perancangan tidak mungkin pihak pemaju dapat menyediakan tapak yang lebih luas untuk sekolah agama dan juga sekolah kebangsaan kerana ia adalah merugikan. Selalunya sekolah agama rendah tidak diberikan tempat sewajarnya. Akhirnya akan wujud keadaan terdapat segolongan murid-murid yang hanya bersekolah kebangsaan dan juga yang bersekolah kebangsaan serta dengan sekolah agama. Inilah yang berlaku di kawasan bandar seperti kawasan Lembah Klang kerana Jabatan Agama Islam Selangor sendiri tidak dapat memenuhi permintaan daripada ibu bapa.

Berdasarkan kepada kenyataan masalah dan implikasi yang terpaksa dihadapi itu, sukalah saya mengemukakan beberapa syor dan langkah bagi pertimbangan kerajaan untuk membantu mengatasi masalah-masalah yang dihadapi.

Pertama, usaha harus dilakukan bagi mendirikan sekolah agama rendah dengan pendekatan satu lawan satu dengan sekolah kebangsaan. Jabatan Agama Islam sendiri tidak berupaya untuk melaksanakan pendekatan ini kerana soal peruntukan dan ketiadaan tanah. Walau bagaimanapun, sistem ini didapati membebankan pelajar sendiri.

Cadangan yang kedua ialah memantapkan lagi kurikulum sekolah kebangsaan yang sedia ada dengan memasukkan unsur-unsur yang ada pada kurikulum Jabatan Agama Islam Negeri dan juga KAFA.

Sebagai percubaan projek, Selangor akan melaksanakan secara berperingkat-peringkat pada tahun 2000, sebuah sekolah akan dipilih di setiap daerah. Ini adalah pendekatan bersepadu atau integrasi. Langkah penyelarasan boleh dilakukan antara Jabatan Pendidikan Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri bagi mendapatkan persetujuan bersama dari segi kurikulum dan juga kemudahan persekolahan supaya akhirnya nanti anak-anak kita akan berpeluang belajar di satu sekolah dengan menerima kurikulum bersepadu antara Kementerian Pendidikan dan Jabatan Agama Islam Negeri. Ini lebih sesuai sebagai persediaan kita mengadakan persekolahan satu sesi yang akan datang.

Nampaknya pilihan ini paling baik kerana ia tidak memerlukan peruntukan yang besar dan hanya memerlukan persetujuan Jabatan Pendidikan Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri. Saya juga berpendapat perkara ini adalah pilihan yang paling *viable*, dengan izin, dan mampu dilaksanakan jika kita berhasrat untuk melahirkan anak-anak pelajar kita yang bukan sahaja berilmu, bertakwa, berketrampilan, menguasai ilmu-ilmu

asas Islam yang diperlukan untuk mengharungi dunia moden yang semakin mencabar. Kedatangan alaf baru abad ke-21 sudah tentu memerlukan sumbangan dan komitmen daripada generasi muda kita yang berpengetahuan, beriman dan beramal serta sanggup mengharungi badai perjuangan yang getir.

Tuan Yang di-Pertua, kanak-kanak merupakan aset negara dan kunci kepada pembangunan negara di masa hadapan. Oleh itu, asuhan dan bimbingan yang berterusan di peringkat awal lagi sangat-sangat diperlukan untuk menghindar mereka daripada terdedah dan terjebak di dalam kancang yang tidak diingini oleh kerana kos membiayai pendidikan adalah lebih murah daripada kos pembelian.

Sudah menjadi trend dewasa ini golongan wanita yang berpendidikan tinggi bekerja bukan sahaja menyumbang mengukuh ekonomi keluarga bahkan ia juga turut menyumbang kepada pembangunan negara yang sememangnya memerlukan mereka kerana kekurangan tenaga kerja yang mahir dan separuh mahir.

Maka atas dasar itu, saya ingin mencadangkan supaya satu pusat khidmat penjagaan kanak-kanak selepas waktu sekolah (*After School Care Services Centre*) dengan izin diwujudkan di sekolah-sekolah. Cadangan ini sememangnya bertepatan dengan rancangan kerajaan melalui Kementerian Pendidikan untuk mengadakan sekolah satu sesi dengan pembinaan lebih banyak sekolah-sekolah baru. Pusat khidmat ini pula dicadangkan supaya dikendalikan dengan bayaran yang berpatutan di bawah pentadbiran PIBG sekolah dengan kerjasama JKKK, persatuan-persatuan penduduk, badan-badan NGO dan lain-lain lagi. Cadangan ini dibuat berdasarkan sekolah merupakan satu kawasan yang paling selamat, luas dan cukup dengan kemudahan asas dan adalah wajar kegunaan prasarana ini dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, kita sedia maklum bahawa salah satu *ingredient* yang penting bagi memastikan tercapainya Wawasan 2020 ialah kesediaan masyarakat dari segi pembangunan minda. Proses untuk membangunkan minda masyarakat ialah dengan penyediaan ilmu pengetahuan dan maklumat yang terkumpul dalam prasarana perpustakaan awam yang terdapat di seluruh Malaysia.

Saya difahamkan terdapat hampir 400 buah pusat-pusat perkhidmatan yang terdiri dari perpustakaan negeri, perpustakaan cawangan, perpustakaan desa di seluruh negara. Namun, sekadar menyediakan prasarana fizikal dan peruntukan besar untuk bahan bacaan

tidak akan menjamin perkhidmatan yang memuaskan kepada masyarakat tanpa diselenggarakan oleh pegawai-pegawai terlatih yang mencukupi.

Untuk menggalakkan masyarakat membaca, menimba ilmu pengetahuan meningkatkan kadar literasi serta menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan, maka perkhidmatan dan bimbingan para pustakawan daripada orang yang paling layak amat diperlukan. Kalau sekadar meletakkan seorang pembantu di perpustakaan desa atau perpustakaan cawangan untuk menjalankan semua yang disebutkan di atas, tanpa bimbingan pegawai yang berkeelayakan, ia tidak akan membawa kesan yang diharapkan.

Namun demikian, saya ucapkan syabas kepada anggota perpustakaan awam negeri kerana saya perhatikan mereka begitu *committed* dan gigih ketika menjalankan tugas walaupun ramai di antara mereka yang tidak langsung nampak berpeluang untuk kenaikan pangkat dan ramai juga yang memegang jawatan sambil bertahun-tahun sehingga ada yang melebihi sepuluh tahun kerana tidak ada jawatan-jawatan baru diwujudkan. Saya juga difahamkan bahawa hampir kesemua perpustakaan negeri tidak mewujudkan jawatan baru melebihi sepuluh tahun.

Perpustakaan awam di negara ini telah berkembang dengan pesatnya atas kehendak rakyat semenjak tahun 70-an. Kalau sepuluh tahun yang lalu, kerajaan membelanjakan RM8.6 juta untuk projek pembangunan perpustakaan dan RM6.5 juta sepuluh tahun kemudiannya dan membelanjakan untuk peruntukan mengurus RM15 juta pada tahun 1988 dan sepuluh tahun kemudian sejumlah RM40 juta diperuntukkan untuk Perpustakaan Awam seluruh negara baik dari kerajaan negeri atau Kerajaan Persekutuan tetapi malangnya tidak pula diperuntukkan perjawatan tambahan sejak tahun 1988. Dari situ, kita boleh lihat betapa perlunya perkara pengwujudan jawatan dipertimbangkan segera, kalau kita benar-benar inginkan keseimbangan dari segi pembangunan fizikal dan mental menjelang tahun 2020.

Kita sedia maklum, atas sebab masalah ekonomi pewujudan jawatan baru mungkin susah hendak dipertimbangkan tetapi yang anehnya mengapakah jawatan-jawatan yang dikosongkan di perpustakaan awam tidak diluluskan pengisiannya. Sekurang-kurangnya ia akan dapat juga membantu memberi peluang kenaikan pangkat dan pekerja sambil pula berpeluang menjawat jawatan yang tetap.

Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja di perpustakaan awam adalah kerja-kerja profesional dan memerlukan pegawai-pegawai yang layak dan terlatih. Oleh kerana hanya ada jawatan sambilan sahaja, calon yang berkelayakan tidak akan kekal lama di sesebuah perpustakaan dan mengakibatkan tidak ada kesinambungan kerja, kemahiran dalam kerja dan tidak ada pelapis untuk dilatih supaya mereka mengambil alih jawatan utama apabila keadaan memerlukan. Nasib para pustakawan awam perlu diperjuangkan kerana saya percaya mereka memainkan peranan penting dalam konteks pembangunan negara.

Saya juga difahamkan masih ada pengarah-pengarah perpustakaan awam negeri diletakkan di bawah gred tiga walaupun mereka berkelayakan dan memberi komitmen penuh dalam perkhidmatan sehingga sudah ada yang hampir mahu pencen. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan kepada pihak yang berkenaan, JPA atau pun Perpustakaan Negara atau Kementerian Kewangan supaya memberi pertimbangan dan perhatian serius dengan segera tentang perkara yang dibangkitkan terutama apabila kita akan menghadapi alaf baru dengan teknologi yang canggih, maka keperluan pegawai-pegawai terlatih dan cekap untuk mengendalikan perpustakaan awam sangat-sangat diperlukan.

Maka dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

[Beberapa Ahli Yang Berhormat bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, kita sambung di sebelah petang, ya Kota Bharu. Mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kota Bharu, ada lima minit lagi Yang Berhormat.

2.30 ptg.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: Bukan baru lima minit, baru mula.

Tuan Yang di-Pertua: Oh, baru mula, ya. Sila.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang untuk saya membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2000. Sukacita saya merakam setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana mampu menyediakan belanjawan yang melegakan semua lapisan rakyat. Ia merupakan belanjawan mesra rakyat. Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucap tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana tegas dengan pendirian menangani kegawatan ekonomi Asia yang menjangkiti Malaysia dengan cara ala-Malaysia, tidak ala-IMF. Ketegasan itu kini menerima kepujian dari pelbagai pihak termasuk World Bank dan IMF sendiri. Mereka kini mengakui bahawa kerajaan kita bijak menjaga kepentingan negara. Keengganan kerajaan untuk tidak tunduk kepada IMF jelas telah menyelamatkan dasar-dasar penting negara khususnya dasar menyusun semula masyarakat.

Baru-baru ini *International Finance Corporation*, sebuah badan pelaburan *World Bank* telah menyatakan ia berpuas hati dengan prestasi ekonomi Malaysia dan tindakan-tindakan Kerajaan Malaysia untuk menjaga kepentingan negara. Badan itu memiliki saham syarikat-syarikat Malaysia yang berjumlah 7% keseluruhan pelaburan di bawah *Investible Composite Index* dan 15.3% *Investible Asia Index*.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah berjaya di dalam merencana formula ekonomi yang tersendiri dan sesuai untuk keadaan sosio-ekonomi dan politik negara kita. Malaysia juga aktif di dalam menyuarakan keperluan masyarakat dunia merencanakan formula ekonomi baru bagi menggantikan sistem ekonomi dan kewangan yang sedia ada yang jelas lemah dan tidak berupaya menyekat lanun dan penyangak seperti spekulator mata wang dan *hedge funds* yang bertindak memusnahkan ekonomi beberapa negara yang terdedah kerana keadaan globalisasi yang mengizinkan situasi *free for all*, dengan izin.

Kerajaan Malaysia tidak jemu-jemu untuk membangkitkan isu ini dalam apa jua forum antarabangsa yang bersesuaian. Kita rakyat Malaysia harus menyokong usaha murni kerajaan. Alhamdulillah, Ahli-ahli Parlimen Malaysia melalui Kumpulan Antara Parlimen (IPU) Cawangan Malaysia turut aktif membantu kerajaan. Di Moscow tahun lalu 1998 di Persidangan IPU yang ke-100, delegasi Malaysia telah mendapat persetujuan rakan-rakan iaitu Ahli-ahli Parlimen dari ASEAN untuk membangkitkan keperluan

mengadakan model baru ekonomi dan kewangan di peringkat dunia. Pada Persidangan IPU yang ke-101 pula, iaitu pada bulan April di Brussel, Belgium, delegasi Parlimen Malaysia sekali lagi berjaya mendapat persetujuan kali ini dari semua delegasi IPU, 137 buah Parlimen yang bergabung dengan IPU untuk membincangkan dan membuat ketetapan atas perkara tersebut.

Oleh itu, pada Persidangan IPU 102 delegasi Malaysia pada 15 Oktober 1999 telah berjaya untuk mendapat persetujuan penerimaan di pihak IPU kesemua enam cadangan Malaysia dalam pembentukan model baru ekonomi dan kewangan dunia atau *new economic and financial architecture*.

Cadangan pertama delegasi Parlimen Malaysia ialah mengenai pengawasan *hedge funds* dan perdagangan mata wang.

Cadangan kedua, adalah mengenai usaha yang harus dibuat bagi menstabilkan kewangan dunia serta meningkatkan *sustainable growth and welfare*, dengan izin.

Cadangan ketiga adalah supaya semua pihak lebih bersungguh-sungguh mengimplementasikan semua cadangan yang telah dipersetujukan.

Cadangan keempat ialah agar negara-negara membangun harus terlibat di dalam semua perbincangan yang sedang berlangsung sekarang iaitu bagi mereformasikan model baru ekonomi dan kewangan.

Cadangan kelima ialah agar sektor swasta turut bertindak mengimbangi usaha-usaha kerajaan termasuk meningkatkan ketelusan dan pendedahan maklumat ekonomi dan kewangan.

Cadangan keenam ialah mendesak negara-negara maju supaya terus membuka pasaran mereka bagi membantu pemulihan ekonomi negara-negara sedang membangun.

Rakyat Malaysia diharapkan akan mengikut contoh baik Parlimen Malaysia dan membangkitkan isu model baru ekonomi dan kewangan dunia di forum-forum antarabangsa khususnya yang membincang soal ekonomi dan kewangan dunia. Model baru ekonomi dan kewangan belum lagi menjadi kenyataan, masih di dalam proses pewujudan. Selagi ia tidak wujud, model yang sedia ada masih terpakai dan ia tidak menjamin keadilan kepada semua negara dan tidak dapat melindungi negara-negara daripada kerakusan anasir-anasir seperti spekulator mata wang dan *hedge funds* dan perosak-perosak lain.

Oleh itu, rakyat Malaysia harus menyokong hasrat Kerajaan Malaysia untuk terus dengan pengawasan tertentu bagi melindungi ekonomi Malaysia. Kerajaan Malaysia pasti akan *review* dari masa ke semasa tindakan-tindakan kerajaan supaya ia tetap menguntungkan negara dan sekali gus mampu mempertahankan nama baik Malaysia sebagai penyokong dan pengamal pasaran terbuka dan ekonomi terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan Belanjawan 2000 oleh Menteri Kewangan Pertama, beliau telah memuatkan dua perenggan untuk menyatakan sanjungan kerajaan terhadap wanita dan telah diakui bahawa wanita berpendidikan peringkat universiti kini melebihi lelaki. Sehubungan dengan ini, kita sudah pun dimaklumkan bahawa 75% lulusan peringkat ijazah Universiti Kebangsaan Malaysia terdiri dari wanita. Kita juga maklum wanita kumpulan pengurusan dan profesional di sektor perkhidmatan awam hampir sama banyak dengan lelaki. Saya mengalu-alukan pengakuan Yang Berhormat Menteri Kewangan Pertama itu tetapi ingin bertanya bilakah pihak kerajaan akan mengubah senario di semua universiti dan di dalam perkhidmatan awam agar tenaga pentadbir di semua peringkat menunjukkan trend yang jelas ke arah perimbangan antara lelaki dan wanita.

Kita telah dimaklumkan bahawa kini ada tiga orang Ketua Setiausaha Kementerian yang terdiri daripada wanita, bolehlah *as a start*, dengan izin, tetapi pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) harus membuktikan ia *gender sensitive*, ia peka jantina dan ia harus sanggup untuk mempromosikan lebih ramai lagi wanita ke jawatan-jawatan tinggi di dalam perkhidmatan awam. Ada 24 buah kementerian dan tiga daripada 24 hanyalah 12.5%, bawah daripada 15%; iaitu tidak sampai separuh daripada target 30%. Tidak mengapalah, tahun depan, tahun 2000 – saya minta JPA tambah lagi jumlah wanita memegang jawatan Ketua Setiausaha Kementerian supaya menjadi 17.5% dan tahun 2001 saya minta JPA tambah lagi satu menjadi 20.8%; tahun 2002 saya minta JPA tambah lagi satu menjadi 25% dan tahun 2003 patutlah ditambah lagi satu menjadikan 29%, iaitu hampirlah 30% seperti mana yang dijanjikan oleh Kerajaan Malaysia akan tercapai pada atau sebelum tahun 2000.

Sehubungan dengan ini mari kita ambil iktibar daripada pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang sepatutnya setelah dilaksanakan selama 20 tahun, bumiputera memiliki 30% ekuiti atau kekayaan negara. Tetapi kita semua maklum, kita gagal

memastikan *target* itu dicapai. Bumiputera hanya memiliki lebih kurang 20% ekuiti sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, wanita telah berjuang bersama lelaki untuk memerdekakan negara. Kini negara telah merdeka selama 42 tahun tetapi kedudukan wanita dalam semua bidang, sosial, ekonomi dan politik tidak seimbang dengan kedudukan lelaki. Kemerdekaan harus memberi erti kepada wanita, layanan kepada wanita dan lelaki harus sama. Sebenarnya angka 30% wanita berada di peringkat pimpinan atau pentadbiran atau pengurusan telah dipersetujui oleh kerajaan-kerajaan pada beberapa persidangan dunia mengenai wanita. Sepatutnya 30% itu tercapai pada tahun 1995 lagi, tetapi ia tidak tercapai. Kini, telah dianjak kepada tahun 2005. Oleh itu saya berharap kerajaan akan menjadualkan peningkatan peratusan wanita sebagai pentadbir atau pengurus untuk keseluruhan perkhidmatan awam dan untuk universiti-universiti, untuk badan-badan berkanun kerajaan, agensi-agensi kerajaan, majlis, lembaga, jawatankuasa atau panel yang ditubuhkan oleh kerajaan.

Saya merasa sedih apabila membaca di dalam akhbar baru-baru ini yang menyiarkan berkenaan dengan keanggotaan jawatankuasa merangka semula masyarakat MAPEN II iaitu *Committee for Restructuring Society*. Tidak ada langsung penglibatan wanita, tidak dianggotai oleh wanita. Mengapa pihak kerajaan gagal untuk melantik beberapa orang tokoh wanita untuk jawatankuasa tersebut dan jawatankuasa lain bagi MAPEN II? Mengapa tidak melantik ahli-ahli NACIWID, bukankah NACIWID itu dipenuhi dengan tokoh-tokoh wanita yang layak untuk menganggotai jawatankuasa-jawatankuasa MAPEN II dan bukankah NACIWID iaitu Majlis Kebangsaan Mengintegrasikan Wanita Dalam Pembangunan merupakan badan terunggul, badan tertinggi, badan yang menasihati kerajaan bagi hal ehwal wanita?

Tuan Yang di-Pertua, sanjungan atau kata-kata manis tidak bermakna pada kami wanita, jika tindakan-tindakan wajar tidak diambil bagi merealisasikan janji kerajaan kepada wanita iaitu untuk melayan dengan saksama antara lelaki dan wanita.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa Jabatan Hal Ehwal Wanita hanya diperuntukkan RM1,576,000 untuk tahun 2000 berbanding dengan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli yang melebihi RM30 juta. Jabatan Perpaduan Negara melebihi RM46 juta, Jabatan Kebajikan Masyarakat melebihi RM102 juta, begitu jauh perbezaan antara

Jabatan Hal Ehwal Wanita dan jabatan-jabatan lain di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Saya percaya kerajaan tidak berniat untuk menganaktirikan HAWA tetapi itulah kalau kita lihat sepintas lalu, persepsinya seolah-olah dianaktirikan. Jika benar tidak hendak menganaktirikan, maka eloklah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat membesarkan Jabatan Hal Ehwal Wanita sesuai dengan keperluan tugas jabatan itu meninggikan kedudukan wanita serta memajukan wanita. Kalau hendak dibandingkan di bawah Program TEKUN, satu program untuk membantu peniaga-peniaga kecil, satu-satu kawasan Parlimen diperuntukkan RM1,500,000.

Jadi, peruntukan untuk seluruh Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Wanita ini hendak menjaga keseluruhan Malaysia diperuntukkan lebih sedikit sahaja daripada peruntukan TEKUN bagi satu-satu kawasan Parlimen. Jabatan HAWA juga dikehendaki bukan sahaja menjaga hal ehwal wanita seluruh Malaysia tetapi menjaga nama baik Malaysia di peringkat antarabangsa. Oleh itu ia terpaksa terlibat dengan aktiviti-aktiviti di peringkat antarabangsa. Kerja yang sungguh banyak ini dikendalikan oleh 26 orang sahaja pegawai dan kakitangan sokongan. Pada masa ini 26 orang itu adalah yang diperuntukkan, buat masa ini ada hanya 25 orang sahaja, satu lagi jawatan belum diisikan. Kalau kita lihat memang beratlah bagi pegawai dan kakitangan Jabatan Hal Ehwal Wanita ini untuk menjalankan tugas-tugas yang begitu mencabar. Kita bandingkan sebagai perbandingan jumlah pegawai dan kakitangan sokongan antara jabatan, Jabatan Kebajikan Masyarakat 2,290 orang; Jabatan Perpaduan Negara 353 orang; Jabatan Hal Ehwal Orang Asli 1,282 orang dan HAWA 26 orang.

Tidak tahulah itu jabatankah, bahagiankah, unitkah, tidak sesuailah sebuah jabatan hanya mengandungi 26 orang pegawai dan kakitangan sokongan. Bagaimanalah jabatan ini hendak pastikan semua pihak melaksanakan dasar wanita negara dan Pelan Tindakan Wanita yang telah diperkenalkan pada tahun 1997? Oleh itu HAWA memang gagal untuk memastikan kerajaan ataupun setiap kerajaan, jabatan, agensi, badan berkanun dan lain-lain badan yang ditubuhkan oleh kerajaan agar tidak cuai dalam memenuhi tuntutan, peningkatan, penglibatan wanita mengikut jadual yang munasabah.

Peruntukan yang kecil dan jumlah pegawai yang juga kecil membuatkan jabatan ini hanya mencadangkan bagi tahun 2000 untuk menyediakan tiga buah kertas dasar.

Mengumpul buku sebanyak 2,000 naskhah, membuat 12 kertas kerja atau laporan dan memberi 10 taklimat, itu sahaja. Saya terpaksa menggeleng kepala dan melihat cadangan program ini seolah-olah kerajaan hanya melepaskan ‘batuk di atas tangga’, dalam usaha meninggikan status wanita.

Saya merayu kepada kerajaan agar jangan berlengah dan segera meningkatkan kemampuan HAWA ini supaya ia dapat menjalankan tugas-tugas meningkatkan status dan kemajuan wanita dalam abad 21 dan alaf baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan HAWA ini tidaklah hanya akan menguruskan wang sebanyak RM1,500,000 lebih. Saya difahamkan juga ia akan diperuntukkan di bawah peruntukan dasar baru dan di bawah peruntukan *one-off* sebanyak RM166 ribu dan RM20 juta. Alhamdulillah, jika itu benar. Saya sangat mengalu-alukan peruntukan *one-off* dan dasar baru itu kerana ia membolehkan badan-badan bukan kerajaan wanita memohon untuk mendapat bantuan pembiayaan program-program.

Sehubungan dengan ini saya ingin mencadangkan kepada pihak HAWA supaya menyediakan panduan termasuk kertas kerja contoh bagi membantu pertubuhan-pertubuhan wanita mendapat dengan senang bantuan kewangan. Biasanya, kegagalan pertubuhan-pertubuhan ialah memahami peraturan kewangan, sukar bagi mereka memahami peraturan kewangan. Jadi, mereka gagal untuk mendapat wang yang diperlukan daripada pihak HAWA.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan HAWA berada dalam kesulitan menjalankan tugas dengan berkesan disebabkan peruntukan yang kecil dan juga jumlah pegawai dan kakitangan yang kecil, maka saya mencadangkan supaya HAWA mengenal pasti beberapa pertubuhan wanita yang sesuai. Ada 220 buah pertubuhan wanita, jadi banyak pilihan untuk HAWA untuk menjalankan tugas memantau setiap kerajaan, kementerian, jabatan, bahagian, unit, agensi, badan berkanun dan lain-lain badan kerajaan.

HAWA bersama dengan NGOs yang sesuai itu harus menubuhkan beberapa pasukan pemantauan termasuk satu pasukan khusus bagi memantau parti-parti politik, parti-parti komponen Barisan Nasional dan parti-parti pembangkang. Parti-parti politik ini harus dikaji dan diselidik, sejauh mana mereka menyahut seruan agar wanita berada di

semua peringkat pimpinan membuat dasar untuk parti-parti tersebut. Apakah parti-parti politik itu bercadang untuk menubuh jawatankuasa yang berperanan mengimbangi kuasa politik antara lelaki dan wanita. Soal calon untuk pilihan raya akan datang, apakah rancangan setiap parti politik? Berapa orang wanita akan dicalonkan oleh setiap parti politik?

Di sini saya mengambil kesempatan untuk mengajak parti PAS supaya berlaku adil kepada muslimat atau wanita PAS. Dunia telah menyaksikan wanita menjadi presiden negara, wanita menjadi perdana menteri negara termasuk negara-negara Islam tetapi PAS masih dengan tradisi kunonya, tidak beri peluang kepada wanitanya untuk menjadi wakil rakyat, ahli Dewan Rakyat atau ahli Dewan Undangan Negeri. Saya kasihan kepada muslimat PAS diperlakukan sedemikian, tidak adil muslimat PAS hanya dipergunakan oleh kaum lelaki PAS untuk menjadi perayu dan petugas-petugas. Suka saya merayu bagi pihak muslimat PAS, walaupun lain parti, saya merayu atas nama wanita, agar beberapa Yang Berhormat PAS dalam Dewan yang mulia ini memberi laluan kepada muslimat PAS yang telah banyak berkorban untuk mereka. Bukankah sudah sampai masanya bagi lelaki PAS membalas budi baik mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin melihat wanita daripada DAP mengambil tempat dalam Dewan yang mulia ini. Samalah DAP, PBS dan lain-lain parti pembangkang yang ada di dalam Dewan yang mulia ini. Apakah veteran DAP dan PBS sudi memberi laluan kepada wanita DAP, wanita PBS

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak:mengganti mereka sebagai calon. Yang Berhormat kalau saya ada masa, saya beri ya.

Tuan Lim Hock Seng: Ya.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: Tunggu sekejap ya. Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan Malaysia dan undang-undang Malaysia membolehkan lelaki dan wanita sama-sama terlibat dalam politik. Tiada apa pun halangan dari segi undang-undang bagi wanita dan lelaki terlibat dalam politik dalam tahap yang sama.

Jumlah lelaki dan wanita hampir sama banyak mendaftar sebagai pengundi, jumlah lelaki dan wanita juga hampir sama yang keluar mengundi dan jumlah wanita yang menjadi ahli politik pun hampir sama dengan lelaki. Tetapi yang sedihnya jumlah

wanita di dalam Parlimen dan Dewan-dewan Undangan Negeri tidak pula sama dengan lelaki. Ia tidak mencerminkan sumbangan wanita kepada politik tanah air. Apakah sebabnya? Kalau sebabnya bukanlah halangan dari segi undang-undang, kita harus melihat pada tempat yang lain iaitu apakah masalah itu berpunca daripada masalah tradisi yang begitu menebal sehingga menjejaskan peluang wanita untuk menikmati kuasa membuat dasar dan keputusan bersama lelaki bagi kebaikan masyarakat dan negara.

Negara Malaysia bukan unik, di negara-negara lain juga wanita tidak menikmati kuasa membuat dasar dan membuat keputusan pada tahap yang sama dengan lelaki. Tetapi senario ini kian berubah, umpamanya Parlimen Sweden mencatat 42.7% anggota Parlimen terdiri daripada wanita; Denmark 37.4%; Finland 37%; Norway 36.4%; Netherlands 36%; Iceland 34.9%; German 30.9%; Afrika Selatan 30%; New Zealand 29.2% dan di kalangan 13 buah negara yang mencatat 25% lebih keanggotaan Dewan Rakyat termasuklah sebuah negara ASEAN iaitu Vietnam.

Kumpulan Antara Parlimen (IPU) telah membuat kajian terhadap 179 buah Parlimen Nasional, mengikut kajian itu Parlimen Malaysia yang mencatat 7.8% wanita menganggotai Dewan Rakyat terletak di tangga ke 74. Daripada 179, kita berada di tangga 74 iaitu kita berada bersama dengan negara Slovenia dan Ukraine, negara yang baru merdeka. Sedangkan beberapa negara ASEAN lain lebih maju daripada Malaysia, seperti Republik Rakyat Demokratik Laos berada di tangga 20, ia mencatatkan 20.2%; Filipina berada di tangga 45, ia mencatatkan 12.4% dan saya berharaplah Malaysia tidak harus kekal di tangga 74.

Pada pilihan raya yang akan datang, pemimpin-pemimpin bagi semua parti politik, pemerintah dan pembangkang boleh mengambil peluang keemasan ini untuk mencalonkan wanita-wanita yang berkebolehan di kawasan-kawasan yang mempunyai harapan cerah untuk parti mereka menang. Rakyat Malaysia tidak mempunyai apa pun prejudis terhadap calon-calon wanita. Rakyat Malaysia telah biasa dengan kewibawaan wakil-wakil rakyat, penghalang bukannya rakyat tetapi penghalang adalah pemimpin-pemimpin parti politik.

Pemimpin-pemimpin parti politiklah yang sebenarnya bertanggungjawab sematamata kerana sama ada wanita Malaysia terus ketinggalan atau maju setapak lagi di dalam perjalanan menuju matlamat menikmati kuasa membuat dasar dan keputusan terletak

kepada pemimpin-pemimpin parti politik, ingin mencalon lebih ramai wanita ataupun terus berada di tahap ketinggalan jauh dengan negara-negara lain.

Di sini suka saya menyeru kepada Presiden UMNO, Presiden MCA, Presiden MIC, Presiden Gerakan semua Presiden parti politik dan ketua-ketua parti politik supaya menggandakan jumlah calon wanita bagi pilihan raya, sekiranya diadakan tahun ini, tahun ini, kalau tidak tahun hadapan, tahun 2000. Tidak seharusnya jumlah calon-calon wanita berada pada jumlah tahun 1995 atau janganlah sama sekali jumlah untuk pilihan raya akan datang kurang daripada jumlah tahun 1995. Sekiranya itu berlaku, ia menyatakan parti berkenaan tidak ikhlas dengan wanita, hanya mahu menggunakan tenaga wanita, *make use of* wanita. Zaman wanita diperlakukan sedemikian sudah pun berlalu. Wanita kini lebih celik daripada wanita dahulu, wanita kini faham harga diri, wanita kini mula faham kuasa politik, kuasa undi mereka. Janganlah mana-mana parti politik terus mempermain-mainkan wanita. Jangan memperlakukan wanita sehingga wanita Malaysia mengambil keputusan menghukum parti yang tidak pandai menghargai wanita.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya kebanyakan pengundi wanita yang faham nilai diri tidak akan mengundi PAS. Kebanyakan wanita yang boleh berfikir dan tahu menilai bahawa PAS tidak mengiktiraf wanita setaraf dengan lelaki. PAS menganggap wanita hanya layak untuk dipergunakan. Tenaga wanita PAS iaitu muslimat PAS diperlukan untuk memenangkan calon-calon lelaki kerana muslimat PAS tidak layak menjadi wakil rakyat walaupun berkelulusan tinggi, berkelulusan universiti dalam bidang syariahkah, usuluddinkah, kejuruteraankah, arkitek, kedokteran atau lain-lain profesion atau bidang-bidang yang lain. Kononnya situasi pilihan raya tidak selamat untuk muslimat PAS tetapi selamat untuk wanita KeADILan – rakan PAS. PAS bersetuju untuk menyokong Datin Seri Dr. Wan Azizah jika beliau ingin bertanding dalam pilihan raya akan datang, mengapa ada *double standard*, mendiskriminasi antara muslimat PAS dan wanita KeADILan.

Saya juga percaya wanita Malaysia yang cerdik tidak akan mengundi PAS kerana PAS yang memerintah negeri Kelantan tidak dapat menyediakan program-program yang meringankan masalah dan bebanan wanita. Di Semenanjung Malaysia, Kelantan terletak di tangga teratas bagi kadar kemiskinan tertinggi iaitu berada pada paras 19.2% dan

semua negeri di Semenanjung telah merancang untuk mensifarkan kelompok daif di negeri masing-masing pada penghujung tahun 2000 tetapi bagi Kerajaan PAS Negeri Kelantan, ia hanya berpeluk tubuh dan menyerahkan masalah menangani kemiskinan kepada Kerajaan Barisan Nasional Persekutuan. Kita sedia maklum bahawa wanitalah yang paling ramai di kalangan mereka yang miskin, majoriti yang besar. Ini bermakna Kerajaan PAS Kelantan membiarkan wanita terus berada di dalam kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta gulung ya.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin menyeru kepada pihak Kerajaan PAS supaya tidak mengabaikan kepentingan wanita supaya memastikan wanita tidak diperlakukan seperti mana dinyatakan oleh Menteri Besar baru-baru ini apabila ditanya berkenaan dengan masalah wanita yang diceraiakan disebabkan tidak bersefahaman dengan suami atas dasar perbezaan politik. Beliau hanya menyatakan bahawa beliau tidak boleh berbuat apa-apa, dia tidak ambil peduli masalah wanita dan kalau wanita datang berjumpa dengannya, dia hanya hendak beri air jampi. Jadi, saya berharap Menteri Besar Negeri Kelantan tidak terus mengambil sikap tidak bertanggungjawab terhadap wanita dan saya menyeru kepada wanita-wanita agar ingatlah hanya Barisan Nasional sahaja yang menghargai wanita. Barisan Nasionallah, melalui Amanah Ikhtiar telah mengeluarkan hampir 55,000 wanita daripada kemiskinan melalui peruntukan RM300 juta kepada Amanah Ikhtiar dan ia akan terus menolong lebih kurang 5,000 wanita lagi pada tahun hadapan. Jadi Kerajaan Barisan Nasionallah yang telah memastikan wanita sentiasa mengecapi kemajuan demi kemajuan tetapi itu tidak mencukupi, kita memerlukan semua kerajaan negeri membantu memajukan juga wanita.

Dengan itu, saya menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Bintulu.

3.06 ptg.

Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Walaupun berdepan dengan defisit sebanyak RM12.87 bilion, Belanjawan 2000 menunjukkan sikap pemurah Kerajaan Barisan Nasional. Kerajaan sanggup memikul risiko beban hutang negara yang banyak semata-mata untuk menjadikan Belanjawan 2000 sebagai 'Belanjawan Pilihan Raya'. Walaupun kerajaan mengambil langkah

menurunkan duti import barang-barang makanan berkuat kuasa 29 Oktober lalu sebagai satu langkah membendung inflasi yang kini berada di paras 3% tetapi durian runtuh kakitangan awam menyebabkan harga makanan dan barang-barang keperluan akan naik melambung atau setidaknya berada di paras sekarang. Lihat sahaja sekarang, walaupun pengumuman dibuat mengenai penurunan duti import barang makanan tetapi harga jualan masih tidak turun atas alasan bahawa para peniaga masih menjual stok lama. Bagaimana pula harga beras, susu, minyak masak, ikan, daging, sayur-sayuran yang dijual di pasar masih tinggi di merata tempat. Ini belum lagi kedatangan Hari Raya dan Tahun Baru Cina. Rakyat jelata yang menjadi pengguna terbesar masih belum dapat melepaskan rasa kelegaan mereka tentang kos sara hidup yang tinggi.

Saban tahun kerajaan berjanji untuk mempergiatkan langkah penguatkuasaan kementerian tetapi apakah hasilnya. Harga jualan barang makanan tidak banyak berubah. Tindakan penguatkuasaan kementerian tidak mampu menyekat kenaikan harga barang keperluan makanan, maka adalah penting para pekedai dan peniaga menyediakan senarai baru harga makanan dan barang keperluan harian berikutan Belanjawan supaya para pengguna boleh mengetahui dengan cepat kedudukan harga barang-barang pada satu-satu masa. Begitu juga duti import 305 barang-barang terpilih diturunkan daripada 5% kepada 30% tetapi kesan penurunan pada 29 Oktober 1999 belum menunjukkan kesan positif lagi. Para peniaga mengambil langkah yang lama untuk menurunkan harga kerana barang-barang jualan mereka adalah stok lama. Ia akan mengambil masa yang lama untuk mendapat kesan penurunan harga, barangkali selepas Hari Raya dan Tahun Baru Cina. Langkah penguatkuasaan kementerian janganlah pula berpilih. Bukan sahaja perihal barang-barang yang hendak diperiksa tetapi mereka harus memastikan harga jualan adalah menurut harga baru selepas penurunan duti import.

Saya menyambut baik langkah menurunkan cukai pendapatan individu dan koperasi serta kenaikan pelepasan cukai individual dan pelepasan cukai untuk premium insurans pendidikan dan kesihatan sebagai satu langkah menggalakkan rakyat menabung tetapi dalam Belanjawan ini saya tidak nampak insentif tertentu diberikan untuk menggalakkan rakyat menabung kecuali cukai ke atas simpanan saham amanah. Simpanan dalam bank insurans masih tidak berubah, tidak ada insentif tertentu seperti kenaikan faedah atau dividen untuk para penyimpan. Bagi Sabah dan Sarawak pula, tidak

ada insentif tertentu kecuali tindakan kerajaan memberi galakan potongan dua kali kos pengangkutan ke atas barang-barang yang dikeluarkan di Sabah dan Sarawak dan dihantar ke Semenanjung. Galakan ini tidak cukup. Sepatutnya galakan potongan cukai berasingan diperkenalkan kepada para pengilang dan pemasar barang-barang dari Sabah dan Sarawak dihantar ke Semenanjung sebagai satu usaha untuk meningkatkan industri di sana.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru kerajaan supaya memberi keutamaan memberi lebih penekanan ke atas pembangunan kemudahan asas dan infrastruktur di Sabah dan Sarawak di samping negeri-negeri kurang membangun di Semenanjung. Sejak kemerdekaan begitu banyak Belanjawan dilulus tetapi masih belum berjaya mewujudkan pembangunan yang seimbang kepada Sabah dan Sarawak serta negeri-negeri lain yang miskin di negara ini. Di Sarawak, kemudahan asas seperti paip air bagi rumah panjang dan kampung-kampung masih serba kekurangan di banyak bahagian dan tempat dalam negeri. Mereka yang selama ini bergantung hidup daripada air sungai, kini tidak lagi. Sungai-sungai yang ada sekarang sudah teruk tercemar dengan pembukaan syarikat-syarikat ladang.

Di dalam Dewan ini kita telah banyak kali mendengar kisah kawasan-kawasan luar bandar yang masih belum mendapat bekalan elektrik. Masyarakat rumah panjang dan kampung, sekolah-sekolah dan desa tidak boleh berkembang tanpa elektrik. Tidak ada talian telefon yang menjadi satu kemudahan asas dalam era maklumat sedangkan secara meluas, keseluruhan penduduk kampung belum dibekalkan perkhidmatan. Penjagaan kesihatan desa perlu dipertingkatkan dengan dibina klinik-klinik lebih baik dan doktor-doktor ditempatkan di situ untuk perkhidmatan kepada golongan miskin. Perkhidmatan bomba dan keselamatan dan lain-lain masih berkurangan.

Jalan raya kurang terdapat di luar bandar. Jalan-jalan kampung menyambung jalan utama ke Lebuhraya Pan Borneo masih tidak ada. Jika adapun kebanyakannya jalan-jalan kotor ditabur dengan batu-batu yang boleh merosakkan kereta dan kebanyakannya berkeadaan teruk dipenuhi lubang dan lumpur yang mana jika memandu di atasnya adalah membahayakan. Oleh sebab itu pengangkutan dalam kampung di Sarawak masih banyak bergantung kepada jalan air, menggunakan bot panjang, memakai enjin sangkut.

Saya sering bergerak dalam kawasan saya menggunakan bot panjang, duduk berjam-jam di bawah panas matahari atau hari hujan untuk melawat kawasan luar bandar. Saya sering memikirkan jalan-jalan di Kuala Lumpur di mana mereka membina jalan atas... *building roads in the sky* seperti Jalan Tun Razak dan kawasan Ampang dan lain-lain tempat. Saya pasti ia dapat mengelakkan kesesakan lalulintas tetapi di negeri-negeri kurang maju juga ingin melihat jalan-jalan dibina, bukan di atas langit seperti yang ada di Kuala Lumpur tetapi di atas bumi dan ditar sahaja kerana kekurangan sistem rangkaian jalan yang baik mengarah ke kawasan-kawasan luar bandar, pembangunan Sarawak tidak boleh berlaku dengan banyak. Hal yang sama berlaku pada kampung-kampung sepanjang kawasan pantai Sarawak dari Lindu ke Kuala Baram Bahagian Miri. Kerajaan Persekutuan tidak memperuntukkan wang untuk membina jalan pantai yang begitu penting kepada kawasan pantai, malah Lebuhraya Pan Borneo, ia menjadi seperti jalan-jalan estet sekarang.

Izinkan saya mengesahkan Sarawak tidak boleh membangun tanpa sistem rangkaian jalan raya yang baik dan Kerajaan Persekutuan perlu mengutamakan lebih banyak pembinaan jalan raya di Sarawak. Lagipun Sarawak menyumbang banyak hasil gas dan minyak ke dalam Perbendaharaan Persekutuan tetapi apa yang berbalik semula ke Sarawak hanya 5%.

Saya tidak perlu menekankan kepentingan pendidikan di kawasan luar bandar dan di Sarawak. Sebahagian besar rakyat masih tinggal dalam kawasan luar bandar, kita bukan sahaja perlu meningkatkan kemudahan fizikal sekolah tetapi juga perlu meningkatkan semangat mengajar di luar bandar bagi memastikan pelajar-pelajar luar bandar progresif seperti pelajar-pelajar bandar. Saya difahamkan terdapat banyak peruntukan untuk meningkatkan kemudahan sekolah di luar bandar Sarawak tetapi saya juga amat prihatin cara projek dikendalikan yang mana jumlah sebenar dibelanjakan ke atas sekolah itu sendiri hanya setengah daripada peruntukan manakala sebahagian besar ditapis sebagai keuntungan menerusi rangkaian kontrak daripada kontraktor utama kepada sub-kontraktor ke sub-kontraktor dan lain-lain .

Saya ingin menjelaskan juga kepentingan dan kesegeraan pembinaan lapangan terbang baru Bintulu dari segi pembinaan ekonomi Bintulu yang pesat menjadi pusat industri di Sarawak. Semakin ramai rakyat Semenanjung dan orang asing yang bekerja

dalam industri gas dan minyak. Adalah juga mengejutkan di Bintulu yang mempunyai tiga loji besar LNG, satu-satu loji SMDS di dunia, LPG, pelabuhan laut dalam dan banyak industri lain dan sehingga kini kita masih belum mempunyai sebuah lapangan terbang yang boleh mendaratkan kapal terbang Boeing. Perjalanan udara ke Bintulu mestilah lama dan meleihkan. Bukan itu sahaja, ia boleh membahayakan kerana lapangan terbang itu terletak di tengah-tengah bandar Bintulu. Terdapat banyak keperluan asas lain dalam bandar Bintulu yang perlu disediakan bagi menyaingi rentak pembangunan di sana, sebagai contoh, stesen TV. Pada masa ini kami hanya mendapat siaran TV1 dan TV2 dan kami masih tidak berpeluang mengikuti siaran stesen lain seperti TV3, TV4, MetroVision, ntv7 dan lain-lain. Semua kemudahan asas ini perlu disediakan untuk rakyat dengan segera tanpa banyak *politicking* lagi.

Pejabat Pendidikan Bahagian Bintulu yang selama ini ditunggu masih belum dibina lagi. Banyak lagi kalau hendak disenaraikan. Itulah sebab setiap belanjawan patut memberi keutamaan bagi memastikan pembangunan lebih berimbang dan berselerak atau bertabur dengan adil supaya negeri-negeri yang kurang membangun seperti Sabah dan Sarawak dan lain-lain negara dalam Semenanjung akan setanding dengan arus pembangunan di negara kita. Sabah dan Sarawak perlu pelaburan asing juga. Kita perlu membawa masuk pelaburan dalam industri pembuatan dan pembangunan industri petrokimia di Bintulu bagi menjadikan pertumbuhan ekonomi di Sarawak berdaya saing. Pembuatan telah menjadi salah satu sumber hasil utama Perbendaharaan kita tetapi kebanyakannya di Semenanjung, kita perlu agihkan ke kawasan lain terutama di Sabah dan Sarawak bagi menghasilkan pembangunan yang lebih berimbang dan juga mengagihkan risiko yang ada.

Ini amat penting jika kita ingin melihat pertumbuhan dan pembangunan ekonomi di Sarawak, membawa lebih banyak industri pembuatan dan pelaburan ke Sarawak supaya guna tenaga boleh diguna secara produktif di mana kita boleh mengeluarkan dan memperolehi pertukaran asing juga tetapi bukan pelaburan seperti loji alumina yang mana kita tidak ada perkongsian, tidak ada bahan mentah atau teknologi tetapi hanya gas kita yang murah digunakan oleh orang lain untuk mengeluarkan alumina dan diangkut dengan kapal laut balik ke negara asal, manakala sisa-sisa lumpur merah seberat seratus juta tan ditinggalkan di atas satu ribu ekar lebih tanah asal orang kampung termasuk

pencemaran serius yang lain di sekitar kawasan Bintulu. Penduduk Bintulu membantah projek jenis ini.

Saya sering mempercayai bahawa Malaysia bukanlah negara besar dari segi saiz geografi. Kita mempunyai banyak sumber asli dan bebas dari bencana alam yang cukup untuk setiap rakyat jika kita menguruskan dengan baik bagi memenuhi permintaan rakyat, tetapi malangnya kerajaan hari ini telah terjatuh ke dalam perangkap kronisme, nepotisme, korupsi, tamak haloba dan menimbun kekayaan peribadi di luar negeri dan jika berterusan akan memusnahkan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya prihatin mengenai isu cadangan penggabungan institusi perbankan dan kewangan. Walaupun diakui bahawa terdapat kebaikan dalam penggabungan tetapi tidak bererti bahawa dengan penggabungan menjadi besar, bank akan menjadi lebih baik. Dari pengalaman industri perbankan di Sarawak, bank kecil terbukti berkesan dan berdaya maju. Apa yang diambil kira sebenarnya bukanlah saiz tetapi kualiti pengurusan.

Sejak bertahun-tahun industri perbankan ini telah memberi perkhidmatan yang baik kepada orang ramai kerana mereka sering dan berupaya memahami situasi tempatan dan bertindak balas kepada keperluan dan cabaran masyarakat secara lebih luas dan lebih spesifik kepada keperluan pelanggan-pelanggan mereka. Bank-bank kecil ini berjaya melepasi diri dari krisis ekonomi dan kewangan yang melanda negara-negara Asia baru-baru ini lebih baik dari bank-bank besar. Bilakah Malaysia menjadi negara di mana hanya sibesar dan gergasi sahaja boleh hidup manakala orang kecil tersepit?

Penduduk Sarawak berjumlah sedikit dan rakyat menggunakan kemudahan bank juga lebih kecil, dengan itu bank-bank bersaiz kecil lebih sesuai untuk penduduk berjumlah sedikit, masih terdapat ruang yang mencukupi bagi pembangunan bank kecil di Sarawak. Dan kesemuanya sepuluh institusi kewangan tempatan seperti Bank Utama, Hock Hua Bank, Wah Tai Bank, EON Bank, Utama Finance, Hock Thai Finance, Leong Thai Finance, Sugar Link Finance, EON Finance dan Advance Finance, semua bank dan institusi kewangan mempunyai rekod panjang yang baik dan patut berupaya menentukan sendiri sama ada mereka ingin bergabung atau tidak dan dengan siapa pula jika bergabung. Kami bercadang diwujudkan sistem perbankan berperingkat di mana bank-bank pelbagai saiz dibenarkan sama-sama wujud.

Bank dan industri kewangan juga membuka cawangan masing-masing dengan baik dalam negeri sama ada dalam bandaraya ataupun dalam bandar kecil, dengan memberi kemudahan lebih baik kepada komuniti tempatan dari segi kemudahan mendapatkan perkhidmatan bank. Setiap cawangan tempatan memberi perkhidmatan penting kepada penduduk tempatan seluruh negara sedangkan sebahagian besar rakyat masih tinggal di kawasan luar bandar. Bank-bank ini mempunyai kelebihan dan kepakaran perbankan dan institusi kewangan di Sarawak. Mereka sudah mendapat kepercayaan dan penghormatan besar dari masyarakat tempatan, kita patut meletakkan kepercayaan kepada institusi kewangan lama, bersih dan serius di Sarawak dan biarkan mereka sendiri menentukan masa depan masing-masing.

Saya menyeru kerajaan bertimbang rasa dan mengambil kira kepentingan semua pihak dan benar-benar akauntabel dan telus kepada orang ramai pada setiap masa. Saya tidak bersetuju dengan pandangan bahawa Malaysia sudah terlebih bank, dari segi bilangan bank dan nisbah penduduk rakyat Malaysia mempunyai 1.36 bank cawangan pada setiap 10,000 orang, sementara Australia mempunyai 18, New Zealand – 3.6, Kanada – 3.3, UK – 2.7 dan USA – 1.96.

Walau bagaimanapun, alasan bahawa Malaysia sudah terlebih bank tidak betul, industri perbankan masa kini dalam negara menyaingi keperluan kredit dan peruntukannya, dengan itu bilangan bank masa kini perlu dikekalkan. Apa yang diperlukan ialah satu kawalan ketat ke atas keseluruhan pinjaman dan sistem jaminan pinjaman asas dengan tujuan untuk memperkuatkan institusi perbankan dan kewangan kita.

Penggabungan akan menyebabkan wujud pemberhentian kerja dan oleh kerana langkah ini besar-besaran, maka ia menimbulkan kebimbangan ramai pihak terutama pekerja bank, apa yang diperkatakan bahawa tidak ada pemberhentian kerja memang sedap didengar tetapi sukar dipercayai.

Sebenarnya penggabungan bank dan sistem pengkomputeran akan berakhir dengan pemberhentian kerja, ini boleh mengurangkan kos operasi institusi kewangan kesannya. Ramai pekerja akan menggugur, bermakna keluarga kehilangan pendapatan terus dan menjejaskan pembayaran balik pinjaman yang mereka ambil. Perasaan bimbang dan takut muncul di fikiran mereka tentang pemberhentian kerja akibat

penggabungan besar-besaran terutama sepanjang tempoh kesusahan apabila pekerjaan kosong sukar dicari.

Pemberhentian kerja hampir zalim terutama tempat mereka bekerja adalah teguh, diurus dengan baik dan bebas masalah dan paksaan bank terbaik ini memberhentikan para pekerja adalah tidak adil. Di Sarawak dianggarkan lebih kurang 2,000 pekerja bank akan terbabit, bayaran pampasan kecil yang diberikan kepada mereka tidak menjanjikan jaminan untuk masa depan mereka. Kita hendaklah memastikan pada setiap masa sistem perbankan kita diurus dengan baik, bukan banyak wang semata-mata, kalau tidak kita akan tersingkir oleh bank-bank asing.

Tuan Yang di-Pertua, pertikaian mengenai tanah pesaka bumiputera Sarawak (NCR) dan amalannya di Sarawak semakin mendalam sebagai ditunjukkan oleh pembunuhan di Ulu Niah, Miri pada 1 September 1999. Pertikaian mengenai tanah adat pesaka bumiputera akan berterusan jika ia terus diabaikan dan ia tidak berlaku ke atas tanah Iban sahaja tetapi tanah kampung-kampung Melayu juga.

Seluruh Bahagian Bintulu misalnya di Kuala Tatau sebanyak 160 keluarga Melayu tinggal beberapa dekad dan mengerjakan tanah termuda masih juga mereka menerima ancaman yang tanah mereka akan diambil untuk tanaman pokok oleh syarikat kertas dan pulpa yang membuat tuntutan ke atas tanah. Selama bertahun-tahun penduduk kampung-kampung Melayu telah meminta tanah mereka diukur dan dikeluarkan surat hakmilik kepada mereka tetapi selama berdekad-dekad menunggu tanpa hasil kecuali apabila sedar tanah mereka telah diberikan kepada syarikat kertas dan pulpa untuk ditanam pokok.

Lebih kurang 50 buah rumah panjang di Jalan Bintulu-Sibu dalam Bahagian Bintulu dan di kawasan Selangau juga menghadapi masalah yang sama. Di Segabai, Ulu Sebauh, tanah NCR diambil semuanya untuk pembangunan satu bandar baru, di manakah tanah yang tinggal untuk rakyat bercucuk tanam dan mencari kehidupan. Di Kampung Segan, Bintulu, tanah NCR penduduk kampung diambil untuk pembangunan kawasan perindustrian oleh pihak Lembaga Kemajuan Bintulu. Di Kuala Nyalau lebih kurang 1,000 ekar tanah NCR penduduk kampung Nyalau diambil untuk tapak pembuangan sisa kilang penapis aluminium yang dicadangkan.

Maka apakah yang penduduk peroleh? Kebanyakan rumah panjang di sepanjang Jalan Bintulu-Miri diberitahu bahawa kesemua mereka tinggal di atas tanah kerajaan. Sebahagian rumah panjang yang mempunyai tanah termuda dirampas dari mereka, syarikat perladangan hanya datang menceroboh tanah mereka dan membinasakan tanaman pokok-pokok buah-buahan dan lain-lain hasil ladang mereka. Mereka tidak dibayar pampasan kecuali ditinggalkan untuk setiap pintu rumah panjang sebanyak dua ekar tanah sama ada mereka suka atau tidak. Di Kampung Iran dan Kampung Kuala Suai semua tanah mereka yang dikerjakan selama berdekad-dekad telah pun diberikan kepada syarikat perladangan. Apakah lagi tanah yang tinggal ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta gulung.

Tuan Chiew Chiu Sing: Ya, terima kasih, sedikit sahaja. Apakah lagi tanah yang tinggal kepada penduduk kampung Melayu dan Iban dalam Bahagian Bintulu. Semua rakyat telah menyuarakan bantahan mereka sama ada kepada pihak berkuasa atau menteri negeri, tetapi permintaan mereka dianggap sepi.

Sebaliknya, syarikat berupaya mencari jalan dengan menggunakan gangster seperti diberi amaran oleh Commissioner of Police Sarawak, Datuk Syed Abdul Rahman dalam akhbar *Sin Chew Jit Poh* pada 9 Oktober 1999 dengan memberi amaran syarikat tempatan supaya belajar dari kes Ulu Niah, bahawa syarikat tidak boleh menggunakan gangsterism.

Tuan Yang di-Pertua, perenggan yang akhir, masanya telah tiba bagi Kerajaan Persekutuan untuk campur tangan dalam kontroversi yang semakin buruk mengenai tanah NCR yang menjadi satu cara hidup kaum Iban masyarakat Melayu yang tidak akan meninggalkan nama baik kepada negara baik di peringkat antarabangsa dari segi perlindungan hak tanah adat.

Saya ingin menggesa supaya diwujudkan satu suruhanjaya siasatan diraja yang bebas untuk melindungi tanah pesaka bumiputera Sarawak bagi mengekalkan keadilan, menyelesaikan tuntutan tanah dan menghormati nilai dan tradisi kaum bumiputera Sarawak. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Wangsa Maju.

3.30 ptg.

Dato' Dr. Haji Kamal bin Salleh [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk bersama-sama membahas Rang Undang-undang Perbekalan 2000 bagi kali ini. Seperti rakan-rakan saya Ahli Yang Berhormat yang lain, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan setinggi penghargaan kepada kerajaan khususnya Kementerian Kewangan yang telah mengajukan satu rang undang-undang yang saya kira cukup tepat dan bermanfaat kepada seluruh rakyat dan tepat pada masa ini.

Pada pendapat saya Belanjawan 2000 ini seperti sama kualitasnya dan tujuannya seperti Belanjawan 1988 yang juga bertujuan memantapkan pemulihan ekonomi pada krisis 1985 dan Belanjawan 2000 tujuan dan matlamat belanjawan ini ialah untuk memantapkan pemulihan tersebut dan juga menyediakan ekonomi kita untuk menghadapi alaf baru. Pada tahun 1988 krisis yang kita cuba atasi ialah berasaskan kepada masalah kejatuhan harga barangan komoditi dan kita mengharapakan dengan pelanggaran kod pelaburan asing, kita menggunakan *foreign capital* ini untuk menjana kembali pemulihan ekonomi.

Kali ini krisisnyanya ialah daripada luar juga tetapi berasaskan kewangan dan kita mencari jalan dari dalam negeri sendiri sebagai mengatasinya. Maka banyaklah mereka yang dahulu mengutuk dan menghentam kita dari segi usaha-usaha kerajaan untuk mengembalikan ekonomi kita kepada tahap ataupun jalan pertumbuhan mengikut potensi negara, sekarang ini terpaksa memberi penghormatan kepada kerajaan atas kejayaan ini.

Walau bagaimanapun, data-data jelas menunjukkan bahawa kita telah mula pulih dan Belanjawan 2000 juga mengunjurkan akan pemulihan itu diteruskan sehingga 5% pertumbuhan tahun depan dengan perbelanjaan *deficit financing, special fund policy* dari segi dasar fiskal dan juga dasar kewangan negara, namun kita masih lagi mendengar komen-komen songsang tentang usaha dan kesan usaha-usaha kerajaan ini, termasuk pihak pembangkang sendiri yang telah mengatakan bahawa tidak percaya akan data-data dan perangkaan yang dikeluarkan bahawa menunjukkan pemulihan betul atau tidak dan juga tidak bersetuju dengan beberapa cadangan kerajaan kononnya setengahnya seperti kata Ahli Yang Berhormat bagi Machang adalah diciplakkan daripada tulisan ataupun hujah-hujah mereka sendiri.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ir. Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Sebenarnya, kalau pun pembangkang bertanggungjawab membentuk satu *budget*, kalau dia ada berkuasa membentuk kerajaan, saya rasa dalam keadaan semasa ini, dia tidak lari banyak daripada apa yang dilaksanakan oleh kerajaan sendiri. Bagaimanapun, Ketua Pembangkang dalam ucapan beliau semasa membahaskan pembentangan Belanjawan oleh Menteri Kewangan Pertama menyebut, saya petik: “*Bahawa Belanjawan 2000 ini berdasarkan penilaian keadaan ekonomi palsu yang dihadapi negara. Ini merupakan satu penafian terhadap keadaan tidak menentu yang negara kita hadapi masa ini.*”

Saya tidak tahulah apa dia pihak Ketua Pembangkang baca daripada matlamat ataupun daripada perangkaan dan penganalisan. Sebenarnya, sekurang-kurangnya patut dia menjelaskan apa dia yang palsu dalam apa yang diketengahkan dalam Laporan Ekonomi Negara ataupun dalam ucapan belanjawan tersebut.

Dan juga apakah keadaan-keadaan yang tidak menentu ini yang akan menjejaskan usaha kita memulihkan ekonomi melalui Belanjawan 2000 ini. Jadi, itu sebabnya juga saya cuba mencari apakah dalam alternative budget ataupun belanjawan alternatif yang diumumkan oleh pihak ‘Barisan Alternatif’ pada hari sebelum pembentangan di Dewan yang mulia ini oleh Menteri Kewangan Pertama bagi Belanjawan 2000. Saya cuba melihat akan hujah-hujah yang dibangkitkan oleh mereka itu, juga menimbulkan kesangsian saya atas bagaimana upayakah mereka atau tidak untuk benar-benar memahami dan juga mengetengahkan belanjawan yang boleh memberi kesan yang lebih daripada apa yang kita sendiri buat melalui Barisan Nasional.

Pertamanya, pihak mereka menidakkan bahawa impak daripada *capital control* ataupun kawalan modal terpilih itu menjadi satu faktor penting dalam pemulihan ekonomi pada tahun 1999 ini. Bahawa sebenarnya pertumbuhan ekonomi ataupun kemantapan pertumbuhan tersebut adalah bergantung kepada keadaan yang positif daripada luar negara ataupun ianya tidaklah selebih baik daripada apa yang dilaksanakan ataupun dicapai oleh Korea dan Thailand, kononnya mereka lebih awal pulih daripada kita.

Sebenarnya, kita harus faham bahawa kita melaksanakan dasar ini termasuk dasar-dasar lain iaitu dengan kawalan modal terpilih ini membolehkan kita untuk

melaksanakan satu dasar pengembang dari segi fiskal dan *monetary* ataupun kewangan dengan menurunkan kadar faedah dengan membiayai semula melalui Danaharta bank-bank yang ada NPL dan juga bagi Danamodal membiayai bank-bank tersebut untuk memperkukuhkan sistem bank kita kerana krisis kita kali ini berpunca daripada sistem kewangan negara yang terlibat dalam globalisasi.

Jadi, apabila pihak pembangkang berkata demikian dalam belanjawan alternatif ini, saya juga terasa terpinga-pinga melihat apakah sebenarnya hujah-hujah mereka, walhal sebenarnya disebaliknya IMF sendiri yang mula-mula mengutuk kita itu dan *World Bank* serta IFC dan lain-lain *fund managers* yang seperti Shoulder dan Krugman dan sebagainya telah mengatakan bahawa sebenarnya kawalan modal terpilih inilah yang dilaksanakan oleh Malaysia itu yang sebenarnya memberi kita keupayaan untuk pulih daripada sektor-sektor lain.

Malah mereka terus mendalami isu ini dan mengatakan oleh kerana kita mempunyai faktor-faktor tertentu yang membolehkan kita untuk melaksanakan kawalan modal terpilih ini sehingga berjaya. Pertamanya, kita mempunyai Bank Negara yang cukup kuat dan cukup berupaya untuk mengawasi dan melaksanakan kawalan ini.

Keduanya, kita mempunyai kerajaan yang mempunyai penumpuan yang khusus kepada soal ini dan mempunyai birokrasi yang dapat melaksanakan perancangan-perancangan ini dengan baik dan melaksanakan program-program pemulihan itu dengan baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Bagan Datoh bangun.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin penjelasan dari Ahli Yang Berhormat bagi Wangsa Maju mengenai apa yang Ahli Yang Berhormat katakan itu tentang kawalan modal terpilih di mana apa yang kita lakukan sekarang melalui Menteri Kewangan Pertama dan apa yang dicatatkan di dalam Belanjawan yang dibentangkan baru-baru ini memperlihatkan bahawa kita sebenarnya sedang menyanggah satu teori ekonomi baru, kita menyanggah teori ekonomi usang dan kita menimbulkan satu teori ekonomi baru yang merupakan menjadi bahan untuk *case study* beberapa buah universiti yang ternama di dunia.

Adakah Ahli Yang Berhormat bersetuju bahawa apa yang kita lakukan adalah juga menyanggah dari ucapan belanjawan yang dibuat dari apa yang dipanggil sebagai belanjawan oleh 'Barisan Alternatif' yang memperlihatkan bahawa mereka tidak bersandarkan kepada fakta-fakta yang nyata sebaliknya berdasarkan kepada unjuran-unjuran yang tidak begitu ketara dan juga berdasarkan kepada pendekatan emosi di mana yang kita lihat mereka cuba mendekati jiwa rakyat terutamanya apabila mereka juga turut tersanggah kesan dari *respond* yang segera oleh Menteri Kewangan di mana pembatalan beberapa cukai barangan makanan yang menjadi bahan yang diimport selama ini dan juga pemansuhan lesen TV. Jadi, saya ingin penjelasan dari Ahli Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Kamal bin Salleh: Terima kasih, rakan saya Yang Berhormat bagi Bagan Datoh. Sebenarnya memang apa yang kita laksanakan ini bukan ortodoks dan banyak pemikir dan ekonomis yang lain yang di luar negara, dalam negeri yang merasakan ini tidak harus diadakan pada masa ini. Tetapi hakikatnya apabila kita telah dapat melaksanakannya dengan baik terutamanya oleh kerana kita mempunyai lebih belanjawan sekian lama sewaktu 10 tahun kita berkembang begitu pesat maka ketiga-tiga faktor ini membolehkan kita melaksanakannya dengan baik. Dan mengikut pemikir, penganalisa, yang sekarang ini bersetuju dengan kita mengatakan bahawa bukan banyak negara yang boleh melaksanakannya dalam keadaan sedemikian melainkan Malaysia kerana faktor-faktor yang saya sebutkan tadi.

Jadi, dari segi ini kita seolah-olah mendongak ataupun melanggar ortodoks ini dan seolah-olah membentuk satu kaedah baru tetapi sebenarnya bukan baru dalam konteks tidak ada lain negara yang melaksanakan kawalan modal terpilih, ada, negara Chili, China dan beberapa lain termasuk India sebelum dia me'*liberalise*'kan dalam 10 tahun yang lepas. Jadi apa yang kita buat sebenarnya dalam keadaan di mana keseluruhan IMF dan apa yang dikatakan *consensus Washington* itu antara Jabatan Kewangan Amerika Syarikat, Wallstreet dan juga IMF. Kita sebenarnya menentang pemikiran *consensus Washington* ini, ini yang mereka tidak dapat terima dan dengan itu macam-macamlah termasuk penggunaan media untuk menggambarkan kita sebagai satu negara yang sudah terpesong dan mahu memencilkan diri daripada sistem global.

Dalam konteks ini, sebenarnya apabila kita telah berjaya dalam kawalan modal terpilih ini, kita telah mengembalikan satu pendekatan yang lama ditinggalkan yang boleh

digunakan oleh negara-negara lain yang diserang oleh spekulator dan kemasukan modal jangka pendek ini. Jadi kita telah menunjuk bahawa dia boleh dijadikan satu daripada *instrument* untuk mempertahankan diri selain daripada dasar-dasar fizikal dan *monetary* yang lain dalam konteks ini dan juga dasar-dasar yang berasaskan kepada pelaburan asing. Jadi dalam konteks ini memang benarlah bahawa kita mengorak satu yang baru dalam konteks pemikiran yang sudah menuju lebih kepada sistem terbuka dan liberal sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, soal *budget* ‘Barisan Alternatif’ mengatakan bahawa ini tidak menjadi faktor yang penting dalam konteks pemulihan ekonomi negara ini sebenarnya tidak betullah. Walaupun Korea dan Thailand pulih lebih awal mungkin – saya terbaca sebenarnya Malaysialah lebih awal – itu kita boleh kaji secara fakta. Namun kita harus berbangga bahawa kita melaksanakan pemulihan ini sama ada pada tahap yang sama atau pun lebih awal daripada Korea dan Thailand dengan pembiayaan dan cara kita sendiri. Mereka pulih kerana IMF meletakkan, membiayai dan meminjam berjuta-juta *US dollar* itu untuk tujuan membiayai semula banknya, menutup bank, menutup syarikat-syarikat, cuba pecahkan *currency* Korea dan membawa kepada padah yang amat perit bagi penduduk dan pekerja. Di Malaysia, kita buat cara kita, kita pentingkan soal dasar ekonomi baru dan penyusunan semula masyarakat, kita tidak mahu menjejaskan sistem perlindungan sosial kita yang telah kita laksanakan sekian lama dan kejayaan-kejayaan kita.

Walaupun kita tidak dapat mengelak daripada kesan buruk kemelesetan tersebut namun ianya tidak membawa padah seperti negara jiran apabila kita melaksanakan dasar kita ini. Itulah sebabnya dalam *budget* 1999 tahun lepas, ahli-ahli Parlimen UMNO dalam Dewan ini mendesak melalui laporan yang ditujukan kepada Menteri Kewangan pada masa itu, Dato’ Seri Anwar supaya kita mengubah dasar ekonomi itu, melonggarkan keadaan dalam negara dan melaksanakan dasar fiskal deposit untuk tujuan kita menjana kembali kemelesetan ekonomi. Ini membawa kepada perkara yang kedua yang dibangkitkan dalam Belanjawan Alternatif oleh pembangkang, bahawa sebenarnya kerajaan dalam hubungannya dengan sistem pasaran dalam ekonomi bercampur ini harus memainkan peranan *counter psychological* dan dalam konteks ini bagi Belanjawan 2000 dia kata ekonomi sudah pulih maka kita tidak perlulah lagi melaksanakan dasar fiskal deposit

ini iaitu menjanakan pemulihan ekonomi melalui perbelanjaan kerajaan sehingga deposit sampai RM12 bilion ini, harus sekarang ini kita biarkan pihak swasta dan pasaran mengambil alih termasuk pelaburan asing supaya meneruskan pemulihan ekonomi.

Sebenarnya kita masih lagi dalam keadaan yang tidak menentu seperti kata Ketua Pembangkang sendiri, maknanya ada lagi ancaman-ancaman *down side risk* yang perlu kita awasi termasuk soal perkembangan di China, perkembangan *the US bubble*, sama ada mereka akan menaikkan kadar faedah atau tidak akan menjejaskan pemulihan ekonomi kita. Dalam keadaan berjaga-jaga inilah masih diperlukan peranan kerajaan seperti yang dicadangkan dalam Belanjawan 2000. Dalam konteks ini memang kita menyokong penuh apa yang telah dilaksanakan pada awal tahun ini, pada penghujung tahun lepas dengan kawalan modal serta juga dengan perbelanjaan kerajaan khusus untuk bukan sahaja memberi ruang dan upaya baru bagi bidang korporat tetapi juga IKS dan lain-lain bidang melalui pembinaan.

Maka inilah yang sebenarnya yang telah menambahkan kepada permintaan dalam negara melalui perbelanjaan kerajaan dan hasilnya kita melihat melalui berita yang dikeluarkan semalam, dan diterbitkan hari ini oleh MIER mengatakan bahawa "*private consumption dari pihak kerajaan sudah meningkat 7%*". Yang masih menjadi tandatanya lagi ialah dari segi permintaan swasta ataupun *private consumption*. Dan inilah yang dibuat oleh belanjawan ini supaya mengeluarkan ataupun menyuntik ekonomi kita ini dengan pelbagai galakan kewangan termasuk pemberian bonus, peningkatan gaji, pelepasan cukai, meningkatkan pelepasan individu daripada RM5,000 kepada RM8,000, menurunkan cukai korporat dan juga individu 1% masing-masing. Semuanya ini adalah bertujuan untuk memberi kita dalam negara ini meningkatkan kadar permintaan individu ataupun swasta pada masa ini masih di tahap rendah sama ada dari segi pelaburan mahupun dari segi penggunaan.

Maka itu sebabnyalah belanjawan ini masih lagi perlu menyuntik dan memberi galakan kepada permintaan ini supaya selari dengan permintaan kerajaan, membolehkan ekonomi terus maju dan membangun. Jadi saya tidak melihat ini membawakan isu tetapi pihak pembangkang membangkitkan pula isu hutang negara ini. Saya hendak jelaskan di sini, data dalam Laporan Ekonomi ada, Bank Negara ada kalau dia hendak baca, hendak lihat, kaji betul-betul memang ada. Sebenarnya pada masa ini, dari segi hutang negara

hanya adalah 60% daripada pengeluaran ataupun pendapatan kasar negara. Pada suatu masa dahulu ianya meningkat sampai, saya ingat 70%, maka ini masih lagi dalam keadaan yang terkawal.

Walaupun ianya perlu dibayar balik pada masa akan datang dan dengan itu akan ditanggung oleh generasi akan datang namun kadar pinjaman ini tidaklah melampau. Ia masih lagi ditahap yang dikatakan *medium inducted country* antara 40% hingga 80% GNP, negara yang meminjam adalah dikatakan *medium inducted country*, dengan izin.

Jadi dalam konteks ini apa yang dicadangkan di bawah Belanjawan ini dengan defisit lebih kurang 12 bilion dari segi akaun kerajaan maka ini sebenarnya boleh dibiayai dengan pinjaman dalam dan luar negeri. Maksudnya kita mempunyai *resources*. Inilah tugas kerajaan apabila kita menghadapi kemelesetan dan mahu memulihkan ekonomi. Kalau sudah negara meleset maka pendapatan kerajaan tidak cukup tetapi perlu menyuntik modal dalam negeri untuk meningkatkan perbelanjaan dalam negeri dengan itu meningkatkan pertumbuhan yang permintaan meleset maka kalau tidak cukup dia perlu meminjam. Apabila kita maju balik seperti kita telah maju dan berkembang begitu pesat selama 10 tahun yang lepas kita bayar balik pinjaman tersebut sehinggakan hutang luar kita yang dulunya tahun 1985, 1986 begitu tinggi, 1982, 1983 begitu tinggi sampai 19% daripada pendapatan negara dibayar untuk membayar balik hutang (*tax servicing*) sekarang ini sebelum kemelesetan ini kita telah turunkan sampai 6% kerana ekonomi kita maju. Tetapi kalau ekonomi kita tidak maju maka ianya terpaksa dinaikkan kerana kita perlu membiayai perbelanjaan kerajaan dan menjana pemulihan ekonomi. Jadi ini adalah urusan ekonomi dan pengurusan yang sentiasa dibuat bagi mana-mana ekonomi yang menggunakan sistem ini.

Antara negara yang terbanyak sekali hutang negaranya ialah Amerika Syarikat. Amerika Syarikat *is the worst biggest indebted country*, dengan izin tetapi negara inilah sekarang ini yang maju dan tumbuh begitu pesat sekarang ini yang membawa sebagai enjin pertumbuhan keseluruhan ekonomi dunia. Maka kalau kita faham tentang urusan pengurusan ekonomi sebegini pada peringkat macro ataupun micro, kita boleh menerima. Saudara Jomo Sundram yang menjadi penulis pada Belanjawan Alternatif ini patut faham sebab saya pernah membaca tulisan-tulisan beliau untuk *World Bank* dan sebagainya sememangnya menyetujui perancangan kita dalam konteks pembangunan dan

perindustrian. Mungkin ada yang dia kritikkan kita dari segi dasar penswastan yang sebenarnya menimbulkan masalah dari segi agihan dan sebagainya. Okay, kita boleh perbetulkan, kerajaan sendiri pun mahu memperbetulkan sistem penswastan ini supaya ianya tidak membebankan rakyat dalam apa bidang sekali pun.

Jadi soalnya ialah dia tidak boleh lebih daripada apa yang kita buat kerana mereka sendiri pun tidak faham akan keadaan sebenarnya tetapi kerana sudah hendak buat *alternative budget* maka dibuat jugalah. Walaupun dia kata dia tidak boleh buat baik-baik kerana tidak ada data, mengikut dakwaan pembangkang mereka tidak mempunyai data dalam 'Belanjawan Alternatif' tersebut yang ada 18 muka surat. Tidak cukup data. Sebenarnya data ini memang diterbitkan oleh pihak kerajaan, Bank Negara, oleh *Treasury* dan pihak-pihak swasta, *fund managers*, *stock brooking houses* dan sebagainya mempunyai data ini dan telah membuat pengunjuran sama ada pengunjuran pertumbuhan ekonomi, *financial requirement* kerajaan ataupun dari segi *tax expenditures* dan semuanya boleh dibuat sebab data ini ada. Kita di MIER dulu pun buat kajian, membuat projeksi alternatif kepada kerajaan dan membuat *independents research* dan sebagainya menggunakan data yang sama. Jadi tidak bolehlah pihak pembangkang ataupun mereka yang membuat '*Aternative Budget*' ini menjadikan data itu sebagai satu alasan.

Jadi maknanya kalau tidak ada *projection* atau pengunjuran ini, tidak ada pengetahuan tentang dasar atau asas kewangan kerajaan dan keperluan kewangan kerajaan untuk Belanjawan ini maka tentu sekali apa yang disebut oleh mereka sama ada dalam konteks *recommendation* mengenai *privatization* ataupun *contacts concession*, *housing expenditure* dan sebagainya semata-mata adalah pernyataan-pernyataan dalam *vacuum* sahaja, tidak ada asas melainkan akhirnya mereka mendakwa bahawa *Barisan Alternatif can do better. This is not the way we move* ataupun kita ketengahkan idea-idea dan hujah-hujah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ada baiklah kalau kita betul-betul mengkaji secara wajar, secara berasaskan kepada praktik dan datanya, jangan berasaskan kepada kerana hendak menghentam kerajaan maka kita ketepikan apa yang sebenarnya, fakta-fakta yang ada dan kita buat ucapan sembrono untuk merabunkan mata rakyat. Jadi pihak ketua pembangkang mengatakan bahawa Belanjawan ini adalah berdasarkan penilaian keadaan ekonomi yang palsu adalah satu pembohongan sebenarnya.

Dalam konteks ini, baru tadi saya terbaca bahawa Danamodal sudah mula mengurangkan jumlah pembiayaan bagi sistem bank. Ini satu tanda lagi mengatakan bahawa sistem yang telah kita laksanakan melalui Danamodal menghidupkan balik, memulihkan kembali sistem bank kita ialah satu-satunya yang telah memberi asas kukuh untuk pemulihan setakat ini tetapi perlu diteruskan mantapnya pada Belanjawan 2000.

Datuk Yang di-Pertua, saya hanya ingin menyentuh sekarang dua tiga perkara. Satu-satunya yang disebutkan oleh pihak pembangkang ialah bahawa Belanjawan 2000 ini sebenarnya untuk memancing undi, *election budget* ataupun merupakan rasuah politik. Semuanya perkataan, ungkapan yang imutif yang bertujuan untuk memberi gambaran kepada rakyat bahawa Barisan Nasional ialah satu kerajaan yang tidak bertanggungjawab. Saya ingin mengatakan bahawa kalau ianya berasaskan kepada satu pendekatan hanya untuk memancing undi, tentu sekali ianya akan membawa kepada pengurusan ekonomi yang merosakkan pemulihan ekonomi ini dan akan menjejaskan pemantapannya. Saya mengatakan begini kerana Belanjawan 2000 ini sebenarnya adalah juga wajar. It is also a budget dengan izin *that makes sense*.

Kita Barisan Nasional dalam kerajaan tentulah mengambil kesempatan ini untuk menunjukkan satu budget bila hendak dekat pilihan raya kerana kita juga hendak menunjukkan kepada pihak rakyat, pengundi bahawa kita berupaya memulihkan ekonomi dengan cadangan-cadangan yang bernas tetapi kalau kita hanya buat itu tujuan itu sahaja tanpa mengambil kira masalah-masalah dan faktor-faktor yang menjadi hakikat ekonomi sebenarnya bukan yang berasaskan kepada satu penilaian yang palsu maka budget ini mesti juga make sense dan dalam penganalisaan lain, Belanjawan 2000 ini telah juga mengatakan memang *it makes sense*.

Masa inilah kerajaan perlu membelanja terus membelanja kerana menggalakkan selepas itu perbelanjaan daripada pihak swasta dan individu. Ia melepaskan pelepasan cukai dan sebagainya, memberi kenaikan gaji kepada kakitangan kerajaan yang selama ini sudah lama selepas kita maju begitu kuat selama 10 tahun tidak dinaikkan gaji melainkan SSB sebagai satu sistem insentif baru, baru ini kita hendak beri mereka peluang ataupun memberi mereka kenaikan gaji 10% daripada gaji yang mereka dapat sekarang ini. Ia sudah dikatakan sebenarnya untuk memancing undi dan sokongan daripada kakitangan kerajaan. Jadi, kalau hendak kata boleh macam-macam hendak kata.

Saya hendak menumpu kepada tiga perkara kerana pembangkang kata juga bahawa sebenarnya fokus *budget* ini hanya kepada korporat-korporat, menyelamatkan mereka-mereka yang kroni dan sebagainya. Belanjawan ini ialah satu belanjawan yang cukup imbang. Ia melibatkan soal rakyat di mana kesihatan, pendidikan dan juga perumahan ditekankan dengan perbelanjaan-perbelanjaan yang sewajarnya. Sampai kini kerajaan Barisan Nasional dari segi perbelanjaan untuk pendidikan telah membelanjakan sebegitu banyak dibandingkan dengan negara-negara lain yang membangun dalam bidang pendidikan ini sama ada dari segi membuat sekolah-sekolah baru yang sekarang ini kita akan tambah dengan satu sesi maknanya kita perlu membelanja lebih banyak dalam bidang ini ataupun dari segi pembiayaan *scholarship* dan pinjaman seperti Tabung Pendidikan Tinggi Negara dan sebagainya dan juga pelepasan di mana peruntukan Belanjawan ini membolehkan ibu bapa mengeluarkan tabungan mereka bagi *window* yang keempat, akaun keempat untuk membiayai pendidikan. Semua ini menunjukkan bahawa kita menekankan pendidikan sebagai satu yang ada hak bagi rakyat.

Dalam konteks ini saya ingin menyentuh tentang beberapa idea yang harus kita lihat bahawa soalnya bukan sahaja untuk kita mengatasi masalah krisis sekarang ini, ianya bukan soal *crisis management* seperti kawan saya bagi Balik Pulau kata tadi, sebenarnya juga kita ingin melandaskan dan meneruskan dalam bidang pendidikan ini apa yang merupakan matlamat kita jangka panjang. Jika kita ingin menuju kepada K-ekonomi dan mengguna IT dalam pendidikan dan lain-lain bidang, memerlukan kemahiran dalam tenaga manusia kita maka apa yang diperuntukkan di bawah Belanjawan ini sebenarnya meneruskan usaha kita tersebut. Saya sungguh merasa bangga dan mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian yang dapat menggalakkan atau memperkenalkan beberapa inisiatif termasuk *tax leave* bagi *collages* dan EPF dan juga dari SOCSO sampai RM200 kerana tiap-tiap tahun di kawasan saya, saya didatangi oleh rakyat yang miskin minta bantuan beli buku, beli pakaian, beli kasut kadang-kadang. Jadi dengan adanya keluaran keluaran daripada SOCSO ini juga boleh memberi mereka keupayaan membiayai tiap-tiap tahun akan keperluan-keperluan kecil ini.

Saya juga menyokong penuh atas cadangan kolej komuniti dan ini ialah sebahagian dari usaha untuk memperluaskan peluang-peluang pendidikan selain daripada apa yang telah dilaksanakan untuk melonggarkan sistem pendidikan kita melibatkan

kolej-kolej swasta. *Community college concept* ini adalah satu pendekatan yang memang tidak original bagi kita tetapi memang sudah dilaksanakan di negara maju. Tetapi ianya kemungkinan satu usaha di mana keperluan setempat digabungkan soal vokasional dengan soal akademik dalam satu kaedah pendidikan. *Community college* ini adalah satu pembaharuan di negara kita yang patut kita sokong dan saya percaya semua rakan kita yang menjadi wakil rakyat menerima cadangan ini dengan baik.

Juga kalau kita hendak sampai kepada tahap 40% IPTS dan IPTA iaitu peluang bagi anak-anak kita untuk mendapat pendidikan sampai ke peringkat itu masih ramai daripada mereka yang berkelulusan SPM yang tidak berupaya sampai ke universiti. Maka IPTA, IPTS dan *Distance Learning Program* dan sebagainya memang memainkan peranan yang cukup penting.

Bagaimanapun, kita bukan hanya menumpukan kolej komuniti ini kepada mereka lepasan SPM semata-mata. *Community college* ini harus wujud dalam konteks pendidikan sepanjang umur, *or life long learning*. *House wife*, orang yang tidak bekerja dan masih bekerja jika hendak meningkatkan pendidikan ataupun kemahiran mereka, mereka dibolehkan melalui sistem kolej ini. Maksudnya kita ingin mewujudkan, dengan cadangan ini saya percaya kerajaan telah memikirkannya, satu sistem pendidikan yang merupakan piramid yang memberikan peluang daripada bawah (*base*) di mana kita mempunyai sampai *at least universal compulsory primary education*, biarlah sampai ke tahap atau mercu yang tinggi tetapi kita semacam terbantut kerana peluang untuk sampai ke puncak itu tidak sampai kerana terhad peluang-peluangnya. Jadi kita bolehlah biarkan satu sistem pertengahan ini di mana kolej komuniti memainkan peranan.

Satu sahaja yang saya hendak minta Menteri Pendidikan kaji bahawa dalam kajian yang telah lama tidak dibuat iaitu dari segi pulangan kepada perbelanjaan kerajaan untuk sektor pendidikan. Maksudnya *the return on investment in education*. Ia pertamanya dibuat tahun 1968 oleh *World Bank*, dan orang yang membuat kajian ini sudah pun meninggal dunia. Dalam tahun 1979 pihak MIER telah membuat satu kajian dan menunjukkan bahawa perbelanjaan kita ataupun agihan peruntukan kerajaan itu dalam belanjawan agak terpesong sedikit pulangannya jika dibandingkan dengan negara-negara lain seperti Taiwan, Korea, kita tidak memberi pulangan yang setanding dengan mereka.

Walhal kita sekarang ini berada di dalam tahun 2000 dan seterusnya alaf baru ingin menuju kepada *knowledge economy* memerlukan *knowledgeable workers* dan sebagainya. Maka biarlah perbelanjaan sampai RM15 bilion itu di dalam sekot pendidikan benar-benar membolehkan satu pulangan yang lebih mantap atau lebih tinggi. *More efficient use of capital*, dalam konteks perbelanjaan sektor awam dan swasta ini.

Jadi itu satu yang saya minta dalam konteks ini. Apa yang dilaksanakan oleh kerajaan ini sungguh memberangsangkan, memberi peluang yang cukup banyak, menjimatkan *foreign exchange* dan juga membolehkan ramai yang mengikuti *distance learning education* dan sebagainya.

Yang kedua, dalam bidang kesihatan. Saya menyokong dan mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan yang telah membuat keputusan tidak mengkorporatkan hospital-hospital dan klinik-klinik kerajaan. Saya rasa ini adalah satu yang bukan disebabkan oleh desakan pembangkang tetapi memang tepat dalam keadaan kita ini.

Kita telah membelanjakan begitu banyak melalui belanjawan-belanjawan yang silam termasuk hampir satu bilion bagi Belanjawan 2000 ini dalam bidang kesihatan. Saya menyokong supaya ini dapat diteruskan kerana *access to health* adalah satu daripada hak-hak asasi manusia dan kalau kita korporatkan maka dia berasaskan *accounting system* yang berasaskan *user pay* dan sebagainya dan ini akan membebankan penduduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Datuk Dr. Haji Kamal bin Salleh: Jadi dalam konteks ini kita harus teruskan sistem *dual delivery system* dalam bidang kesihatan ini dan dengan itu juga apa yang dicadangkan di bawah MSC, *telemedicine* itulah cara bagi kita untuk memperluaskan.

Saya hendak ambil satu minit sahaja untuk saya berbincang sikit tentang perkara yang terakhir iaitu *housing* (perumahan). Buat masa ini, kita menghadapi kemelesetan dalam sektor pembinaan terutama sekali *residential building* yang masih lagi mempunyai..... Menteri Perumahan ada menyebut, lebih kurang 90,000 unit rumah yang bernilai lebih kurang RM9 bilion seperti kata Yang Berhormat bagi Seremban, masih lagi tidak terjual.

Ini kalau kita bandingkan dengan Taiwan, ini disebabkan oleh Menteri semasa saya berjumpa beliau, di Taiwan, satu juta unit rumah yang belum terjual. Ini adalah satu negara yang sama penduduknya dengan kita iaitu 18 atau 20 juta penduduk. Jadi itu satu hal, dengan pemulihan ekonomi, dengan kempen membeli rumah yang baru ini, yang kali keduanya saya rasa ini akan dapat dibereskan oleh kerana permintaan rumah masih ada.

Apa yang ingin saya tegaskan Tuan Yang di-Pertua, ialah tentang perumahan kos rendah dan sederhana. Saya tahu di dalam daftar negara, permintaan untuk kos rumah untuk membelinya, kerana rakyat ramai yang sudah mampu membeli rumah, tidak mahu yang menyewa sahaja. Kita bangunkan PPR, di kawasan saya ada dua, mereka bertanya, daripada penduduk setinggan dan mereka yang duduk di rumah panjang, bolehkah mereka membeli rumah, dia tidak mahu menyewa sampai bila-bila.

Walaupun dasar Wilayah Persekutuan... saya bersetuju ialah untuk memberikan rumah, bila dibuat oleh DBKL untuk disewa sahaja, saya ingat lebih 65,000 untuk tahun depan untuk swasta membangunkannya namun kita menghadapi masalah bahawa swasta sekarang meleset. Maka sebab itulah saya bersetuju dengan cadangan Yang Amat Berhormat Tan Sri Koh Tsu Koon di dalam akhbar semalam menyatakan Bank Negara harus membuat sesuatu, satunya untuk mengatasi masalah bagi mereka yang membeli rumah tetapi projek itu terbengkalai, mereka *carry this, holding cost* begitu tinggi.

Keduanya, bagi rumah-rumah kos rendah yang dibuatkan oleh swasta banyak yang tersangkut kerana tidak ada duit untuk membiayainya. Jadi saya minta jugalah seperti kata Tan Sri Koh Tsu Koon bahawa Bank Negara harus hidupkan balik Tabung Pemulihan Perumahan Terbengkalai Sdn. Bhd (TPPT). Dihidupkan balik untuk tujuan ini supaya masalah yang tersangkut-sangkut ini dapat dibereskan. Lebih dari itu, saya minta daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya membentuk satu pelan induk yang menyeluruh tentang soal pembangunan perumahan ini kerana sekarang ini permintaan untuk perumahan jauh melebihi pembekalannya. *The housing gap* atau jurang perumahan inilah yang menjadi satu perkara yang patut kita beri *priority* dalam konteks belanjawan dan juga perancangan lima tahun dan sebagainya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hanya dapat menekan tiga perkara itu dalam konteks urusan ekonomi makro dan saya haraplah semua pihak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, walaupun Rompin bangun tetapi masa Yang Berhormat agak suntuk

Dato' Dr. Haji Kamal bin Salleh: Duduk, terima kasih. Bahawa apabila kita berhadapan dengan rakyat, janganlah kita gunakan emosi. Kita harus asaskan apa yang kita hujahkan itu atas fakta-fakta yang sebenar dan janganlah kita mengabui mata rakyat kerana itu tidak bertanggungjawab.

Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Kubang Kerian.

4.05 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dua tahun kebelakangan ini berlaku pelbagai peristiwa di Malaysia. Berlaku kemelesetan ekonomi, kejatuhan nilai mata wang yang sampai sekarang masih lagi belum pulih walaupun ekonomi ada tanda-tanda pemulihan tetapi di sudut mata wang kita masih lagi ditetapkan iaitu satu US\$1.00 - RM3.80.

Kemudian krisis politik di mana terlucutnya jawatan Timbalan Perdana Menteri dan krisis di dalam UMNO sebagai parti pemerintah yang melanda negara ini sudah lebih daripada satu tahun. Kemudian perubahan politik pula di mana parti pembangkang PAS, ahlinya naik mendadak [*Disampuk*] Ini fakta.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ehh...bohonglah! [*Ketawa*]

Tuan Haji Mohamed bin Sabu: Ini fakta. Daripada sebulan kami menerima ahli baru, 'dua ribu ringgit'...ehh, dua ribu orang [*Ketawa*]

Dato' Badruddin bin Amiruddin: Hendak kira duit sahajakah!.

Tuan Haji Mohamed bin Sabu: ...sekarang kita menerima ahli baru di sekitar 10,000 sebulan [*Disampuk*] Kemudian penubuhan Parti KeADILan yang ahlinya sudah melebihi 200,000 dengan penyokong mereka yang begitu ramai, maka terbentuknya pula pakatan pembangkang yang dipanggil 'Barisan Alternatif'. Ini menyebabkan kita lihat senario politik negara kita mulai berubah. Kerajaan yang memerintah mesti mengambil mandat baru daripada rakyat. Oleh itu pilihan raya hendaklah disegerakan sebab....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Siapa Perdana Menteri ini?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ini permintaan saya, kalau saya Perdana Menteri saya boleh bubar hari ini.

Seorang Ahli: Sudah penat, duduk.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Pilihan raya hendaklah disegerakan kerana rakyat ingin tahu siapa yang dapat mandat, jikalau Barisan Nasional dapat mandat, okay. Kalau ‘Barisan Alternatif’ dapat mandat pun okay juga. Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, perkara ini selagi tidak diadakan pilihan raya berlakunya perubahan politik begini, maka setengah-setengah pelabur, setengah-setengah peniaga meletakkan bahawa kerajaan ini, kerajaan *caretaker government* iaitu kerajaan sementara. Contoh yang paling nyata- ini hujah politik, kena dengar - contoh yang paling nyata ialah, kita lihat apa yang berlaku di Indonesia, bila diumumkan sahaja Speaker Majlis Pemesyuaratan Rakyat, Amien Rais, maka saham terus melonjak. Kemudian bila diumumkan pula Gus Dur sebagai Presiden dan Timbalannya Megawati Sukarno Putri, wang daripada RM1.00 kepada Rp2100 terus kepada RM1.00 – Rp1600 tanpa mereka mengumumkan apa-apa lagi teori ekonomi. Tetapi kita lihat wang mereka mulai pulih dan selepas itu diikuti dengan pegumuman jutawan-jutawan, billionaires ingin kembali dan melabur di Indonesia sekarang.

Oleh itu keadaan di Malaysia tidaklah seteruk di Indonesia, itu saya yakin tetapi golongan yang menanti-nanti ada, iaitu mereka melihat kerajaan ini seolah-olah *caretaker government*. Sebab itu kalau hendak pulih ekonomi, harap buat pilihan raya dengan cepat, bila sudah *confirmed* siapa yang memerintah barulah para pelabur berani untuk melabur.

Kita lihat bila Belanjawan diumumkan baru-baru ini, indeks komposit tidak naik bahkan makin turun. Ini menandakan bahawa mereka kurang yakin terhadap Belanjawan ini sebab masalah ekonomi sekarang tetapi yang lebih besar ialah masalah politik. Mereka hendak tahu siapa memerintah, mereka hendak tahu siapa bakal Menteri Kewangan dan sudah tentulah saya lihat yang paling layak sekarang ini daripada Wangsa Maju. Walaupun Yang Berhormat bagi Wangsa Maju mengkritik ‘Barisan Alternatif’ tetapi cara dia berhujah, dia ada ilmu-ilmu ekonomi. Saya hormat orang yang macam ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga selalu digambarkan bahawa terutama sekali kepada masyarakat soal 13 Mei ini. Setiap kali pilihan raya dimunculkan cerita ini

kerana 13 Mei katanya akibat daripada pergaduhan kaum. Pergaduhan sesuatu tempat bukan hanya kerana perbezaan kaum, pergaduhan berlaku lebih berpunca daripada ketidakadilan sosial. Memang 13 Mei berlaku di antaranya ketidakadilan sosial pada waktu itu, bumiputera - orang Melayu merasakan mereka agak tertinggal dalam segala bidang di tanah air ini, kekayaan negara lebih 60% dimiliki oleh pemodal-pemodal asing dan 30% oleh taukeh-taukeh Cina.

13 Mei digambarkan oleh Tunku Abdul Rahman berpunca daripada tiga sebab utama:-

- (i) wujudnya kumpulan pelampau Melayu dalam UMNO;
- (ii) peranan parti pembangkang iaitu PAS yang banyak menimbulkan perkara-perkara kontroversi pada waktu itu;
- (iii) wujudnya kongsi gelap ataupun anasir-anasir komunis dalam pertubuhan-pertubuhan Cina, maka berlakulah 13 Mei yang kita tidak mahu ianya berulang.

Bukan kerana perbezaan kaum, kita lihat banyak pergaduhan berlaku di atas muka bumi ini kerana ketidakadilan sosial. Revolusi China yang dilancarkan oleh Mao Tze Tong, masalah ketidakadilan sosial iaitu tuan-tuan tanah ataupun dipanggil kapitalis, memiliki segala-galanya, petani, nelayan yang disebut golongan marhain begitu tertindas. Begitulah juga revolusi di Rusia, bukan kerana perbezaan kaum, kerana tuan tanah yang dilindungi oleh gereja yang menyebabkan rakyat marhain tertindas dan berlaku pergaduhan, korban yang begitu besar.

Begitulah juga revolusi di Iran, di mana kumpulan Shah memiliki kekayaan dan segala-galanya dan rakyat tertindas, maka berlaku pergaduhan, beribu orang mati. Oleh itu pergaduhan bukan kerana perbezaan kaum semata-mata tetapi ia lebih merupakan masalah ketidakadilan sosial. Sebab itulah kalau berlaku keadilan sosial kita yakin pergaduhan kaum tidak berlaku.

Tahun 1998 berlakunya kebangkitan anak-anak muda ataupun dipanggil reformasi, bukan antara kaum tetapi lebih merupakan satu golongan rasa diri mereka kurang dalam segala-galanya; satu golongan pula dikatakan memiliki segala-galanya, maka berlaku reformasi dan bukan daripada perbezaan kaum.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan yang dikemukakan setiap tahun memang dapat tepukan gemuruh.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat bagi Yan bangun.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Masa saya tidak banyak, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Sedikit sahaja, sekali. Esok kalau saya bercakap saya beri pula. Semua tadi, bila Yang Berhormat kata tentang 1998 iaitu revolusi ataupun reformasi gerakan daripada anak-anak muda. Adakah Yang Berhormat ingin menafikan bahawa anak-anak muda zaman kinilah mendapat nikmat daripada kemerdekaan lebih banyak daripada zaman-zaman kita dahulu, kalau kita bandingkan dengan zaman persekolahan, peluang pekerjaan dan sebagainya. Tetapi anak-anak muda hari ini, dari bangku sekolah, daripada tadika hinggalah ke universiti, mereka mendapat segala-galanya hinggalah kepada pekerjaan yang mereka dapat hari ini.

Jadi, apakah reformasi yang mereka hendak ini? Apakah mereka masih tidak bersyukur di atas segala yang didapati oleh mereka? Adakah Yang Berhormat tidak ingin menasihati mereka supaya menerima kenyataan tentang kebahagiaan yang kita ada pada hari ini?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ya, anak-anak muda sekarang dapat pelajaran dan mereka mendapat sumber maklumat dari berbagai-bagai pihak, bukan maklumat daripada kerajaan semata-mata. Oleh itu mereka lebih peka, begitulah juga pelajar-pelajar di Korea yang tunjuk perasaan dan sebagainya, kerana mereka peka, mereka tidak mahu melihat ada penyelewengan dan Korea sebuah negara yang maju. Bukan pelajar itu tidak berterima kasih tetapi itu adalah kepekaan masyarakat mutakhir ini. Kalau hendak diungkit sebelum merdeka dan sesudah merdeka memanglah, masyarakat itu sentiasa berubah. Di Amerika Syarikat sendiri, 100 tahun dahulu mereka berada di dalam keadaan yang cukup lemah tetapi rakyatnya amat peka untuk mengadakan satu perhimpunan. Ini adalah perubahan, nilai-nilai masyarakat melihat suatu perkara sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan setiap tahun dikemukakan memang dapat tepukan gemuruh daripada pihak penyokong Barisan Nasional, sama ada yang bentang itu daripada Gua Musang dahulu, sama ada yang bentang itu daripada Permatang Pauh,

sama ada yang bentang itu daripada Merbok, tiap-tiap kali dapat tepukan. Terima kasihlah kerana mereka menyokong apa sahaja yang dibuat oleh kerajaan, itulah pendukung parti kerajaan.

Walau bagaimanapun, kita berasa bimbang bahawa belanjawan-belanjawan yang dikemukakan mutakhir ini terutama sekali tindakan kerajaan dalam tanggungjawab sosialnya semakin kurang. Ini yang kita dapat lihat terutama sekali yang kita sebut ialah hal biasiswa kepada orang ramai. Kerajaan boleh buat perubahan, misalnya orang yang berpendapatan RM3,000 ke atas ibu bapa mereka, maka anak-anak mereka tidak perlu dapat biasiswa tetapi sekarang kita lihat biasiswa digantikan dengan pinjaman secara sekali gus, walaupun orang itu orang miskin, anak petani, anak nelayan, anak polis, anak tentera, anak guru dan anak pegawai kerajaan. Perkara ini satu perkara yang tidak patut. Kita harap kerajaan yang semakin mewah menunjukkan angka-angka pertumbuhan ekonomi juga habuan kepada masyarakat ataupun tanggungjawab sosial mestilah diletakkan dari masa ke semasa.

Jaminan yang diberi oleh kerajaan bahawa hospital tidak akan diswastakan, bagus, tetapi kita masih lagi bimbang apabila kita melihat bahagian-bahagian bekalan perubatan, bekalan ubat ke hospital misalnya telah diswastakan. Kami dalam Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara mendapati bahawa mereka yang membekalkan ubat ke hospital ini begitu tidak memuaskan dan tidak mencapai spesifikasi yang ditentukan oleh pihak Kementerian Kesihatan. Jadi, kalau bahagian perubatan, bahagian supply ubat telah diswastakan, maka kita bimbang bahagian-bahagian lain pula akan diswastakan.

Memanglah sekarang ini janji, tetapi kita lihat pergerakan ke arah untuk menswastakan hospital itu seolah-olah ianya macam hendak berlaku. Begitulah juga dalam belanjawan ini. Kita melihat apabila Menteri Kewangan mengumumkan untuk membela hak-hak wanita. Kita menunggu apakah perkara-perkara baru yang akan dikemukakan. Kita memang mengejar kemajuan dan kita mahu Wawasan 2020 berjaya tetapi kita juga hendaklah berusaha untuk menghidupkan semula institusi keluarga. Institusi keluarga, institusi masyarakat amat penting. Kita tidak mahu menunjukkan angka perkembangan 8%, perkembangan 5% tetapi kita ada 400,000,000 *hardcore* penagih dadah, sehingga di kawasan Chow Kit Road dipanggil *Free Trade Zone Area*

kawasan itu, iaitu orang hisap dadah di kawasan itu polis sudah tidak tangkap lagi kerana terlalu banyak. Kalau tangkap pun tidak ada tempat lagi untuk diisi. Bahkan mereka yang ditangkap dalam tunjuk perasaan baru-baru ini termasuk Dr. Badrul Amin dan Dr. Hatta. Mereka diletakkan sebilik dengan penagih-penagih dadah yang lain kerana lokap kita tidak muat dengan penagih-penagih dadah ini. Kita berbangga dengan kemajuan negara tetapi adik-adik kita lebih 100,000,000 berada di pusat serenti. Kemudian penyakit baru pula datang sekarang iaitu masalah Aid yang kita tahu lebih 50,000,000 sekarang ini yang menghidap penyakit Aid.

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: *[Bangun]*

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Masa saya tidak banyak.

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Yang Berhormat bangkitkan soal penagih dadah di Kuala Lumpur. Yang Berhormat sedarkah tidak, mengikut rekod yang dikeluarkan bahawa Kelantan adalah mempunyai jumlah penagih dadah yang teramai dalam negara ini khususnya di kalangan orang Melayu.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Saya tidak kira di mana, sebab masalah dadah ini tanggungjawab bersama baik di Kelantan, di Chow Kit, di mana-mana supaya kita menangani semula masalah sistem kekeluargaan ini. Kemudian baru-baru ini diluluskan pula Rang Undang-undang Pelindungan Kanak-kanak di mana kerajaan akan membuat pula sekolah-sekolah Tunas Bakti, iaitu untuk menempatkan anak-anak kita yang lari - anak-anak yang lari daripada rumah, mengandung di bawah umur dan sebagainya. Ini menandakan bahawa masalah sosial begitu berat. Kita berbelanja untuk Pemadam dan sebagainya lebih daripada RM1 bilion, tidak termasuk lagi masalah Aid dan sebagainya. Sebab itulah 'Barisan Alternatif' mencadangkan belanjawan supaya menghidupkan semula institusi keluarga di antaranya wanita yang bekerja – jikalau kami memerintah nanti kalau bersalin diberi cuti tiga bulan, iaitu sebulan sebelum bersalin dan sebulan selepas bersalin dan suami pula boleh mendapat cuti tujuh hari. Saya yakin pegawai kerajaan semua senyum tanda setuju.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yan bangun.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: *Last, last.*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini minta penjelasan, lastlah Yang Berhormat, esok saya beri tiga kali kepada Yang Berhormat kalau saya bercakap. Cuma saya minta penjelasan ini sudah bercanggah dengan Mursyidul Am Pas ini, Nik Aziz kata wanita-wanita tidak boleh bekerja, kena duduk di rumah, yang cantik pun duduk di rumah. Jadi, 'Barisan Alternatif' kata lain, macam itu jugalah. Mursyidul Am kata orang bukan Melayu pun tidak apa, boleh jadi Perdana Menteri. Jadi, Yang Berhormat balik Kelantan, dia tidak marah ke ini, macam mana?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Terima kasih, di atas soalan yang kurang bernas itu.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Kurang bernas? Tarik balik, Tuan Yang di-Pertua. [*Ketawa*] Macam mana boleh kurang bernas?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, boleh ke Kelantan, lihat di pasar-pasar di Kelantan, wanita yang bekerja dan saya hendak sebut di sini ialah kita hendak hidup semua sistem kekeluargaan itu. Mungkin kita nampak rugi cuti sembilan puluh hari, rugi suami cuti tujuh hari, rugi kita nampak di atas kertas tetapi dalam jangka panjangnya institusi keluarga dapat dihidupkan semula. Begitulah juga yang bekerja ini cukuplah kerja lima hari seminggu – senyum lagi pegawai-pegawai kerajaan – kerana kita lihat walaupun sekarang kerajaan beri satu hari cuti tambahan pada hari Sabtu awal bulan, kita boleh lihat di lebuhraya penuh dengan keluarga yang membawa anak-anak mereka berjalan ke sana - ke mari, maka institusi kekeluargaan, institusi masyarakat dapat dihidupkan semula.

Ini perkara-perkara yang perlu kita tekankan menjelang alaf baru. Jangan kita kejar kemajuan semata-mata tetapi apa yang berlaku kita menempah keruntuhan dalam bidang yang lain. Kalau dahulu kita boleh lihat di Kuala Lumpur ataupun pada malam-malam minggu penuh dengan kumpulan mak nyah. Sekarang timbul pula satu kumpulan gay yang dahulu kita tidak pernah dengar berlaku – Gay, walaupun dua-duanya angkat berat, badan teguh-teguh, dua-dua boleh bercium. Ini satu perkara yang pelik, yang mula melanda di sini yang dahulunya tidak pernah melanda di sebelah sini.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah kita lihat pula dalam masyarakat kita sekarang jenayah meningkat, terutama pula sekarang ini jenayah di kalangan orang-orang atasan, bukan jenayah biasa lagi, jenayah orang-orang atasan di peringkat eksekutif Petronas,

di peringkat datuk-datuk yang kita lihat perkara-perkara seperti ini kalau kita tidak bendung segera ianya boleh merebak dan membuatkan keadaan negara kita tidak baik pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam teori-teori ekonomi ini, saya juga belajar lebih kurang dari Ahli Parlimen bagi Gua Musang, semasa beliau menjadi Presiden Parti Semangat 46 dahulu. Ahli Parlimen bagi Gua Musang kata, ekonomi kita meningkat begitu hebat, berkembang 7% hingga 8.5%, bukan kerana kebijaksanaan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional tetapi kerana Malaysia berada di negara Asia Tenggara, Thailand berkembang dengan begitu baik ekonomi, Singapura berkembang dengan begitu baik ekonomi, Indonesia tahap 7.8%, maka sekali gus meningkat sama dengan Malaysia, itu kata Ahli Parlimen bagi Gua Musang, bukan kerana kebijaksanaan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional. Kalau saya tidak percaya kepada dia pun, dia seorang Ahli Ekonomi, biasa jadi Menteri Kewangan yang begitu lama.

Begitulah juga sekarang ini, begitulah juga bila jatuh dahulu hujah kita serupa juga kerana Thailand diserang matawangnya kemudian diikuti dengan Filipina, maka oleh kerana Malaysia berada di Asia Tenggara, Malaysia juga turut jatuh kerana negeri di sekelilingnya jatuh. Begitulah juga bila ekonomi pulih sekarang bukan kerana bijak, kerana di kelilingnya pulih. Saya yakin Yang Berhormat bagi Gua Musang kalau dia berada di pihak sini sekarang ini, dia akan berucap yang sama, iaitu pemulihan ini kerana pulihnya di Korea, pulihnya di Indonesia, pulihnya di Thailand, maka akan pulihlah di Malaysia, bukan di atas kebijaksanaan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional. Kalau Yang Berhormat bagi Gua Musang bercakap bahasa yang berlainan, saya faham.

(Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]
mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan Yang di-Pertua, kita juga bimbang bahawa Belanjawan tahun hadapan walaupun telah dihujah oleh Yang Berhormat bagi Wangsa Maju tadi, defisit kekurangan RM12 bilion dan hutang negara yang begitu tinggi, kita bimbang Belanjawan tahun ini tidak dinaikkan cukai-cukai baru begitu banyak. Tetapi tahun sekali lagi, iaitu tahun selepas pilihan raya, sudah tentulah akan dibuat belanjawan yang akan *cover*, yang akan tutup kelemahan-kelemahan pada tahun ini, barangkali pada Belanjawan 2001, cukai-cukai baru banyak akan dikenakan. Dalam belanjawan ini juga kerajaan tidak fokus apa

yang akan berlaku pada masa yang akan datang bila AFTA dilaksanakan, iaitu apabila AFTA dilaksanakan, di mana kita tahu kalau kereta yang dipasang di Thailand - Honda City yang harganya lebih kurang RM30,000,000, kalau cukai 20% dikenakan baru harganya RM36,000,000 dan kereta itu sekarang di Malaysia, harganya lebih kurang RM90,000,000.

Waktu AFTA nanti apakah langkah-langkah kerajaan untuk menyelamatkan ekonomi negara kita apabila pasaran buruh ianya lebih murah di Thailand dan Indonesia. Kita nampak dalam belanjawan kali ini tidak ditekankan dan tidak disebut tentang masalah-masalah apa yang akan kita hadapi apabila AFTA dilaksanakan sepenuhnya nanti.

Begitulah juga kita lihat negara-negara di ASEAN ini seolah-olah telah memilih perkara-perkara utama yang mereka akan tumpukan. Kalau Singapura mereka memilih untuk menjadi *financial center*, kalau Thailand mereka memilih untuk menjadi *agro-business* dan Malaysia hendak pilih ke arah mana dalam pengkhususan mereka. Apakah dalam MSC, dalam komputer ini juga tidak dijelaskan dalam belanjawan ini pengkhususan Malaysia dalam menentukan masa depan terutama selepas AFTA nanti.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga melihat misalnya baru-baru ini bila berlaku pendedahan-pendedahan, penyelewengan-penyelewengan yang begitu dahsyat yang tidak dapat diimpikan oleh kita rakyat biasa. Perkara yang paling mengejutkan apabila Ketua Pemuda Parti Keadilan mengatakan bersamanya ada enam kotak yang terisi di dalamnya cerita-cerita penyelewengan pemimpin-pemimpin atasan. Diikuti di dalam perbicaraan report polis yang dibuat oleh bekas Timbalan Perdana Menteri terhadap penyelewengan Menteri Kewangan sekarang bagaimana dia dapat RM600 juta dan melarikan ke luar negeri RM400 juta. Report polis terhadap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri bagaimana ada lima kes yang disebut oleh pihak Peguam Negara....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: [*Bangun*]

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Nanti dulu, hendak sampai...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Yan bangun.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: ...nanti... dan katanya ada lima kes untuk mendakwa Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri tetapi tidak didakwa. Dan

report polis sebutan di mahkamah terhadap halangan yang dibuat oleh Perdana Menteri untuk menyiasat bekas Ketua Menteri Melaka. Pendedahan bagaimana pejabat dijadikan tempat main judi dan halangan untuk menyiasat pembunuhan terhadap Mustakizah. Ini semua mengejutkan kita. Lebih mengejutkan lagi bila ada pula pendedahan Dato' Murad di mana katanya bahawa bekas Timbalan Perdana Menteri ada 20 outlet dan di situlah beliau membiayai perjuangan politiknya di dalam UMNO. Perkara ini suatu perkara yang besar, begitulah juga kita alu-alukan BPR bertindak segera menubuhkan pasukan khas untuk menyiasat pendedahan Dato' Murad. Ini satu tindakan yang baik tetapi BPR tidak terkejut, tidak membuat pasukan khas untuk menyiasat dakwaan yang dibuat oleh bekas Timbalan Perdana Menteri dan juga Ketua Pemuda Keadilan. Di sini kami lihat BPR digunakan oleh golongan tertentu dalam kerajaan untuk menentang musuh politik mereka bukan untuk menentang rasuah, bukan untuk membasmi rasuah.

Sebab itulah kita mahu dalam perkara ini PAS bukan selalu mahu Suruhanjaya Diraja, DAP lebih kerap, yang ini kami mahu Suruhanjaya Siasatan Diraja sebab kita mahu siasatan secara menyeluruh pendedahan yang dibuat oleh kedua-dua pihak supaya rakyat tahu bagaimana kewangan negara kita ditadbir. Bolehkah RM400 juta dilarikan keluar? Ada kes untuk didakwa, pihak Peguam Negara kata ada, kes tidak didakwa. Kemudian ada pula pendedahan mengatakan RM3 bilion, sama ada betul atau tidak, ini menjadi persoalan kepada rakyat jelata sekarang ini. Dan kita mahu BPR sekali gus membantu Suruhanjaya Diraja menyiasat perkara ini. Tidak mengapa dua tahun siap pun tidak apa supaya rakyat dapat mengetahui bagaimana perjalanan pentadbiran kewangan di negara kita. Kita diberitahu bahawa kadang-kadang bantuan sekolah lambat. Jalan-jalan masuk kampung lambat kerana kerajaan tidak ada duit.

Begitulah juga bonus kepada pegawai kerajaan tunggu hendak pilihan raya baru hendak bagi, sebelum ini tidak bagi. Semua ini kerana kerajaan tidak ada duit. Tetapi bilam kita baca laporan-laporan ini kita pun naik menung sama ada laporan yang dibuat oleh bekas Timbalan Perdana Menteri, laporan yang dibuat oleh Ezam, laporan yang dibuat oleh Dato' Murad kita pun rasa terkejut. Kalau beginilah kerajaan mentadbir kewangan negara kita sudah tentulah kerajaan ini sudah tidak layak langsung untuk meneruskan pemerintahan di negara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila gulung, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Saya gulung. Oleh itu, dalam gulungan saya ini saya harap term ini, akhir sesi ini janganlah bergaduh sangat sebab antara kita ada yang tidak akan datang lagi, mungkin tidak dicalon, mungkin kalah. Biarlah kita tamatkan sesi ini dengan penuh mesra supaya nanti bila kita tidak datang, kita jumpa saling tegur menegur..

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa dia sudah hendak habis.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Bagi jalan sikit.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ya, saya bagi soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa tidak ada.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tidak mengapa, saya bagilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih rakan bagi Kubang Kerian. Saya melihat bahawa cadangan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian seperti seakan-akan nada lagu dia macam kawan bagi Jelutong. Bila dia mendesak bahawa kita harus mengambil tindakan kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim dahulu. Lepas itu bila kita ambil tindakan, dia membela kawan itu. Dan bila kita mengambil tindakan kepada pihak-pihak tertentu kadang-kadang tindakan itu disalahtafsirkan bahawa itu adalah kezaliman.

Seperti yang saya sebutkan minggu yang lalu bila saya nyatakan Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim dahulu bekas Menteri Kewangan mendesak kerajaan kabinet negeri Sabah untuk mengeluarkan lesen judi itu mungkin orang cakap pembohongan. Tetapi hakikat itu kita berpaut dengan ikatan Allah S.W.T bahawa kebenaran itu akan menghancurkan segala kebatilan akhirnya. Itu perkara betul. Tetapi bagaimana pula keadaannya apabila kita menceritakan tentang perkara ini yang berlandaskan kebenaran waktu itu didesak seorang yang boleh bergelar berlandaskan agama, memperjuangkan

agama tetapi menggunakan kedudukannya mendesak, manusia mendesak pemerintah untuk mengeluarkan lesen judi. Kita juga meminta supaya perkara ini disiasat tetapi bila mana perkara ini disiasat kita minta supaya jangan pula orang mengatakan itu suatu pembohongan, itu suatu penzaliman.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Terima kasih Datuk. Yang saya hendak sebut di sini iaitu kalau disiasat, diambil tindakan secara adil, itu yang kita terima. Kita tidak mahu Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri di mana pihak Peguam Negara kata ada kes itu didakwa, kenapa tidak dakwa? Kalau dia didakwa, bekas Ketua Menteri Melaka didakwa, kemudian siasatan terhadap Tun Daim, kemudian disiasat bekas Menteri Kewangan, baru rakyat puas hati. Sekarang rakyat nampak BPR menjadi alat Perdana Menteri untuk menindas orang yang dia tidak suka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa sudah habis.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Jadi saya harap kita bermesralah, lepas ini janganlah kita berkelahi sebab lepas ini ada yang tidak datang lagi. Yan mungkin datang dan mungkin tidak, saya pun macam itu juga.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya dengar Yang Berhormat Kubang Kerian sayu sangat hari ini fasal apa hari ini?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Bukan sayu....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Depa hendak tukar daripada Kubang Kerian ke tempat lainkah?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Sebab kadang-kadang cara Yang Berhormat berbahas macam kita ini putus arang terus. Biarlah kita berbahas dengan baik, dengan hujah-hujah, janganlah kata otak letak di kepala lutut dan sebagainya. Maka kita bermesra. Kalau tidak datang lagi ke Parlimen pun kita jumpa di luar, masih berhubung. Ini yang kita harapkan. Terima kasih.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya pun harap Yang Berhormat di luar pun janganlah dok mengatalah kat kita. Di luar jangan mengata, Yang Berhormat ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat bagi Kota Belud.

4.40 ptg.

Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak [Kota Belud]:

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan Usul Belanjawan bagi tahun 2000 dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita ialah sebuah negara yang kaya dan sememangnya terkenal dengan sumber asli. Negara kita mempunyai tanah yang subur serta kawasan perairan termasuk paya, sungai dan persisiran pantai yang luas. Penduduk negara kita terutamanya yang berada di luar bandar juga sudah sekian lama telah terlibat aktif dalam sektor pertanian termasuk pengeluaran makanan. Kegawatan ekonomi yang telah melanda negara telah menyedarkan semua pihak tentang peranan sektor pertanian kepada ekonomi negara. Oleh itu penekanan di dalam Belanjawan 2000 untuk merangsang pembangunan sektor pertanian terutamanya pengeluaran makanan adalah amat bertepatan sekali.

Tuan Yang di-Pertua, menjelang alaf baru sebarang pembangunan yang akan dihadapi negara akan lebih mendesak ekoran proses globalisasi ekonomi. Walaupun langkah yang telah dilaksanakan oleh negara dalam usaha untuk melindungi ekonomi negara melalui kawalan modal terpilih telah terbukti berkesan dan mula mendapat pengiktirafan dunia, risiko dalam pembangunan ekonomi negara masih ada. Ini memandangkan usaha untuk mewujudkan rangka struktur kewangan antarabangsa baru atau dengan izin, *the new international finance architecture* yang berupaya memantau dan mengawal kegiatan pedagang mata wang masih belum berhasil walaupun pada dasarnya telah dipersetujui oleh pelbagai pihak termasuk G7 dan APEC. Oleh itu, untuk menentukan supaya usaha pembangunan ekonomi negara dapat diteruskan tanpa diganggu gugat oleh kegiatan pedagang mata wang adalah amat bertepatan sekali bagi negara bersedia dengan benteng-benteng pertahanan ekonomi negara. Sektor pertanian telah memberikan ketahanan kepada ekonomi negara sebagai benteng dalam melindungi ekonomi dari bahang kegawatan ekonomi rantau Asia.

Tuan Yang di-Pertua, di peringkat nasional, import makanan telah meningkat dari RM3.5 bilion pada tahun 1985, RM7.7 bilion pada tahun 1995 dan RM10.5 bilion pada tahun 1998. Peningkatan ini tentunya akan memberikan tekanan ke atas jumlah rezab pertukaran asing negara sekiranya dibiarkan berterusan. Dalam hal ini, terdapat

keperluan bagi negara umumnya mengurangkan kadar import makanan melalui peningkatan pengeluaran makanan. Oleh itu, usaha untuk mengurangkan import makanan dan seterusnya meningkatkan pengeluaran makanan secara lebih agresif lagi adalah amat bertepatan sekali. Ini tentunya akan membuka lebih banyak peluang pelaburan dalam industri berasaskan pertanian.

Sebagai menyahut cabaran negara, agenda pembangunan Sabah menjelang alaf baru telah juga menekankan keperluan untuk membangunkan sektor pertanian dengan lebih agresif lagi terutamanya pengeluaran makanan. Kerajaan Negeri seterusnya telah menekankan bahawa langkah-langkah yang lebih serius akan dilaksanakan untuk menjadikan negeri Sabah sebagai salah satu dari negeri pengeluar makanan utama di Malaysia. Oleh itu, saya memohon supaya Kerajaan Persekutuan bersedia untuk membantu negeri Sabah merangsang sektor pertanian dengan lebih agresif lagi terutamanya dalam usaha untuk membangunkan koridor atau zon *agro industry*.

Tuan Yang di-Pertua, atas kesedaran tersebut di atas, maka penggubalan dan pelaksanaan DPN3 adalah amat bertepatan sekali. Matlamat utama DPN3 ialah untuk memaksimumkan pendapatan dari sektor pertanian. Matlamat ini akan dicapai melalui tranformasi sektor pertanian dari yang berasaskan komoditi dan dijanakan oleh input semata-mata kepada pembangunan yang berasaskan produk dan dijana oleh produktiviti dan kualiti. Tranformasi ini akan menjadikan sektor pertanian sebagai sektor yang mempunyai tambah nilai yang tinggi dan seterusnya berupaya meningkatkan daya saing negara untuk menjadikan pengeluar dan pengeksport produk makanan dan yang berasaskan pertanian.

Untuk mencapai matlamatnya, DPN3 menggariskan dua pendekatan strategik iaitu:

- (i) pendekatan *agro forestry*; dan
- (ii) pendekatan yang memberikan fokus kepada produk.

Pendekatan yang berasaskan produk memberikan penekanan terhadap keperluan mengintegrasikan aktiviti pengeluaran, pemprosesan, pemasaran dan perkhidmatan pertanian dalam konteks kelas per industri yang dikenalpasti melalui Pelan Induk Perindustrian Kedua. Adalah diharapkan isu-isu yang berkaitan dengan sekuriti makanan, the *self-sufficiency*, pengurusan inflasi, peningkatan produktiviti, penyertaan

sektor swasta, pembaikan imbalan dagangan dan kemampuan penggunaan sumber asli akan dapat ditangani dengan berkesan melalui DPN3.

Di bawah DPN3 teras dasar baru, strategi dan mekanisme pelaksana akan diwujudkan untuk menangani permasalahan yang berkaitan dengan ekonomi negara terutamanya sektor pertanian. Ini termasuklah penubuhan Taman Agro Teknologi, Pusat Inkubator dan Data Bank Tanah. Selain dari itu, zon pengeluaran makanan, insentif khas, infrastruktur berkaitan, R&D dan bantuan kewangan akan dikenalpasti dan disediakan. Untuk meningkatkan produktiviti tenaga-tenaga kerja dalam sektor pertanian, DPN3 telah mengenalpasti keperluan untuk menerokai produk dan industri baru seperti produk bioteknologi, *pharmaceutical* dan pengeluaran bahan kimia asli dari sumber biologi.

Tuan Yang di-Pertua, pendekatan yang berasaskan produk dalam konteks *cluster industry* berasaskan pertanian tidak akan berhasil sekiranya jaringan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang memberikan perkhidmatan sokongan dan khusus yang diperlukan oleh industri utama tidak wujud. Justeru itu, usaha harus dilipatgandakan untuk mewujudkan, membangun dan membantu PKS untuk menyertai secara aktif dalam pembangunan kelompok industri berasaskan pertanian. Pembangunan kelompok industri berasaskan pertanian dan pengeluaran makanan hanya dapat diwujudkan sekiranya langkah tersebut disokong oleh rangkaian PKS yang berkaitan.

Selain dari itu, untuk menentukan supaya DPN3 terlaksana dengan jayanya usaha untuk meningkatkan tahap sosio-ekonomi desa secara keseluruhannya perlu digerakkan dengan lebih sistematik lagi. Segala perkhidmatan dan kemudahan asas yang terdapat di bandar juga wajar disediakan di desa. Oleh itu saya ingin mencadangkan supaya program pembangunan luar bandar dirancang dalam konteks pembangunan jangka panjang sektor pertanian yang bersepadu dalam rangka sistem bertepatan yang lebih sistematik. Pusat-pusat pertumbuhan desa perlu dikenalpasti dan dibangunkan sebagai agropolit atau pekan/bandar agro dalam rangka pembangunan berbentuk agro-politan yang seiring dengan pembangunan sistem perbandaran nasional yang seimbang.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai salah sebuah negara pengeluar makanan utama, industri makanan berasaskan pertanian dan perikanan dan produk perhutanan perlu diterokai dan dibangunkan dengan lebih giat lagi. Produk Hutan Bukan Kayu (PHBK) amat berpotensi untuk dibangunkan

terutamanya bagi pengeluaran herba, makanan exotic seperti kulat, makanan kesihatan, tonik, minuman, kegunaan perubatan dan pengeluaran kosmetik. PHBK juga boleh digunakan sebagai bahan mentah bagi industri *pharmaceutical* beraasaskan bahan asli. Memandangkan pada masa ini agro-industri masih lagi belum dibangun secara agresif, langkah-langkah serius haruslah dirancang dan dilaksanakan untuk menggalakkan perkongsian pintar di kalangan semua *stakeholders* atau pihak-pihak yang berkepentingan terutamanya di antara sektor swasta, badan-badan penyelidikan dan masyarakat setempat.

Tranformasi sektor pertanian dari berasaskan pengeluaran komoditi dan dijana oleh input semata-mata kepada pembangunan yang dijana oleh produktiviti dan kualiti yang berasaskan produk memerlukan usahawan dalam sektor agro-industri untuk sentiasa membuat persiapan dan melengkapkan keupayaan masing-masing dengan maklumat dan pengetahuan terkini terutamanya mengenai perkembangan mutakhir dalam pembangunan produk dan proses. Oleh itu terdapat keperluan bagi usahawan dalam industri berasaskan pertanian untuk bekerjasama rapat dengan badan-badan penyelidikan seperti MARDI untuk membolehkan mereka mendapat teknologi berkeupayaan dan maklumat pasaran yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan dasar kerajaan untuk meningkatkan penyertaan sektor swasta dalam sektor agro-industri, saya ingin mencadangkan supaya insentif dan bantuan bagi menjalankan kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan (R&D) dikaji semula. Umpamanya, pada masa ini dana dari IRPA hanya boleh dipohon dan diagihkan kepada agensi-agensi penyelidikan kerajaan termasuk universiti. Untuk menggalakkan penubuhan badan-badan penyelidikan dan penglibatan lebih ramai lagi para penyelidik dari sektor swasta seperti yang terdapat di negara-negara maju terutamanya dalam sektor pertanian yang sememangnya amat memerlukan, kerajaan harus mempertimbangkan langkah supaya dana IRPA dapat juga dipohon dan juga diagihkan kepada badan-badan penyelidikan dan perundingan dari sektor swasta yang berkeelayakan.

Tuan Yang di-Pertua, atas hujah-hujah tadi, saya dengan ini mohon menyokong supaya Usul Belanjawan 2000 diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat bagi Lanang.

4.50 ptg.

Tuan Tiong Thai King [Lanang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan dan mengemukakan pandangan saya berkenaan Belanjawan 2000. Terlebih dahulu saya ingin menyatakan sokongan padu saya kepada Belanjawan 2000 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Pertama.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kandungan keseluruhan Belanjawan 2000, ia sememangnya merupakan satu belanjawan mesra rakyat yang mengutamakan kebajikan rakyat. Dengan itu, ia telah disambut gemuruh oleh semua rakyat. Belanjawan ini bukan sahaja mendatangkan manfaat yang amat mendalam kepada seluruh rakyat jelata, malahan ia juga merupakan satu belanjawan yang amat realistik, berpandangan jauh dan membuktikan keinginan kerajaan untuk membangunkan dan memajukan ekonomi negara. Memandangkan kegawatan ekonomi negara masih berada di peringkat awal pemulihan, negara memerlukan unsur-unsur positif yang boleh memberangsangkan perkembangan ekonomi. Selain daripada itu, keadaan persekitaran yang harmoni serta menyediakan satu keadaan pelaburan yang stabil amat diperlukan. Pengajaran dari krisis ekonomi yang menyerang negara kita baru-baru ini harus diingati demi membentuk satu sistem ekonomi yang lebih kukuh, munasabah dan sihat.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pembentangan belanjawan kali ini berdekatan dengan pilihan raya yang menjelang tiba dan merupakan belanjawan yang akan melangkaui ke alaf 2000, maka ia amat menarik perhatian semua orang. Bagi pihak pemerintah, mereka berharap belanjawan tahunan dapat membawa manfaat kepada rakyat, merangsangkan pembangunan ekonomi serta mengekalkan kekukuhan sistem pemerintah negara. Bagi pihak pembangkang mereka sentiasa menggunakan peluang ini untuk mengkritik dasar pemerintahan kerajaan, ini merupakan muslihat mereka yang sebenar. Walau bagaimanapun, sebarang persaingan kuasa di arena politik sepatutnya bertumpu ke atas kepentingan rakyat keseluruhan.

Tuan Yang di-Pertua, negara kini mempunyai lebih kurang 800,000 ribu kakitangan awam yang merupakan tonggak pentadbiran negara. Ia juga merupakan satu pasukan pengguna yang mempunyai kuasa beli tinggi yang mampu menjana

pertumbuhan ekonomi negara. Prestasi kerja dan efisiensi yang dipaparkan oleh kakitangan awam bukan sahaja mencerminkan reputasi negara, malah menggambarkan kecekapan kerajaan. Sebelum itu, ketidakcekapan kakitangan awam dalam pelaksanaan tugas mereka sering menjadi kritikan utama rakyat jelata. Hal ini secara tidak langsung telah mempengaruhi keyakinan rakyat terhadap pentadbiran kerajaan dan pelaksanaan undang-undang di negara kita serta menjejaskan keyakinan pelabur asing untuk melabur di negara kita.

Justeru itu, kenaikan gaji asas 10% bagi semua kakitangan kerajaan menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap mereka. Kita berharap bahawa insentif yang diberikan oleh kerajaan ini dapat merangsangkan kakitangan awam dalam memberi perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat. Yang penting sekali, kita harus berusaha membina satu pasukan pentadbir yang profesional, mampu memenuhi pentadbiran terkini dan mengutamakan efisiensi perkhidmatan berkualiti. Kita patut membuat pengubahsuaian dan menapis sistem pentadbiran negara mengikut kesesuaian masa dan keadaan. Satu sistem perubahan jawatan yang saksama dan adil harus dibentuk dan diamalkan dalam sistem pentadbiran kakitangan awam.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini kerajaan telah pun memberi peruntukan yang banyak kepada sektor pendidikan kerana taraf pendidikan rakyat akan menentukan nasib dan masa depan sesebuah negara. Keazaman untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan di rantau Asia merupakan satu tindakan yang berpandangan jauh dan amat menakjubkan. Ini telah menggalakkan wujudnya satu sistem pembelajaran yang lebih fleksibel dan realistik. Belanjawan 2000 juga memainkan peranan penting dalam mewujudkan suasana pembangunan secara komprehensif dan adil di bandar dan luar bandar. Tumpuan Belanjawan 2000 ke atas pembangunan sistem pendidikan di luar bandar dan kewujudan kolej komuniti yang menyediakan peluang pembelajaran teknologi maklumat merupakan tindakan kerajaan untuk merapatkan jurang antara bandar dan luar bandar.

Dalam pembangunan sektor pendidikan, kerajaan telah memberi keutamaan kepada pembinaan sekolah-sekolah dan kelengkapan lain di kawasan luar bandar. Dalam Belanjawan 2000 yang dibentangkan baru-baru ini, kerajaan telah bercadang untuk membina 609 buah sekolah rendah dan 378 buah sekolah menengah baru pada tahun

2000. Ini merupakan berita yang merangsangkan. Saya ingin meminta Yang Berhormat Menteri Pendidikan menyatakan sama ada pembinaan sekolah rendah kerajaan dan sekolah menengah kerajaan di Sibujaya dan Kampung Sentosa masing-masing di Bahagian Sibujaya sudah terkandung dalam cadangan pembinaan sekolah-sekolah di atas.

Sehubungan itu, saya ingin menarik perhatian kerajaan kepada dua kawasan iaitu yang pertama, Sibujaya. Sibujaya adalah kawasan perumahan kos rendah yang mempunyai lebih kurang 2,000 buah keluarga pelbagai kaum. Ia terletak lebih kurang 30 kilometer dari bandar Sibujaya yang memerlukan masa perjalanan setengah jam dengan kereta atau bas. Kini hanya terdapat sebuah sekolah rendah bantuan (Cina) di kawasan perumahan ini. Dengan ketara ia tidak mampu untuk memenuhi keperluan penduduk-penduduk setempat. Oleh itu, saya bagi pihak penduduk-penduduk tempatan memohon kepada kerajaan agar memperuntukkan sebuah sekolah rendah kerajaan dan sebuah sekolah menengah kerajaan di kawasan perumahan tersebut pada tahun 2000. Ini akan memberi kemudahan kepada murid-murid dari kawasan tersebut.

Kedua, Kampung Sentoasa atau Kampung Usaha Jaya Baru adalah sebuah skim penempatan semula yang mempunyai lebih kurang 1,000 buah keluarga. Kawasan ini belum ada lagi sebarang sekolah. Untuk kemudahan penduduk-penduduk setempat, saya memohon agar pertimbangan serupa juga dapat diberi kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, satu-satunya kelemahan dalam Belanjawan 2000 ini ialah permintaan bantuan kewangan daripada sekolah rendah (Cina) selama ini, masih belum lagi diberi perhatian, walaupun keinginan ini telah dinanti-nantikan oleh komuniti Cina. Selain itu, kekurangan guru di Sekolah Rendah Cina yang berlarutan belum diselesaikan.

Perkara ini paling diambil berat oleh komuniti Cina. Bagi menyelesaikan masalah ini, saya mencadangkan kerajaan memulihkan kelas latihan semasa cuti dan pengambilan guru sementara yang berprestasi tinggi untuk menjalankan latihan di maktab perguruan.

Tuan Yang di-Pertua, pada 29 Julai lalu Bank Negara Malaysia telah mengumumkan program penggabungan sektor perbankan tempatan yang ketat dengan menetapkan pembentukan enam bank teraju yang akan mengetuai penggabungan. Namun, pada bulan Oktober, Bank Negara Malaysia telah melonggarkan keputusan penggabungan institusi perbankan dengan membenarkan mereka membentuk dan memilih sendiri peneraju atau ketua masing-masing selewat-lewatnya akhir Januari

hadapan. Ini bermakna, Bank Negara Malaysia membuka ruang kepada pembentukan lebih daripada enam kumpulan utama penggabungan dan pemilihan penerajunya.

Malaysia kini mempunyai 55 institusi perbankan yang terdiri daripada 20 bank perdagangan, 23 syarikat kewangan dan 12 bank saudagar yang perlu dikurangkan dengan ketara untuk memantapkan sistem perbankan negara. Kita memerlukan sebuah sistem perbankan yang mantap dan efisien serta berdaya tahan bagi menyokong keperluan pembiayaan ekonomi supaya negara dapat terus mencapai pertumbuhan yang kukuh secara berterusan. Dengan proses liberalisasi dan globalisasi sektor perbankan, keperluan rasionalisasi dan penggabungan institusi perbankan domestik tidak dapat dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, saya merayu dan memohon agar kerajaan dapat memberi pertimbangan kepada negeri Sarawak memandangkan keadaannya yang agak berlainan dengan negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia. Disebabkan faktor-faktor sejarah, kemajuan di negeri Sarawak dalam pelbagai aspek adalah lebih lambat jika dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia. Dengan itu, sektor perbankan tempatan tetap tidak tertanding dengan mereka di Semenanjung Malaysia, terutamanya dalam hal menjadi bank teraju. Maka, dalam usaha penggabungan bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan, saya memohon agar kerajaan dapat memberi kelonggaran untuk melambatkan proses gabungan tersebut bagi bank-bank tempatan selama beberapa tahun lagi. Ini akan membolehkan mereka untuk mengukuhkan asas modal mereka dalam memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini, saya menyokong seruan dan cadangan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak, supaya bank-bank tempatan Sarawak bergabung sesama sendiri. Seruan ini amat tepat dan peka kepada keperluan dan citarasa tempatan. Bank-bank tempatan harus mengkaji kemungkinan bergabung untuk menjadi sebuah bank teraju dengan persetujuan daripada Bank Negara Malaysia. Bank-bank tempatan telah memberi perkhidmatan kepada komuniti perniagaan tempatan untuk berpuluh-puluh tahun terutamanya perniagaan kecil dan sederhana. Mereka telah menjalinkan satu perhubungan yang rapat dengan masyarakat tempatan. Sebagai institusi-institusi perbankan tempatan, mereka mempunyai kelebihan dalam memahami

keadaan tempatan dalam aspek sosial, ekonomi, politik mahupun budaya. Kelebihan ini akan membolehkan mereka memberi sumbangan yang lebih positif kepada masyarakat tempatan. Ini turut akan membawa manfaat kepada golongan peniaga asing yang berurusan di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menetapkan bahawa mulai 1 Oktober 1999, seseorang individu hanya dibenarkan memegang 25 jawatan pengarah syarikat. Daripada 25 jawatan itu, 10 jawatan hendaklah dalam syarikat senaraian awam, manakala bakinya 15 dalam syarikat persendirian. Langkah kerajaan tersebut bertujuan untuk mengukuhkan dan mempertingkatkan kewibawaan serta pengurusan korporat. Peraturan ini turut akan mengurangkan amalan, sekadar meminjamkan nama, reputasi dan kedudukan tanpa berupaya memberi sumbangan berkesan dalam menentukan keputusan syarikat. Inisiatif kerajaan dalam aspek ini harus disanjung. Namun begitu, saya berasa peraturan ini boleh diulang kaji atau dilonggarkan tertakluk kepada syarat-syarat yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, sejak pengumuman peraturan ini pada permulaan tahun 1999, kami mendapati bahawa ia menimbulkan masalah dan kesukaran kepada mereka yang benar-benar mempunyai keupayaan dari segi inisiatif, asas modal dan kemahiran pengurusan. Golongan ini harus diberi peluang untuk membuktikan kebolehan mereka dan tidak dihalang oleh peraturan tersebut. Ini adalah penting memandangkan kerajaan selalu giat menggalakkan para pedagang agar mempelbagaikan perniagaan mereka. Sudah tentu sesebuah syarikat senaraian awam akan menubuhkan banyak syarikat anak, jikalau objektif mempelbagaian hendak dicapai. Justeru itu, saya bercadang supaya kerajaan melonggarkan peraturan tersebut supaya:

- (i) meningkatkan had keahlian individu untuk menjadi pengarah syarikat persendirian kepada 30 buah syarikat; dan
- (ii) memberi pertimbangan istimewa kepada mereka yang telah membuktikan kemahiran dan prestasi unggul dan juga mempunyai rekod dan kedudukan kewangan yang baik.

Kelonggaran ini akan memberi lebih ruangan perkembangan kepada sektor perdagangan di negara ini. Ini adalah penting semasa negara kita sedang dalam peringkat pemulihan daripada kemelesetan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita kaya dengan pelbagai budaya, adat resam dan agama, hasil daripada rakyatnya yang berbilang bangsa. Bagi menonjolkan keunikan negara kita ini, pada masa yang sama mewujudkan sebuah masyarakat penyayang dan berhemah tinggi, saya ingin menyeru kepada kerajaan bahawa kita haruslah mengamalkan sikap terbuka terhadap semua aktiviti yang berunsurkan budaya dan agama masing-masing. Kesemua aktiviti yang dianjurkan oleh organisasi-organisasi tersebut, haruslah disokong sepenuhnya oleh kerajaan dan diperuntukkan tabung yang mencukupi. Misalnya, sekolah swasta Cina walaupun tidak diterima dalam sistem pendidikan formal di negara kita, namun, sumbangannya dalam melahirkan generasi yang berpotensi dalam pembangunan negara sepatutnya mendapat pengiktirafan dan bantuan kewangan daripada pihak kerajaan.

Baru-baru ini, Universiti Singapura telah mengambil pelajar lepasan sekolah swasta Cina ini dengan meluasnya. Hal ini harus diberi perhatian oleh pihak berkenaan kerana ketidakiktirafan kerajaan Malaysia terhadap golongan ini secara tidak langsung telah menyebabkan pengaliran sumber manusia yang berpotensi ke negara jiran. Ini mungkin akan mewujudkan persaingan hebat terhadap negara kita sendiri dan seterusnya merugikan negara dalam jangka masa yang panjang.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Belanjawan 2000 dengan sepenuhnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kluang.
5.10 ptg.

Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang kepada saya untuk berbahas pada petang ini.

Belanjawan Persekutuan tahun 2000 ini yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan I, membuktikan azam kerajaan untuk meneruskan dasar pragmatik bagi memperkukuhkan pemulihan ekonomi. Dengan mengambil kira persekitaran ekonomi luar dan dalam negeri, belanjawan kali ini yang merupakan belanjawan pertama bagi abad yang ke-21 ini meletakkan asas hala tuju dasar dan strategi pembangunan negara bagi menghadapi cabaran serta merebut peluang di alaf baru.

Belanjawan kali ini menekankan memperkukuhkan lagi daya saing dan daya tahan negara kepada risiko-risiko luaran menjadikan sektor perkhidmatan sebagai

pendorong pertumbuhan ekonomi di samping memantapkan sektor pertanian meneruskan program sosial dan kesejahteraan rakyat serta penjagaan alam sekitar.

Strategi Belanjawan 2000 terus memberikan tumpuan kepada usaha mempercepat lagi pertumbuhan ekonomi terutamanya mencergaskan permintaan dalam negeri sebagai penjana utama pertumbuhan. Sungguhpun ekonomi negara kita telah pulih dengan cepat dan pertumbuhannya akan bertambah baik dan mantap pada tahun hadapan dan kita perlu berwaspada dan bersedia menghadapi cabaran-cabaran luaran dan dalaman.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun unsur-unsur luar seperti pemulihan serantau masih belum mantap dan ia juga terdedah kepada risiko berterusan daripada serangan spekulator mata wang dan sebagainya yang boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara kita, saya fikir kerajaan harus perlu memberi tumpuan bagi menangani isu-isu ekonomi dalaman dengan sebaik mungkin bagi memperkukuhkan lagi asas pertumbuhan ekonomi negara.

Walaupun Malaysia telah keluar daripada belenggu kemelesetan, krisis kewangan yang lalu menyedarkan kerajaan beberapa kelemahan struktur, oleh kerana ekonomi negara kita terlalu bergantung kepada permintaan luar manakala permintaan dalam negeri khususnya dari sektor swasta kurang berkeupayaan untuk menyokong pertumbuhan ekonomi. Asas eksport negara kita pula mesti diperluaskan dan dipelbagaikan, tidak hanya bertumpu sebahagian besar kepada barangan perkilangan khususnya barangan elektronik dan separa konduktor. Memandangkan demikian, untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang mapan, asas-asas ekonomi kita perlu lebih seimbang dan punca pertumbuhan dipelbagaikan.

Tuan Yang di-Pertua, sejumlah RM332 juta telah diperuntukan bagi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri bagi Belanjawan tahun 2000, antaranya RM70 juta adalah untuk Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC).

Industri Kecil dan Sederhana (IKS) merangkumi peratusan yang tinggi dari jumlah sektor perkilangan dan secara amnya syarikat-syarikat IKS yang mempunyai modal berbayar dari RM2.5 juta ke bawah dan pekerja sepenuh masa kurang daripada 75 orang adalah dikecualikan daripada lesen perkilangan. Walau bagaimanapun, kesemua

syarikat ini adalah layak untuk memohon insentif bahawa Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

Dalam tahun 1998 sejumlah 108 permohonan untuk insentif telah diterima daripada syarikat-syarikat IKS yang melibatkan modal pelaburan sebanyak RM212.25 juta berbanding dengan tahun 1997 di mana 179 permohonan telah diterima dengan modal pelaburan sebanyak RM495.95 juta.

Ini jelas diperlihatkan penurunan sebanyak 57% di mana sebahagian besarnya berpunca dari penurunan mendadak sebanyak 62% dalam pelaburan tempatan yang diakibatkan oleh kelembapan ekonomi. Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana memang berusaha menyalurkan bantuan dan sokongan kepada sektor IKS terutamanya dari segi pembinaan kemampuan dan juga dalam memperolehi dana untuk operasi mereka semasa kelembapan ekonomi ini.

Sokongan institusi juga diberikan oleh pihak kerajaan kepada syarikat-syarikat IKS dalam menerokai peluang pasaran eksport untuk mengimbangi penguncupan yang berlaku dalam permintaan pasaran tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, pengurangan dalam permintaan tempatan dan permintaan luar yang lemah akibat dari krisis kewangan serantau, telah menjejaskan prestasi syarikat-syarikat IKS. Kaji selidik yang telah dijalankan oleh Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana mendapati bahawa syarikat-syarikat dalam sektor mesin dan kejuruteraan paling banyak terjejas. Manakala sektor berasaskan sumber paling kurang terjejas berbanding dengan sektor-sektor yang lain. Jadi, syarikat-syarikat IKS yang banyak terjejas adalah yang bergantung kepada pasaran tempatan tetapi sumber-sumber pengeluaran diimport dari luar yang kebanyakannya menggunakan Dolar Amerika.

Jadi, bagi terus menyokong usaha-usaha pemulihan ekonomi dan mengurangkan kesukaran yang dialami oleh syarikat-syarikat IKS, saya di sini ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada pihak kerajaan kerana telah menubuhkan tabung-tabung seperti Tabung IKS dan Tabung Pemulihan untuk IKS. Tabung-tabung ini bertujuan membantu syarikat-syarikat menghadapi masalah pinjaman tidak berbayar dan masalah aliran tunai yang boleh diperolehi di institusi-institusi kewangan.

Tabung Pemulihan IKS pula telah dilancarkan pada bulan November 1998 dan lebih awal daripada ini iaitu pada tahun 1990 Tabung Bantuan Teknikal Industri (ITAF)

yang disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pada pagi ini yang telah diperkenalkan, ianya ditubuhkan untuk tujuan menyediakan geran bantuan kepada syarikat-syarikat IKS untuk meningkatkan lagi dan memodenkan lagi operasi perkilangan mereka. Pengurusan tabung ini juga dipusatkan di SMIDEC untuk memendekkan masa pemerosesan dan peraturannya juga telah dipermudahkan supaya ITAF ini yang menjadi mercu tanda SMIDEC dapat dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedar sektor Industri Kecil dan Sederhana yang moden, yang mempunyai daya saing yang tinggi dapat meningkatkan keupayaan dan ketahanan ekonomi. Oleh itu sektor ini akan terus diberi keutamaan, keupayaan dan ketahanan dan menyumbang dengan lebih ketara kepada permintaan dalam negeri dan pasaran eksport.

Seperti yang dinyatakan dalam Belanjawan tahun 2000 ini, sehingga kini sejumlah RM4.7 bilion telah diperuntukkan di bawah beberapa dana untuk membangunkan IKS dan untuk memastikan dana ini dapat dimanfaatkan oleh lebih ramai pengusaha serta pengagihan yang lebih saksama, syarikat-syarikat yang berkelayakan akan dikaji semula.

Memandangkan skim pinjaman di bawah sektor Syarikat Jaminan Kredit (CGC) yang memainkan peranan yang penting dalam memudahkan peniaga kecil dapat kemudahan pinjaman, kerajaan juga akan menyusun semula CGC untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanannya. Jadi, saya ingin mengucapkan terima kasih atas keprihatinan kerajaan atas perkara ini.

Selain daripada itu, sejumlah RM76.7 juta telah disediakan untuk membiayaan pinjaman mudah kepada usahawan IKS membina kemudahan infrastruktur, membangunkan teknologi dan membantu memproseskan barangan tempatan untuk menembusi pasaran luar negara. Di samping itu, kerajaan akan menubuhkan Tabung Pemulihan Usahawan Dua dengan dana sebanyak RM300 juta untuk membantu usahawan-usahawan kecil.

Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan melalui pihak MITI telah berusaha untuk membantu IKS khususnya menubuhkan tabung-tabung untuk IKS. Tetapi baru-baru ini saya ditemui oleh beberapa syarikat IKS di mana mereka masih memerlukan bantuan kewangan. Dalam pertemuan itu saya nampak ramai di antara mereka masih tidak sedar

ataupun kurang sedar tentang kemudahan-kemudahan ataupun fasiliti-fasiliti yang telah disediakan oleh pihak kerajaan. Dan dalam pertemuan itu juga mereka memaklumkan kepada saya, yang pertama tentang kemudahan-kemudahan ataupun fasiliti-fasiliti yang diberi oleh bank-bank kepada mereka dahulu telah pun ditarik balik dalam satu-dua tahun yang lepas ini. Ini menyebabkan mereka lebih susah kerana masalah kewangan. Kalau keadaan ini benar, saya ingin merayu kepada pihak institusi kewangan supaya kesemua *credit line* ini yang ditarik balik itu dapat ditawarkan semula kepada mereka yang memerlukan kemudahan-kemudahan atau pun fasiliti-fasiliti ini.

Kedua, *Human Resource Development Fund* – mereka memberitahu kepada saya mengatakan bahawa *Human Resource Development Fund* ini masih jauh under *utilize*. Maka saya ingin menarik perhatian kepada pihak MITI, supaya *Human Resource Development Fund* ini dapat digunakan dengan sepenuhnya untuk memberi faedah dan manfaat kepada sektor industri kecil dan sederhana di negara kita ini. Ketiga, tentang bayaran untuk sijil Halal – Bayaran untuk sijil Halal yang dikatakan adalah tinggi selepas ia diswastakan. Walaupun *SMI Association Malaysia* dan *National SMI Consultative Center* telah merayu kepada pihak kerajaan pada April tahun ini tetapi sampai hari ini mereka masih belum dapat apa-apa maklumbalas ataupun jawapan.

Jadi, dalam perbincangan ini, saya ingin sekali lagi bagi pihak sektor IKS, merayu kepada pihak kerajaan supaya kaji semula tentang perkara ini dan mudah-mudahan kita dapat satu penyelesaian yang baik dalam perkara ini untuk membantu sektor IKS di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan sektor pertanian pula perlu dimantapkan lagi bagi menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Dasar Pertanian Negara Ketiga yang telah dirangkakan merupakan visi baru bagi pembangunan sektor pertanian. Ini merupakan komitmen pihak kerajaan untuk memaksimumkan hasil pendapatan dan mengoptimumkan pengguna sumber pertanian melalui pemodenan dan pendekatan secara komersial. Kerajaan harus juga terus mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah pengeluaran makanan kerana kalau kita baca bil import pada tahun-tahun yang lepas, ia memang menunjukkan peningkatan. Misalnya pada tahun 1985, bil import adalah sebanyak RM3.5 bilion. Sepuluh tahun kemudian iaitu pada tahun 1995 ia meningkat sehingga RM7.7 bilion. Dua tahun kemudian iaitu pada tahun 1997 bil import

telah pun meningkat sehingga RM10 bilion. Jadi, langkah-langkah yang lain harus diambil oleh pihak kerajaan seperti kerajaan harus mengezonkan kawasan khusus untuk pengeluaran makanan, mempergiatkan lagi usaha penyelidikan dan pembangunan, mengatasi kekurangan tenaga buruh dalam sektor pertanian dan cuba menggunakan sumber tanah secara maksimum iaitu mengintegrasikan ternakan dan tanaman ladang, kalau boleh.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih dalam belanjawan Persekutuan 2000 ini, di mana peruntukan sebanyak RM1.5 bilion telah disediakan bagi melaksanakan pelbagai program pembangunan sektor pertanian dalam tahun 2000 ini. Ini termasuk pelbagai program peningkatan ataupun meningkatkan kualiti dan produktiviti hasil pertanian seperti pembinaan infrastruktur, khidmat pengembangan, bimbingan teknikal serta pengenalan dan penggunaan teknologi baru di samping usaha memantapkan lagi sistem dan pemasaran hasil pertanian. Kita sangat berharap dengan adanya usaha pihak kerajaan, ia bukan sahaja dapat mengurangkan atau menurunkan bil import makanan, bahkan dengan adanya kerjasama daripada agensi-agensi kerajaan yang lain, ia dapat meningkatkan taraf kehidupan golongan petani di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, golongan belia merupakan kelompok rakyat yang perlu diberikan perhatian yang sewajarnya kerana mereka merupakan golongan teristimewa bagi bakal mewarisi kekayaan pembangunan, kestabilan perindustrian dan juga dengan segala yang terdapat di negara kita ini. Saya percaya kerajaan memang ada merancang dan menyusun pelbagai strategi dan pelan bertindak untuk memantapkan belia dan melahirkan insan yang berkualiti. Belia kita akan menumpukan, merupakan satu generasi yang kuat keazamannya, mantap akal budinya serta menghayati semangat kecintaan terhadap negara yang tidak berbelah bagi.

Sejumlah RM44.6 juta dalam Belanjawan 2000 ini yang disediakan oleh program-program pembangunan belia. Antara program yang diberikan penekanan khas iaitu program Rakan Muda yang bertujuan membanteraskan gejala sosial yang tidak diinginkan di kalangan remaja kita. Juga program Khidmat Sosial yang bertujuan membina kecemerlangan diri dan membentuk perilaku yang baik di kalangan anak muda kelepasan sekolah. Program untuk membangunkan pimpinan juga digalakkan dengan meningkatkan minat lebih ramai lagi anak muda yang melibatkan diri menjadi ahli NGO belia dan

mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang sihat dan berguna serta memberi peluang pembangunan, kebolehan, kepimpinan anak-anak muda.

Walau bagaimanapun saya berharap pihak kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan akan dapat mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti dan rancangan-rancangan yang tertentu untuk mempersiapkan generasi muda kita ke abad yang ke 21. Antaranya, saya berharap kerajaan dapat melatih lebih ramai lagi generasi muda dalam bidang kepimpinan terdiri daripada belia lepasan sekolah ataupun institusi pengajian tinggi supaya dapat menampilkan pemimpin pelapis yang punya rasa bertanggungjawab.

Yang kedua ialah memikirkan rancangan-rancangan yang mengenai potensi pembangunan belia dalam pelbagai bidang seperti penubuhan institusi kemahiran belia dan pusat aktiviti belia di peringkat negari dan daerah. Mungkin sudah sampai masanya kerajaan dapat mengkaji semula program kepimpinan, program Rakan Muda dan program pembangunan wanita, mungkin termasuk juga Dasar Belia Negara supaya dapat kita mengimpikan untuk membina generasi muda kita yang bukan sahaja mempunyai nilai-nilai yang terpuji dan luhur tetapi juga penuh rasa tanggungjawab sebagai generasi pembinaan negara.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang akhir, tentang kesihatan. Saya ucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan khususnya melalui Kementerian Kesihatan dalam Belanjawan 2000 ini kerana sebanyak RM349.5 juta diperuntukkan oleh hospital-hospital baru. Saya telah memohon sebenarnya pada tahun 1995, di mana saya minta supaya kerajaan dapat membina satu hospital baru di Kluang dan hospital lama yang sedia ada ini kerana dibina mungkin sudah 50 tahun dahulu di mana kalau kita lihat kedudukan sekarang, bandar membangun dengan begitu pesat dan penduduk bertambah dengan begitu ramai dan keadaan hospital lama ini memang tidak cukup untuk menampung keperluan penduduk-penduduk di Kluang ini. Walaupun kerajaan telah berjanji agar hospital baru ini akan dibina dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan lokasi dan tapak hospital ini akan diselesaikan pada tahun 2000, maka saya ambil kesempatan pada petang ini supaya menarik perhatian Kementerian Kesihatan supaya dapat kita selesaikan tapak ataupun lokasi hospital baru ini dalam tahun depan dan mudah-mudahan pembinaannya dapat dilaksanakan selepas ini. Jadi dengan kata demikian saya pohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Gelang Patah boleh berucap pagi besok ya.

Tuan Chang See Ten: Okey, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

Okt 1999

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan Pertama, Tun Dato’ Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato’ Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri Pertahanan, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)

- Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan Kedua, Datuk Haji Mustapa bin Mohamed, S.I.M.P., D.P.M.S. (Jeli)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Panglima Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.C.M., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Mohamad Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, S.P.M.P. D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ir. Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K, A.S.D.K., P.J.N. (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.D.K., P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Tengku Dato’ Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., J.P., P.J.C., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., J.S.M., P.M.P., K.M.N., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M., D.M.P.N., D.S.A.P. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abd. Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Haji Idris bin Jusoh, D.P.M.T., P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.D.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S., (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng, K.M.N. (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria P.J.K. (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

- Yang Berhormat Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timur)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Datuk Haji Hanafi bin Ramli, P.J.N., D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun anak Pungga, P.B.S. (Kapit)

- Yang Berhormat Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Haji Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Ir. Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Ir. Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Datuk Mansor bin Masikon, P.S.R. (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)

- Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, K.M.N., J.P., A.S.A., P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paulis Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Hajah Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato' Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)

- Yang Berhormat Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Larang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Meringking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

- Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan,
P.S.D., J.S.D., K.M.N.
- Ketua Penolong Setiausaha : Zamani bin Haji Sulaiman
: Haji Mustakin bin Selamat
- Penolong Setiausaha : Haji Mustafa bin Abdul Rahman
: Ruhana binti Abdullah
: Riduan bin Rahmat

CAWANGAN DOKUMENTASI

- Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
: Monarita binti Mohd. Hassan
- Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
: Hajah Supiah binti Dewak
: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop

: Mohamed bin Osman
: Hajah Norishah binti Mohd. Thani
: Shamsina binti Janor

: Ramlah binti Mohd. Yusuff
: Noor Effarizan binti Mat Satib
: Nurziana binti Ismail
: Azita binti Nawī
: Nik Elyana binti Ahyat
: Taharah binti Mohamed
: Jamilah Intan binti Haji Bohari
- Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Haji Hasan

CAWANGAN BENTARA

- Bentara Mesyuarat: : Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
: Mejar (B) Zakaria bin Salleh
: Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PARLIMEN KESEMBILAN**PENGGAL KELIMA****MESYUARAT KETIGA**

Jilid V	Bil. 44	Selasa	9 November 1999
----------------	----------------	---------------	------------------------

K A N D U N G A N**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2000

(Ruangan 24)

USUL:

Anggaran Pembangunan 2000

(Ruangan 24)